

**PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM MAAKL MUTUAL
DAN PUBLIC MUTUAL : SUATU PERBANDINGAN**

SUHAILAH BINTI JAAFAR

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM MAAKL
MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL : SUATU
PERBANDINGAN**

SUHAILAH BINTI JAAFAR

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM MAAKL
MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL : SUATU
PERBANDINGAN**

SUHAILAH BINTI JAAFAR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

Perakuan Keaslian Penulisan

ABSTRAK

Pelaburan unit amanah merupakan pelaburan jangka panjang yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Keyakinan masyarakat untuk melibatkan diri dalam industri ini memberikan kesan positif untuk industri ini terus berkembang dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi masyarakat dan negara. Dewasa ini, terdapat banyak institusi kewangan menawarkan instrumen berteraskan Islam termasuklah pelaburan unit amanah. Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan dari aspek pengurusan dananya serta pengurusan Syariah yang terlibat. Kajian ini bertujuan mengenalpasti jenis-jenis dana unit amanah Islam yang ditawarkan, membandingkan pengurusan dana unit amanah Islam dan mengenapasti pengurusan Syariah yang terlibat dalam menguruskan dana-dana unit amanah Islam di MAAKL Mutuall dan Public Mutuall. Penulis memilih MAAKL Mutuall dan Public Mutuall sabagai kajian kes. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan mengumpulkan data kajian melalui kaedah kajian perpustakaan, kaedah dokumentasi dan kaedah temu bual. Manakala data dianalisis dengan mengumpulkan maklumat dari data sekunder berkaitan unit amanah Islam dan ketepatan maklumat disokong berdasarkan data primer yang diperolehi daripada temu bual. Temu bual dijalankan ke atas Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutuall dan Penasihat Syariah Public Mutuall Sdn. Bhd. bertujuan mendapatkan pengesahan maklumat yang diperolehi penulis berkaitan pengurusan dana unit amanah yang dijalankan di institusi berkenaan. Kajian mendapati, kedua-dua institusi yang terlibat menguruskan dana dengan baik berdasarkan kaedah yang telah ditentukan dalam institusi berkenaan serta menetapkan pengurus dana yang khusus bagi mengendalikan dana tersebut. Selain itu, kedua-dua institusi turut mengambil berat dalam aspek pembahagian aset dengan menetapkan sejumlah peratusan yang perlu dilaburkan dalam saham patuh Syariah dan saham-saham lain bagi memastikan kestabilan dana. Pemilihan saham turut diteliti bagi memastikan saham yang terlibat patuh Syariah mengikut penanda aras yang ditetapkan sebelum sesuatu dana dimasukkan.

ABSTRACT

Unit trust investments are long term investments which are gaining traction among the public. Confidence of the commodity to get involved in this industry give a positive impact for the industry to grow and to contribute the improvement of society and country. Nowadays, there are many financial institutions offering Islamic based instruments including unit trust investment. However, there are some differences in terms of the Syariah fund management and operations. The objective in this study is, identify types of Islamic unit trust funds, comparing Islamic unit trust fund management and identify Syariah operations involved in managing unit trust funds Islamic MAAKL Mutual and Public Mutual. Authors choose MAAKL Mutual and Public Mutual as a case study. This is qualitative research study conducted by collecting data through library research, documentation and interview methods. The data was analysed by collecting information from secondary data related to Islamic unit trust and accuracy of the information is supported by the primary data obtained from interviews. Interviews were conducted over the Associate Syariah Advisory MAAKL Mutual and Syariah Adviser Public Mutual Sdn. Bhd. to confirm about the information about unit trust investment. The study found that, both institutions managed the fund effectively by following their specific methods. A fund manager has also been selected specifically to handle these funds. These institutions put great value in the distribution of assets and fund stability by standardizing the investment percentage in Syariah-compliant stock and others. Before any fund was included, the stock is selected carefully to ensure it follows standard Syariah-compliant procedure.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjatkan kehadiran Allah s.w.t. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta para sahabat baginda. Alhamdulillah bersyukur kehadiran Illahi kerana dengan kurniaan taufik dan keizinannya saya telah berjaya menyiapkan disertasi ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan khusus buat penyelia saya Encik Azizi Bin Che Seman kerana telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan disertasi ini dan terlalu banyak motivasi serta pandangan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga Allah merahmati segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan. Ribuan terima kasih juga buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya yang sudi memberikan pandangan yang bernas dan komen yang membina dalam menyiapkan disertasi ini. Ucapan terima kasih ini juga saya dedikasikan khas buat mak, Hasnah Binti Mat Pilus dan abah, Jaafar Bin Abdul Rani yang tidak jemu memberikan sokongan dan doa agar pengajian ini berjalan lancar dan dipermudahkan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada kedua ibu bapa susuan di Chini, Pahang yang sentiasa mendoakan kejayaan dalam pengajian yang dijalankan. Terima kasih juga buat adik-beradik dan saudara mara yang sentiasa memberikan sokongan sepanjang menyiapkan disertasi ini. Seterusnya, ribuan terima kasih kepada rakan-rakan di Universiti Malaya dan di UiTM Pahang yang sentiasa menjadi penguat semangat dan sentiasa mendoakan kejayaan buat diri ini. Buat akhir kalinya ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua yang telah terlibat dalam menyiapkan disertasi ini secara langsung atau tidak langsung. Segala jasa kalian amat dihargai dan semoga Allah s.w.t memberikan kerahmatan dan kesejahteraan di atas kebaikan yang telah diberikan. Sekian terima kasih.

Suhailah Binti Jaafar
W-24 Jalan Haji Daud Kampung Pulau Keladi,
26600 Pekan Pahang, Darul Makmur
suhailahjaafar@gmail.com
013-9534593

PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	viii
A. Senarai Kependekan.....	viii
BAB 1	1
Pengenalan	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATARBELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN	2
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	3
1.4 MATLAMAT KAJIAN	3
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	3
1.6 DEFINISI OPERASI KAJIAN	4
1.7 SKOP DAN BATASAN PENYELIDIKAN	5
1.8 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN	6
1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN	7
1.9.1 Bentuk kajian	8
1.9.1.1 Data Primer	8
1.9.1.2 Data Sekunder.....	8
1.9.2 Kaedah Pengumpulan data.....	9
1.9.2.1 Kaedah kajian perpustakaan	9
1.9.2.2 Kaedah Dokumentasi.....	9
1.9.2.3 Kaedah Temu bual	10
1.9.2.4 Langkah-langkah pengumpulan data	11
1.9.3 Kaedah analisis data.....	13
1.10 SOROTAN KAJIAN LEPAS	14
1.10.1 Kajian Umum.....	15
1.10.2 Kajian Prestasi atau operasi	16

1.10.3 Kajian Pemfokusan	20
BAB 2	24
LATABELAKANG UNIT AMANAH DAN UNIT AMANAH ISLAM.....	24
2.1 SEJARAH SAHAM AMANAH.....	24
2.2 SAHAM AMANAH DI MALAYSIA	26
2.3 SEJARAH AMANAH SAHAM ISLAM	28
2.4 PERBEZAAN SAHAM AMANAH DAN UNIT AMANAH	29
2.5 DEFINISI UNIT AMANAH.....	30
2.6 FAEDAH MELABUR DALAM UNIT AMANAH :.....	32
2.7 KELEMAHAN MELABUR DALAM UNIT AMANAH :	34
2.8 GARIS PANDUAN MELABUR DALAM UNIT AMANAH.	35
2.9 JENIS-JENIS DANA UNIT AMANAH	35
2.10 PEMEGANG AMANAH.....	36
2.11 CIRI-CIRI UNIT AMANAH ISLAM :	38
2.12 PENASIHAT SYARIAH.....	39
2.13 PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM	40
BAB 3	45
PENGENALAN KEPADA KAJIAN KES MAAKL MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL DAN JENIS-JENIS DANA YANG DITAWARKAN	45
3.1 PENGENALAN.....	45
3.2 MAAKL Mutual	48
3.2.1 Latarbelakang MAAKL Mutual.....	48
3.2.2 Visi dan Misi MAAKL Mutual.....	50
3.2.3 Tujuh Prinsip Etika MAAKL Mutual	51
3.2.4 Produk MAAKL Mutual	51
3.2.5 Penasihat Syariah	52
3.2.6 Jenis dana yang ditawarkan.....	53
3.2.7 Maklumat terperinci dana Syariah MAAKL Mutual	54
3.3 Public Mutual.....	75

3.3.1	Sejarah Penubuhan Public Mutal	75
3.3.2	Objektif Penubuhan Public Mutal	75
3.3.3	Ciri-ciri Public Mutal	76
3.3.4	Pemegang amanah.....	77
3.3.6	Jenis dana yang ditawarkan.....	80
3.3.7	Maklumat Terperinci Dana	81
BAB 4		105
PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM DI MAAKL MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL		105
4.1	ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PENGURUS DANA	109
4.2	ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PEMILIHAN SAHAM ...	118
4.3	ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PEMBAHAGIAN ASET	125
BAB 5		129
PENUTUP.....		129
BIBLIOGRAFI		135
APENDIKS		140
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

A. Senarai Kependekan

AAIOFI	: Accounting And Auditing Organization For Islamic Financial
ARB	: Syarikat Amanah Raya Berhad
ART	: Amanah Raya Trustees Berhad
ASI	: Amanah Saham Islam
ASJ	: Amanah Saham Johor
ASM	: Amanah Saham Malaysia
ASN	: Amanah Saham Nasional
ASNITA	: Amanah Saham Wanita
BNM	: Bank Negara Malaysia
CIMB-Principal	: CIMB-Principal Asset Management Berhad
FBM KLCI	: FTSE Bursa Malaysia KLCI Index
FIMM	: Federation Investment Managers Malaysia
FPAM	: Financial Planning Association of Malaysia
GIA	: Akaun Pelaburan Am

HLG	: Hong Leong Group
HwangIM	: Hwang Investment Management Berhad
IBFIM	: Islamic Banking Finance Institute Malaysia
IIMM	: Pasaran Wang Antara Bank Islam Institution
IPO	: Tawaran Awam Awal
ISRA	: International Shariah Research Academy For Islamic Finance
KLCI	: Kuala Lumpur Composite Index
KPII	: Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MAF	: MAAKL Al-Faid
MAFZ	: MAAKL Al-Fauzan
MAM	: MAAKL Al-Ma'mun
MAS	: MAAKL As-Saad
MAU	: MAAKL Al-Umran
MbfUT	: MBf Corporation Unit Trust Management Berhad
MCS	: MAAKL-CM Shariah Flexi Fund
MERIDIAN	: Meridian Asset Management Sdn Bhd
MPS	: Majlis Penasihat Syariah

MSAP	: MAAKL Shariah Asia-Pacific Fund
MSIF	: MAAKL Syariah Index Fund
MSPF	: MAAKL-HW Shariah Progress Fund
MTB	: Maybank Trustees Berhad
MUTI	: Malaysian Unit Trust Information
NAB	: Nilai Aset Bersih
PB	: Public Bank
PBIAEF	: PB Dana Islamic Asia Equity
PBIASSF	: PB Dana Islamic Asia Strategic Sektor
PBIBF	: PB Dana Islamic Bond
PBICMF	: PB Dana Islamic Cash Management
PBIEF	: PB Dana Islamic Equity
PBSKF	: PB Dana Sukuk
PER	: Nisbah Harga Perolehan
PJB	: Public Mutual Johor
PNB	: Permodalan Nasional Berhad
REIT	: Real Estate Investment Trust
SEADCL	: South-East Asia Development Corporation Limited

SS	: Suruhanjaya Sekuriti
UPENA	: University Publication Centre
UT	: Unit Trust
ZI Shariah	: ZI Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.

B. Senarai Jadual

Jadual 2.4	: Perbezaan Saham Amanah dan Unit Amanah
Jadual 3.1	: Kriteria Pemilihan Public Mutual dan MAAKL Mutual sebagai kajian kes
Jadual 3.2	: Dana-dana Unit Amanah Islam MAAKL Mutual
Jadual 3.3	: Dana MAAKL - <i>HW Syariah Progress Fund</i> (MSPF)
Jadual 3.4	: Dana MAAKL Syariah Asia - Pacific (MSAP)
Jadual 3.5	: Dana MAAKL - Cm Syariah Flexi Fund (MCS)
Jadual 3.6	: Dana MAAKL Al-Umran (MAU)
Jadual 3.7	: Dana MAAKL Al-Fauzan (MAFZ)
Jadual 3.8	: Dana MAAKL Syariah Index Fund (MSIF)
Jadual 3.9	: Dana MAAKL Al-Faid (MAF)
Jadual 3.10	: Dana MAAKL As-Saad (MAS)

Jadual 3.11	: Dana MAAKL Al-Ma'mun (MAM)
Jadual 3.12	: Dana-Dana Unit Amanah Islam Public Mutual
Jadual 3.13	: PB Dana Islamic Equity (PBIEF)
Jadual 3.14	: PB Dana Islamic Asia Equity (PBIAEF)
Jadual 3.15	: PB Dana Islamic Asia Strategic Sektor (PBIASSF)
Jadual 3.16	: PB Dana Islamic Bond
Jadual 3.17	: PB Dana Sukuk
Jadual 3.18	: PB Dana Islamic Cash Management (PBICMF)
Jadual 4.1	: Hasil Temubual

C. Senarai lampiran

Lampiran A	: Soalan temu bual
Lampiran B	: Sesi fotografi bersama Penasihat Syariah Public Mutual Sdn. Bhd. Prof. Madya Dr. Akram Bin Laldin
Lampiran C	: Sesi fotografi bersama Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual. Dato' Mohd Bakir Bin Haji Mansor

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Pelaburan unit amanah merupakan suatu sistem pelaburan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan para pelabur. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika industri ini semakin melonjak naik seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Keyakinan masyarakat terhadap perkembangan unit amanah ini juga semakin meningkat, hal ini memberi kesan yang baik agar industri ini terus berkembang serta mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi masyarakat dan negara. Kebanyakan institusi kini seolah-olah berlumba-lumba untuk mengislamisasikan institusi masing-masing seperti institusi perbankan, institusi perlindungan dan tidak ketinggalan juga institusi pelaburan. Hal ini menunjukkan masyarakat telah membuka mata dan menerima hampir sepenuhnya pengamalan transaksi berasaskan Syariah tidak kira dalam kalangan masyarakat Islam mahupun bukan Islam. Oleh itu, terpulang kepada masyarakat untuk memilih industri mana yang menawarkan perkhidmatan terbaik, kerana pelbagai alternatif telah pun disediakan. Dewasa ini, terdapat banyak institusi yang menawarkan pelaburan dalam unit amanah dan setiap institusi tersebut turut menyediakan pelaburan unit amanah yang berteraskan Syariah. Namun begitu terdapat beberapa perbezaan dari aspek pengurusan dananya serta operasi Syariah yang terlibat. Oleh yang demikian, bagi mengenalpasti perbezaan pengurusan ini, penulis memilih dua buah institusi iaitu Public Mutual dan MAAKL Mutual sebagai kajian kes. Kajian ini memfokuskan berkenaan pengurusan dana unit amanah Islam dalam kedua-dua

institusi serta mengenalpasti aspek pengurusan Syariah yang terdapat dalam kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

1.2 LATARBELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lanjutan daripada suatu kajian empirikal yang dijalankan oleh Leow Huey Chuen¹ membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh para pengurus dana dalam membentuk sesuatu portfolio adalah amat penting dan mereka seharusnya berhati-hati atau lebih peka kepada perubahan-perubahan yang mungkin berlaku ke atas pasaran ekuiti serta pasaran-pasaran kewangan yang lain. Kajian ini memperkukuhkan lagi bukti bahawa pengurusan dana mampu memberi pengaruh kepada hasil pelaburan yang diperolehi. Oleh yang demikian, pengurusan dana yang baik penting bagi memastikan dana dapat berkembang dengan baik. Berdasarkan penemuan kajian ini, penulis melanjutkan lagi kajian bagi mengenalpasti aspek-aspek lain yang penting dalam pengurusan sesuatu dana unit amanah Islam. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pelaburan menunjukkan perkembangan yang baik. Tambahan pula, tawaran kepada produk-produk berasaskan Islam juga turut bertambah termasuklah institusi pelaburan berteraskan Islam. Namun, kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya para pelabur yang terlibat dalam pelaburan unit amanah ini masih belum mengetahui aspek yang perlu diberi penekanan dalam memilih sesebuah institusi pelaburan. Kajian berkenaan pengurusan dana unit amanah Islam masih kurang dijalankan namun, kajian tentang unit amanah perlu ditingkatkan memandangkan industri ini penting khususnya bagi menjamin kemaslahatan ekonomi masyarakat amnya dan umatn Islam khususnya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi memastikan hasil yang akan diperolehi diakhir kajian ini mampu memberikan

¹ C. Leow Huey, "Unit Amanah di Malaysia : Kajian Kesan Pembentukan Portfolio dan Faktor-faktor Lain Ke atas Tingkat Pulangan Serta Ukuran-Ukuran Pencapaian Yang Lain" (Kertas Projek, Jabatan Ekonomi Analisa, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, 1998), 75.

pendedahan kepada masyarakat berkenaan pengurusan dana unit amanah Islam serta aspek pengurusan Syariah yang terdapat dalam kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- 1.3.1 Apakah dana-dana unit amanah Islam yang ditawarkan di MAAKL Mutual dan Public Mutual?
- 1.3.2 Adakah berkemungkinan terdapat beberapa perbezaan aspek pengurusan dana unit amanah Islam di MAAKL Mutual dan Public Mutual?
- 1.3.3 Apakah aspek-aspek pengurusan Islam yang digunakan dalam menguruskan aspek pengurus dana, pembahagian aset dan pemilihan saham?

1.4 MATLAMAT KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti pengurusan dana unit amanah di MAAKL Mutual dan Public Mutual dalam tiga aspek penting iaitu pengurus dana, pembahagian aset dan pemilihan saham serta mengenalpasti aspek pengurusan Syariah yang terlibat.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Penulis telah menetapkan beberapa objektif kajian bagi memastikan kajian yang dijalankan mencapai objektif yang telah digariskan. Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini antaranya :

- 1.5.1 Menenalpasti jenis-jenis dana unit amanah Islam yang ditawarkan di MAAKL Mutual dan Public Mutual

1.5.2 Membandingkan pengurusan dana unit amanah Islam yang dijalankan di MAAKL Mutual dan Public Mutual.

1.5.3 Mengenalpasti beberapa aspek pengurusan Islam yang terlibat dalam kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

1.6 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Kajian ini menerangkan secara mendalam berkaitan pengurusan dana unit amanah Islam yang dijalankan di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Kebanyakan kajian yang pernah dijalankan sebelum ini tidak menerangkan secara jelas pengurusan dana yang terdapat dalam institusi pelaburan ini dan mengenalpasti operasi Syariah yang terlibat. Oleh yang demikian, kajian ini penting bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat kepentingan pengurusan dana dalam sesebuah institusi pelaburan.

Pengurusan adalah perihal (kerja dsb) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dll).²

Dana kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan, Amanah harta yang dikendalikan oleh pemegang amanah, Dana amanah terdiri daripada syer syarikat yang dikendalikan oleh sesebuah syarikat pelaburan bagi pihak pemegang saham.³

MAAKL Mutual merupakan sebuah syarikat amanah saham *MBf Corporation Unit Trust Management Berhad (MBfUT)* dengan kerjasama Khyr Liberty Sdn Bhd.

Public Mutual merupakan anak syarikat milik penuh Public Bank Berhad dan merupakan pengurus dana berlesen dan pengurus amanah saham swasta terbesar dari segi NAB.

² *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), entri “pengurusan.”

³ *Ibid.*

1.7 SKOP DAN BATASAN PENYELIDIKAN

Ruang lingkup kajian ini merangkumi aspek pengurusan dana unit amanah Islam di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Penulis memfokuskan aspek pengurusan ini dalam beberapa aspek iaitu pengurus dana, pemilihan saham, pembahagian aset dan operasi Syariah.

Penulis memilih MAAKL Mutual dan Public Mutual sebagai kajian kes adalah berdasarkan beberapa aspek. Public Mutual merupakan perintis terawal bagi institusi pelaburan amanah di Malaysia. Oleh itu, institusi ini telah membuka luas rangkaianannya keseluruh ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Kejayaan yang diperolehi Public Mutual dalam mengendalikan dana Islamnya terbukti apabila syarikat ini memenangi *Morningstar Fund Awards* (Malaysia) 2012 kategori *best Islamic MYR Bond Fund* untuk PB Dana Islamic Bond. Serta pemenang terbesar dalam *The Edge-Lipper Malaysia Fund Awards* 2012 untuk Sembilan tahun berturut-turut sebanyak lapan (8) anugerah.⁴ Anugerah-anugerah yang diperolehi dan pengalaman yang lama dalam mengendalikan institusi pelaburan amanah menunjukkan kemungkinan syarikat ini mempunyai pelbagai pengalaman dalam menguruskan dana-dananya.

Walaupun MAAKL Mutual merupakan institusi yang masih baru, namun syarikat ini memperolehi beberapa anugerah iaitu pemenang kategori *Best Mixed Asset MYR Bal-Malaysia Islamic Fund*, bagi tempoh 3 tahun bagi dana MAAKL Al-Umran, Pemenang kategori *Best Islamic Syariah Equity Fund* bagi dana MAAKL Al-Fauzan dan pemenang Kategori *Best Islamic Balance Fund* bagi dana MAAKL Al-Umran. Anugerah-anugerah

⁴Laman Web MAAKL Mutual, <https://www.maaklmutual.com.my/Pages/AUs/CP/coorprofile.aspx>, 5 November 2012.

yang diterima menunjukkan dana yang berada di bawah seliaan MAAKL Mutual mempunyai potensi baik⁵.

Berdasarkan kriteria-kriteria yang dinyatakan menunjukkan kedua-dua institusi ini mempunyai kelebihan tersendiri. Public Mutual telah berpengalaman lama dalam mengendalikan urusan pelaburan saham amanah aspek ini penting dalam mengekalkan keyakinan para pelabur untuk terus melabur di Public Mutual. Namun, kemunculan MAAKL Mutual yang masih baru dalam industri pelaburan unit amanah ini tidak bermaksud syarikat ini tidak mendapat kepercayaan masyarakat. Bahkan anugerah-anugerah yang diterima menunjukkan syarikat ini berpotensi untuk menjadi syarikat pelaburan amanah yang dipercayai.

Maklumat terperinci kedua-dua institusi ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab tiga (3).

1.8 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Kajian ini memberikan penumpuan kepada pengurusan dana saham amanah Islam dalam dua institusi terpilih iaitu di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Kajian ini penting bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat perbezaan pengurusan dana dalam institusi-institusi ini dan operasi Syariah yang terlibat dalam menguruskan sesuatu dana. Selain itu, kajian ini penting bagi memastikan masyarakat mendapat pendedahan terutama aspek pengurusan dana dan operasi Syariah yang terlibat.

⁵Laman Web MAAKL Mutual.

1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penulis menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data dalam kajian yang dijalankan bagi memastikan hasil kajian diperolehi bertepatan dan memberikan sumbangan untuk rujukan kajian masa akan datang. Kajian yang dijalankan merupakan kajian kualitatif iaitu penulis menggunakan kaedah kajian perbandingan bertujuan untuk melihat perbandingan pengurusan Islam yang dijalankan oleh kedua-dua institusi iaitu MAAKL Mutual dan Public Mutual. Oleh yang demikian, perbandingan perjalanan pengurusan daripada kedua-dua institusi ini tertumpu kepada tiga aspek penting iaitu pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Bagi memperolehi maklumat dan melihat perbezaan pengurusan dana ini, penulis telah memilih tiga bentuk kaedah pengumpulan data iaitu kaedah kajian perpustakaan, kaedah temu bual dan kaedah dokumentasi. Bahan yang digunakan untuk kajian ini melibatkan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi dari temu bual yang dijalankan ke atas kakitangan kedua-dua institusi yang terlibat bertujuan mendapat kesahan maklumat kajian yang diperolehi. Manakala data sekunder diperolehi melalui bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, kertas projek, thesis dan latihan ilmiah. Selain itu, penulis turut mendapatkan maklumat kajian melalui sumber elektornik termasuklah jurnal elektronik dan sumber dari laman sesawang yang berautoriti.

1.9.1 Bentuk kajian

Data yang diperoleh penulis dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder :

1.9.1.1 Data Primer

Data primer merupakan salah satu sumber terpenting bagi memastikan ketepatan dalam memperolehi hasil kajian. Penulis memilih untuk mendapatkan data ini melalui kaedah instrumen iaitu mengadakan sesi temu bual bersama wakil institusi yang berkaitan unit amanah dari kedua-dua institusi yang terlibat dengan kajian ini. Beberapa bentuk soalan disediakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan dana yang dijalankan dalam kedua-dua institusi ini. Soalan yang diajukan memberi pemfokusan berkaitan tiga aspek iaitu pengurus dana, pemilihan aset dan pemilihan saham, yang mana ketiga-tiga perkara ini merupakan aspek penting yang memberi pengaruh kepada pencapaian saham yang diperoleh. Analisis berkaitan temu bual akan dibincangkan dalam bab empat (4).

1.9.1.2 Data Sekunder

Data sekunder yang digunakan bertujuan memperkukuhkan lagi hasil kajian yang diperoleh melalui data primer. Bahan yang diperolehi melalui data sekunder ini adalah melibatkan pengumpulan bukti melalui bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, kertas projek, thesis dan latihan ilmiah. Selain itu, penulis turut mendapatkan maklumat kajian melalui sumber elektornik termasuklah jurnal elektronik dan sumber dari laman sesawang yang berautoriti.

1.9.2 Kaedah Pengumpulan data

1.9.2.1 Kaedah kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan ini penting dalam memulakan sesuatu kajian yang dijalankan dan bertujuan memperkukuhkan hasil kajian yang diperoleh serta mengobservasi kajian yang telah dijalankan sebelum ini bagi memastikan kajian yang dijalankan tidak berlaku pengulangan atau pertindihan. Penulis memulakan kajian dengan mendapatkan maklumat berkaitan unit amanah melalui bahan bercetak seperti buku-buku, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, thesis kertas projek dan laporan-laporan tahunan bercetak. Bahan-bahan kajian ini melibatkan beberapa buah perpustakaan dalam Kampus Universiti Malaya dan luar kampus seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Perpustakaan Pengajian Islam dan Perpustakaan Ekonomi. Manakala perpustakaan luar kampus yang terlibat antaranya perpustakaan Suruhajaya Sekuriti Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara Pahang.

1.9.2.2 Kaedah Dokumentasi

Melalui kaedah ini, penulis turut mengumpulkan data berkaitan unit amanah bagi MAAKL Mutual dan Public Mutual yang diperoleh dari Pejabat Bursa Malaysia. Data yang dikumpulkan oleh penulis merupakan data bulanan bagi kedua-dua institusi ini bertujuan mengkaji perkembangan pelaburan mengikut tahun. Sebahagian data turut diperolehi melalui laman sesawang yang berautoriti seperti portal kerajaan, Suruhanjaya Sekuriti (SC), *Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)*, *Federation Investment Managers Malaysia (FIMM)*, *Malaysian Unit Trust Information (MUTI)* dan laman sesawang

berautoriti yang lain. Maklumat yang diperolehi merupakan bahan yang terkini berkaitan unit amanah yang tidak terdapat dalam bahan bercetak.

1.9.2.3 Kaedah Temu bual

Penulis menggunakan kaedah ini bagi memastikan hasil kajian terbaik diperoleh diakhir kajian. Dalam kajian ini penulis menggunakan temu bual separa berstruktur yang bertujuan membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Temu bual dalam kajian ini melibatkan temu bual bersama Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual dan Penasihat Syariah Public Mutual. Keterlibatan kedua-dua pihak ini dalam memantau aspek Syariah sepanjang pengurusan dana menjadi faktor utama dua pihak ini dipilih untuk ditemu bual. Penasihat Syariah merupakan pihak yang berautoriti mengawal perkembangan dana dalam aspek kepatuhan Syariah. Selain itu, penasihat Syariah juga memiliki banyak pengalaman dalam mengendalikan isu-isu Syariah yang terdapat dalam institusi kewangan Islam. Tambahan pula, kedua-dua pihak ini terlibat secara langsung dalam memberikan khidmat nasihat, memantau dan melaporkan hal-hal berkaitan Syariah sepanjang pengurusan dana berjalan.

Dua set soalan disediakan sebelum sesi temu bual dijalankan. Soalan-soalan yang disediakan adalah berbentuk khusus iaitu tertumpu kepada tiga aspek penting yang menjadi tunjang utama kepada kemunculan kajian ini. Antara tiga aspek tersebut adalah berkaitan pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Tiga aspek inilah yang menjadi penekanan dalam temu bual yang dijalankan bagi kedua-dua institusi ini.

Walau bagaimanapun, penulis tetap mengambil berat berkaitan kesahan soalan yang akan diajukan kepada institusi yang berkenaan. Oleh yang demikian, penulis menyemak kesahan soalan bersama penyelia akademik bagi memastikan soalan yang diajukan bersesuaian

sebelum sesi temu bual dijalankan. Selain itu, penulis memastikan temujanji telah disusun terlebih dahulu bersama pihak yang terlibat dalam sesi temu bual ini bagi memastikan sesi temu bual berjalan dengan lancar dan mengikut jadual yang telah disusun serta tidak mengganggu masa pihak yang terlibat. Semasa sesi temu bual dijalankan, penulis memohon kebenaran untuk membuat rakaman suara dengan menggunakan alat perakam suara bagi memastikan hasil temu bual dapat diolah dengan baik dan bertepatan dengan maklumat yang disampaikan. Maklumat temubual turut diambil dalam bentuk catatan tangan sepanjang sesi temu bual dijalankan.

Penulis turut berhati-hati dalam mengajukan soalan bagi memastikan tidak berlaku berat sebelah terhadap mana-mana institusi yang terlibat. Setelah selesai sesi temu bual yang dijalankan, penulis menganalisis bahan temu bual yang diperoleh berdasarkan hasil catatan dan hasil rakaman suara semasa sesi temu bual. Penulis mengulang perakam suara dan mencatatkan hasil temu bual yang dijalankan sebelum proses menganalisa bahan temu bual. Hasil kajian adalah berdasarkan data yang diperoleh dan hasil temu bual yang dijalankan dan akan dihuraikan dalam bab empat (4).

1.9.2.4 Langkah-langkah pengumpulan data

Penulis meneliti setiap proses temu bual yang dijalankan bagi memastikan dapatan kajian melalui bahan utama ini terpelihara dari unsur berat sebelah dan kepalsuan maklumat. Selain itu, penulis turut bersedia dengan maklumat awal berkaitan perjalanan institusi yang terlibat sebelum sesi temu bual dijalankan. Selain itu, penulis turut merujuk kepada penyelia akademik bagi memastikan soalan yang diajukan bersesuaian dan tidak terkeluar dari objektif sebenar kajian. Peringkat penyediaan set soalan bagi sesi temu bual adalah seperti berikut :

- (a) Menyeneraikan aspek yang menjadi tumpuan utama kajian.
- (b) Menyediakan dua set soalan yang mengandungi tiga soalan utama.
- (c) Menyemak kesesuaian soalan yang disediakan bersama penyelia akademik.
- (d) Memastikan set soalan yang sama disediakan untuk kedua-dua institusi terlibat.
- (e) Memilih institusi untuk dijadikan sampel kajian.
- (f) Mengadakan temu janji sebelum sesi temu bual.

Penulis membahagikan soalan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Pembahagian tersebut dibuat berdasarkan tiga aspek utama yang menjadi tumpuan utama kajian ini. Antara tiga aspek utama tersebut berkaitan pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

Bahagian A adalah soalan berkaitan pengurus dana saham yang menguruskan perjalanan saham dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah. Penulis menyentuh berkaitan kriteria pemilihan seseorang pengurus dana dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah. Selain itu, penulis turut menyentuh berkaitan latihan atau penambahbaikan yang diberikan kepada seseorang pengurus dana. Soalan turut menyentuh berkaitan tugas-tugas seseorang pengurus dana dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah serta kesan yang berkemungkinan berlaku kepada pelaburan sekiranya berlaku masalah yang membabitkan pengurus dana.

Bahagian B pula penulis menekankan aspek pemilihan saham yang digunakan dalam sesebuah institusi pelaburan khususnya pelaburan dana Islam. Antara aspek yang menjadi penekanan adalah berkaitan kriteria pemilihan saham Islam institusi tersebut serta aspek

utama yang menjadi tumpuan dalam memilih sesebuah institusi untuk melaburkan saham Islam.

Bahagian C ini penulis ingin mengetahui berkaitan pembahagian aset sesebuah institusi pelaburan ini. Hal ini disebabkan setiap institusi menetapkan jumlah peratusan aset yang berbeza. Bagi memastikan dana sentiasa patuh Syariah pelabur akan memastikan aset yang dilaburkan mengambil kira beberapa aspek seperti potensi pertumbuhan dana dan aspek patuh Syariah. Penulis turut mengajukan beberapa soalan berkenaan aspek pengurusan Syariah yang terdapat dalam kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset.

1.9.3 Kaedah analisis data

Analisis kajian dijalankan dengan menggunakan dua kaedah analisis iaitu analisis kandungan dan transkripsi. Analisis kandungan digunakan bagi mengklasifikasikan maklumat temu bual yang diperolehi selepas sesi temu bual dijalankan proses ini bertujuan memastikan data yang diperolehi relevan dengan hasil kajian yang bakal diperolehi. Maklumat temu bual yang diperolehi dibahagikan kepada tiga kategori iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Manakala analisis transkripsi dijalankan bagi memindahkan catatan temu bual, nota lapangan dan rakaman audio kepada fail komputer untuk dianalisis. Peringkat pertama : Proses pertama pemindahan maklumat temu bual adalah memindahkan maklumat dalam rakaman video dan audio kepada fail komputer. Penulis mendengar dengan teliti rakaman audio sesi-sesi temu bual bersama Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutal dan Penasihat Syariah Public Mutal dan mencatat semua maklumat temu bual tersebut. Penulis mengulangi kaedah yang sama berulang kali bagi memastikan semua maklumat temu bual dalam rakaman video dan catatan tangan telah dipindahkan dalam fail

komputer. Peringkat kedua : Penulis meneliti dan membaca semua maklumat temu bual yang telah dicatatkan dan mengklasifikasikan maklumat-maklumat temu bual tersebut kepada tiga kategori iaitu kategori pemilihan saham, pengurus dana dan pembahagian aset. Pembahagian ini dilakukan bertujuan memudahkan pihak penulis menghuraikan hasil kajian mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan.

Peringkat ketiga : Semua maklumat tersebut dipindahkan kedalam bentuk jadual bertujuan memudahkan lagi proses menganalisis hasil kajian.

Penulis menganalisis maklumat temu bual bersama maklumat yang diperolehi daripada data sekunder. Hal ini bertujuan mengenalpasti perbezaan maklumat yang diperolehi hasil temu bual serta maklumat yang terdapat dalam data sekunder. Analisis yang dijalankan ini juga bertujuan mengenalpasti perbezaan maklumat dalam operasi sebenar di industri terhadap maklumat yang terdapat dalam teori pengurusan Islam dalam data sekunder.

Berdasarkan hasil maklumat temu bual yang diperolehi, penulis menganalisis hasil kajian dengan merujuk keselarasan maklumat secara teori berkenaan aspek pengurusan dana yang dibincangkan dalam bab 2 dengan hasil maklumat temu bual yang diperolehi. Berdasarkan analisis ini penulis dapat mengetahui berkemungkinan aspek pengurusan dana unit amanah Islam yang dijalankan dikedua-dua institusi ini selari atau tidak dengan apa yang telah ditetapkan. Jadual lengkap hasil maklumat temu bual ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab 4.

1.10 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sepanjang kajian yang dijalankan, penulis mendapati kajian-kajian tersebut mempunyai tiga bentuk iaitu berkaitan kajian umum, kajian prestasi dan kajian pemfokusan. Tiga bentuk penemuan ini menunjukkan kajian-kajian ini sebahagiannya berbentuk umum dan

sebahagian lagi lebih khusus berkaitan pengurusan dana unit amanah dari institusi-institusi yang berlainan.

1.10.1 Kajian Umum

Penulis mengkategorikan kajian ini sebagai kajian umum adalah kerana kajian-kajian yang dijalankan kurang memberikan pemfokusan terhadap kajian berkaitan unit amanah dan pengurusan dana unit amanah. Oleh yang demikian, kajian ini lebih merujuk berkaitan peranan pelaburan dan perkembangan Syariah yang dijalankan dalam sesebuah institusi. Antara kajian tersebut ialah ;

Mahani Mohamed⁶ telah menjalankan suatu kajian bertujuan mengkaji peranan pelaburan dalam pertumbuhan ekonomi negara serta mengenalpasti arah tujuan pelaburan pada masa kini disamping melihat peluang pelaburan pada masa hadapan. Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan menganalisis data iaitu dengan meneliti kaitan antara pelaburan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini menunjukkan peningkatan dalam pelaburan merapatkan jurang antara pelaburan dan pelaburan seterusnya mengurangkan hutang negara disamping mengurangkan imbalan pembayaran di sektor perbankan serta mampu meningkatkan produktiviti negara dan memulihkan pasaran saham. Selain itu, kajian ini juga mendapati pelaburan Islam mementingkan aspek kebajikan berbanding pelaburan dari sudut konvensional. Namun, penerimaan masyarakat terhadap pelaburan secara Islam masih lagi kurang berbanding pelaburan konvensional dan kajian juga mendapati pelaburan Islam lebih mementingkan aspek kebajikan berbanding pelaburan konvensional.

⁶Mahani Mohamed (1999), "Pelaburan : Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya).

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Mohamad Yamin Ismail⁷, bertujuan memastikan teori dan amalan amanah Islam di negara ini mematuhi prinsip-prinsip Syariah dan memastikan sejauhmana peranan yang dimainkan oleh amanah saham Islam sebagai salah satu instrumen pasaran modal Islam di negara ini. Selain itu, penulis turut menilai sama ada nilai dan prasarana serta produk-produk amanah Islam di negara ini mencukupi untuk perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia. Kajian yang dilakukan meliputi pelaksanaan amanah Islam dari sudut teori dan pelaksanaannya termasuk perkembangannya. Serta berkaitan perkembangan amanah saham Islam di Malaysia dengan meninjau 7 buah institusi yang mengendalikan dana amanah Islam di Malaysia tinjauan berdasarkan saiz dana yang diluluskan. Penulis menggunakan kaedah penumpulan data dan kajian perpustakaan semasa menjalankan kajian ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan penulis mendapati amanah saham merupakan satu usaha untuk membolehkan orang ramai membeli unit saham syarikat yang diterbitkan, penanaman modal secara berkelompok dan digabungkan dalam satu pelaburan. Tambahan pula, mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam boleh melibatkan diri untuk melabur dan menikmati pulangan dengan risiko yang minimum. Namun, dana-dana Islam di negara ini harus diperbanyakkan bagi memenuhi keperluan masyarakat kini.

1.10.2 Kajian Prestasi atau operasi

Manakala kategori kajian berbentuk prestasi dan operasi pula merujuk kepada kajian yang pengurusan Islam yang digunakan dalam sesuatu kajian dan mengenalpasti prestasi pelaburan unit amanah yang dijalankan dalam sesebuah institusi pelaburan. Namun kajian

⁷Mohamad Yamin Ismail, "Amanah saham Islam : Teori dan Pelaksanaannya di Malaysia" (Thesis, Universiti Malaya, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

ini turut memberi tumpuan kepada kajian berkaitan unit amanah atau saham amanah dalam sesebuah institusi pelaburan unit amanah. Kajian tersebut antaranya ialah,

Syarikat yang mengamalkan nilai-nilai Islam akan mendapat insentif melalui pemilikan saham oleh ASI dalam syarikat mereka. Kajian ini juga menjadi nilai tambah kepada para pelabur Islam dengan menggunakan satu set nilai-nilai Islam syarikat yang boleh didapati daripada laporan tahunan korporat yang boleh dijadikan panduan pelaburan ekuiti seperti yang dikehendaki oleh Allah s.w.t⁸.

Kelima-lima dana saham Islam yang dilaburkan di Public Mutual menepati konsep-konsep asas pelaburan dalam unit amanah saham Islam Kajian bertujuan mengkaji pemahaman asas berkaitan unit amanah berasaskan Islam dan menganalisa perkembangannya dengan merujuk kepada dana yang diuruskan di Public Mutual Berhad. Penulis menggunakan kaedah kajian perbandingan dengan menjadikan tiga aspek utama sebagai garispanduan kajian iaitu prinsip Syariah yang digunakan, kriteria dan pengurusan saham dalam Public Mutual serta mengkaji prestasi saham berdasarkan kepada pulangan yang diperoleh.. Hal ini menunjukkan bahawa dana-dana tersebut selari dengan kehendak syariat⁹.

Majlis Penasihat Syariah *Public Mutual Johor (PJB)* tidak berperanan dalam mengenalpasti halal dan haram operasi yang berjalan. Pihak *Public Mutual Johor (PJB)* tidak mengambil langkah-langkah positif dalam menguruskan dana dengan mengutamakan analisa-analisa syarikat pelaburan syarikat dari sudut halal dan haramnya. Manakala portfolio pelaburan yang bercampur antara syarikat yang dibenarkan dan syarikat yang tidak dibenarkan. Oleh itu, pelaburan dalam harta Amanah Saham Johor (ASJ) dikategorikan sebagai syubhah

⁸Mohd Azlan Yahya, “Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Amanah Saham Islam” (Thesis, Universiti Utara Malaysia, 2005).

⁹Fakhruddin Sulaiman, Fadillah Mansor , “Operasi Dana Saham Amanah Secara Islam : Kajian Kes di Public Mutual Bhd,” *Jurnal Syariah*, Bil. 1, (2009), 17.

kerana ia tidak benar-benar bersih. Faktor utama berlakunya hal ini adalah disebabkan pihak PJB tidak mempunyai Badan Pengawasan Syariah sendiri yang dapat mengawasi dan menasihati dalam urusan pelaburan bercirikan Islam. Tambahan pula, kontrak-kontrak muamalah Islam yang terdapat dalam urusan niaga ini tidak disebutkan dengan jelas dan nyata di dalamnya. Surat Ikatan amanah ini lebih berbentuk akta sekuriti biasa tanpa menekankan perspektif Islam¹⁰.

Penubuhan ASNITA dan Pacific Dana Aman yang dijalankan mengikut kehendak syarak membuka lembaran baru kepada pelabur muslim untuk memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Manakala melabur dalam dana amanah saham pelabur dapat memantapkan kewangan keluarga dalam jangka masa panjang serta portfolio yang pelbagai mengurangkan risiko sekiranya nilai sesetengah pelaburan jatuh . Tambahan pula, tabung unit amanah menawarkan satu cara yang mudah, selesa dan menjimatkan masa berbanding berurusan sendiri¹¹.

Prestasi saham diukur berdasarkan *shape index*, *adjusted shape index*, *treynor index* dan *adjusted jensen's alpha*. Hasil kajian mendapati bagi jangka masa 1993-2001, saham amanah di Malaysia berada di bawah paras pasaran saham (KLIC). Disamping itu, kajian juga mendapati tiada perbezaan dalam pulangan diantara saham amanah kerajaan dan saham amanah swasta, bahkan saham amanah swasta menunjukkan pulangan yang lebih tinggi dan mempunyai risiko yang lebih rendah daripada saham amanah kerajaan. Namun

¹⁰Rohazlina Abdul Rased, "Amanah Saham Johor : Operasi Dan Peranannya : Satu Pernilaian Menurut Perspektif Islam" (Latihan Ilmiah : Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

¹¹Mohd Azuan Yaakob, "Prestasi Pelaburan Amanah Islam : Tinjauan Terhadap Dua Dana Amanah Saham Terpilih" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).

tahap konsistensi saham amanah yang disokong oleh kerajaan menunjukkan tahap konsistensi yang lebih baik¹².

Manakala dari sudut perkembangan pasaran modal Islam di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti melalui Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah menjadi tunjang utama perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia dengan mengeluarkan fatwa dan memperkenalkan garis panduan sekuriti/kaunter lulus Syariah sebagai sumber rujukan utama para pelabur dan pengurus dana bagi memastikan umat Islam boleh turut serta membuat pelaburan tanpa ragu-ragu dalam pasaran saham di Malaysia. Oleh yang demikian, syarikat yang dikategorikan patuh Syariah telah melalui saringan-saringan yang telah digariskan oleh MPS. Ini semua telah menggalakkan pertumbuhan yang memberangsangkan dalam bidang pasaran saham Islam dan ianya telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran saham yang mampu menyediakan peluang pelaburan yang menguntungkan dan kompetitif kepada para pelabur di samping selaras dengan keperluan Syariah.¹³

Menurut suatu kajian lain mendapati bahawa prestasi dana Islam lebih baik daripada dana konvensional. Dana konvensional menunjukkan Prestasi lebih baik daripada dana Islam dalam keadaan ekonomi yang meningkat. Selain itu, kedua-dua dana konvensional dan Islam tidak dapat mencapai kepelbagaian pasaran sekurang-kurangnya 50 peratus, walaubagaimanapun, dana konvensional didapati mempunyai tahap kepelbagaian yang lebih baik daripada dana Islam. Keputusan juga menunjukkan bahawa pengurus dana tidak

¹²Rozihanim Shekh Zain, "The Performance Of Malaysian Unit Trust : Government Sponsored Funds Versus Private Funds (1993-2001)" (Thesis, University Utara Malaysia, School Of Finance and Banking, 2003).

¹³Mohd Yahya Mohd Hussin, Joni Tamkin Borhan, "Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah* 17, no. 3 (2009), 431-456.

dapat mengenalpasti dengan betul baik tawar-menawar saham dan meramal pergerakan harga pasaran umum.¹⁴

Suatu penemuan dalam kajian mendapati terdapat korelasi yang sangat kuat antara portfolio pasaran unit amanah Islam dan Konvensional. Petunjuk trend pasaran menunjukkan terdapat Impak pembangunan pasaran ekuiti, berlaku secara langsung dengan industri unit amanah di Malaysia. Penemuan ini menunjukkan purata, kedua-dua pulangan prestasi Portfolio dana unit amanah Islam dan konvensional adalah lebih tinggi daripada Indeks KLCI bagi pulangan pasaran pada tempoh Januari 1996 hingga April 2009. Walaubagaimanapun, kajian menunjukkan purata dana unit amanah Islam menyediakan portfolio kurang baik berbanding prestasi pulangan yang diperolehi unit amanah konvensional.¹⁵

1.10.3 Kajian Pemfokusan

Kajian pemfokusan merujuk kepada tumpuan kajian memberikan penekanan terhadap pengurusan dana dalam sesebuah institusi pelaburan. Kajian ini membantu penulis untuk melakukan kajian dengan lebih baik agar kajian tertumpu kepada aspek penting yang ingin dikaji. Disamping membantu penulis mengenalpasti agar tidak berlaku pengulangan dalam kajian yang ingin dijalankan. Oleh yang demikian, kaedah ini memudahkan penulis mengenalpasti skop kajian dengan lebih jelas. Berikut merupakan kajian bagi kategori pemfokusan.

¹⁴Fikriyah Abdullah et al., "Investigation Of Performance Of Malaysian Islamic Unit Trust Funds Comparison With Conventional Unit Trust Funds," *Managerial Finance*, Bil. 33, (2007), 142-153.

¹⁵Fadillah Mansor, M. Ishaq Bhatti, "Risk and Return Analysis On Performance Of The Islamic Mutual Funds: Evidence From Malaysia," *Global Economy and Finance Journal*, Bil. 4, (March 2011), 19-31.

Kajian juga mendapati tiada perbezaan antara operasi dana unit amanah konvensional dan Islam kecuali dari sudut prinsip garis panduan yang digunapakai. Manakala pengurusan dana amanah Islam terletak di bawah seliaan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan ketelusan urusan agar tidak bertentangan dengan syarak¹⁶.

Saham amanah semakin mendapat tempat dihati pelabur khususnya muslim. Namun, pelabur masih kurang memahami konsep sebenar pelaburan saham amanah berteraskan Syariah. Selain itu, Permodalan Nasional Berhad (PNB) memperkenalkan saham amanah bagi menarik minat lebih ramai masyarakat berkecimpung dalam pelaburan amanah saham.¹⁷

Suatu kajian dijalankan oleh Hasnida Abdul Manaf¹⁸ bertujuan menganalisa saham amanah yang diuruskan oleh pengurus dana amanah iaitu ASM Mara Unit Trust Management Berhad serta menganalisa atau mengkaji dana Islam di ASM Mara Unit Trust Management. Kajian yang dijalankan oleh penulis menggunakan metod pengumpulan data iaitu dengan menganalisa data yang diperolehi serta membandingkan data tersebut. Kajian ini mendapati kewujudan saham amanah yang berlandaskan Syariah akan menjauhkan umat Islam daripada terjerumus dalam pelaburan yang bercanggah dengan Islam.

Siti Zaleha Feroze Din¹⁹ saham amanah merupakan perancangan kewangan jangka panjang. Penulis menerbitkan buku ini bertujuan memberikan pendidikan kepada masyarakat mengenai perjalanan industri ini di Malaysia. Penulisan buku ini mengupas aspek pelaburan bersaiz kecil, sederhana dan besar. Buku ini menyentuh berkaitan aspek-aspek penting

¹⁶Marziyana Mohamad Malom, "Pelaburan Dana Amanah Islam Kajian di Hong Leong Group Unit Trust Berhad" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2003).

¹⁷Amalurramzan Ab Manan, "Penglibatan Pelabur Muslim Dalam Amanah Saham Islam : Kajian di ASM Mara Unit Trust Management Berhad" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2002).

¹⁸Hasnida Ab Manaf, "Saham Amanah Islam di Malaysia : Kajian Terhadap ASM Mara Unit Trust Management Berhad" (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2005).

¹⁹Siti Zaleha Ferozi Din, *Saham Amanah Ekuiti*, (Selangor : Unitra Research Enterprice, 1995).

dalam pelaburan saham amanah khususnya berkaitan sejarah saham amanah, pengurus dana, prinsip dan konsep dana amanah, pengagihan dana, pemilihan saham dan perbandingan antara industri dana amanah dan industri perbankan kewangan. Bahan yang terkandung dalam buku ini membantu masyarakat untuk memahami aspek asas berkaitan saham amanah dan membolehkan masyarakat mendapatkan pengetahuan awal berkenaan saham amanah.

Teknik pembuatan keputusan yang dilaksanakan dalam ASNITA adalah sistematik dan meyakinkan. Pihak pengurusan ASNITA turut mengaplikasi konsep musyawarah dalam pemilihan portfolio pelaburannya. Pemilihan portfolio bukan sahaja diputuskan oleh satu pihak bahkan diputuskan secara bersama serta memahami konsep dan pelaksanaan pengurusan dana Syariah terutamanya dalam industri saham amanah tempatan.²⁰

Prestasi pulangan MF Islam adalah tidak lebih baik daripada MF Konvensional namun, dari sudut persembahan pengukuran keputusan mendedahkan bahawa MF Islam sedikit melebihi performa konvensional. Kajian ini akan memberi manfaat kepada pelabur dan peserta pasaran untuk memilih portfolio MF Islam serta menyediakan maklumat kepada pihak yang merancang untuk mengakses pelan pelaburan terutamanya di Malaysia.²¹

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dijalankan, penulis mendapati kajian berkaitan pengurusan dana unit amanah pernah dijalankan ke atas beberapa buah institusi dan terhadap beberapa jenis dana terpilih. Namun, masih belum terdapat kajian dijalankan bagi mengkaji pengurusan dana unit amanah Islam ini secara khusus terutama kajian yang

²⁰Rosliza Mohamed Yusoff, "Amanah Saham Wanita : Kajian Dari Perspektif Pengurusan Dana" (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).

²¹Fadillah Mansor, M. Ishaq Bhatti, "Islamic Mutual Funds Performance For Emerging Market, During Bullish And Bearish: The Case Of Malaysia" (Makalah, 2nd International Conference On Business And Economic Research, 2011).

melibatkan kedua-dua institusi ini iaitu MAAKL MutuaI dan Public MutuaI. Oleh yang demikian, penulis bermatlamat untuk menjadikan skop pengurusan dana unit amanah Islam ini sebagai kajian yang akan dijalankan.

Pada tahun 2003, menunjukkan kadar pertukaran purata dalam TFP dan Komponen dananya, menunjukkan unit amanah Islam lebih baik daripada konvensional, dari segi skala kecekapan. Manakala pada tahun 2004, prestasi unit amanah Islam jelas lebih baik, berbanding dengan unit amanah konvensional, Pada tahun 2010, menunjukkan bahawa kajian kecekapan teknikal merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kecekapan industri unit amanah di Malaysia. Perbandingan kecekapan syarikat-syarikat unit amanah mendapati, lebih besar saiz unit amanah syarikat-syarikat lebih tidak cecap prestasi yang ditunjukkan. Kajian mendapati bahawa beberapa syarikat unit amanah Islam lebih baik daripada konvensional.²²

²²Norma Md. Saad et al., "A Comparative Analysis Of The Performance Of Conventional And Islamic Unit Trust Companies In Malaysia," *International Journal of Managerial Finance*, Bil. 6 (2010), 24-47.

BAB 2

LATABELAKANG UNIT AMANAH DAN UNIT AMANAH ISLAM

Bab ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan unit amanah dan jenis-jenis dana yang ditawarkan dalam unit amanah konvensional dan Islam.

2.1 SEJARAH SAHAM AMANAH

Orang-orang Mesir purba, misalnya telah menjual saham-saham dalam kapal-kapal dan rombongan-rombongan perdagangan mereka dengan maksud mengurangkan risiko pelayaran mereka.¹ Hal ini menunjukkan pelaburan awal telah dilakukan pada zaman dahulu antara para pedagang yang berdagang dalam sesebuah negeri dan bertujuan mengurangkan risiko yang dihadapi dalam dagangan yang dilakukan. Hal ini menunjukkan pelaburan ini berfungsi untuk menjamin masa depan seseorang atau sesebuah institusi dalam jangka masa yang panjang.

Industri saham amanah telah wujud pada kurun kesembilan belas dalam tahun 1822 oleh King William I. Beliau telah menubuhkan dana saham amanah yang pertama yang dinamakan Societe General de Belgique iaitu satu dana “*close-end*” atau yang disebut “*fixed trust*”. Dari Belgium industri ini berkembang ke Perancis dan dalam tahun 1952 Perancis melancarkan dana pelaburan saham amanah yang pertama. Perintis sebenar dalam industri ini adalah Foreign and Colonial Government Trust yang ditubuhkan di London

¹ Azlan Khalili, *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993), 26.

dalam tahun 1868. Pada tahun 1980an dana-dana saham amanah “*closed-end*” ditubuhkan oleh syarikat-syarikat besar di Scotland. Ini menyebabkan kesemua pihak mula diterima oleh ahli-ahli korporat dan masyarakat. Syarikat-syarikat Perancis, Scotland dan British mampu menyediakan modal yang besar untuk melabur di serata dunia. Ini termasuklah membiayai syarikat-syarikat perniagaan di Amerika. Dalam tahun 1924 Amerika menubuhkan saham amanah yang pertama iaitu Massachusetts Investors Trust.² Konsep Amerika tentang amanah saham adalah pelaburan wang bersama (*mutual fund*). Kejayaannya yang menyerlah pada awal abad ke-20 telah menggalakkan banyak syarikat pelaburan untuk memasuki industri tersebut.³

Apabila berlaku keruntuhan pasaran saham *Wall Street* pada Oktober 1929, ramai pelabur-pelabur Amerika mengalihkan minat pelaburan kepada saham amanah.⁴ Ini mendorong Kerajaan Amerika Syarikat untuk memperkenalkan undang-undang yang baru pada tahun 1936 di bawah mandat kongres dan perwartaan Akta Syarikat Pelaburan (*investment Company Act*) pada tahun 1940. Dengan kisah-kisah kejayaan di Amerika Syarikat itu, pelabur-pelabur amanah saham telah berkembang ke banyak bahagian dunia. Penguatkuasaan peraturan-peraturan dan pengenalan undang-undang telah menyebabkan pelaburan amanah saham Amerika Syarikat itu menjadi begitu popular dalam kalangan para pelabur. Perkembangan-perkembangan seperti ini juga sedang berlaku di Negara Jerman, Kanada, Jepun, Australia dan Taiwan.⁵

² Siti Zaleha Ferozi Din, *Saham Amanah Ekuiti*, (Selangor : Unitra Research Enterprice, 1995), 4.

³ Azlan Khalili, *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*, 27.

⁴ Siti Zaleha Ferozi Din, *Saham Amanah Ekuiti*, 4.

⁵ Azlan Khalili, *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*, 27-28.

2.2 SAHAM AMANAH DI MALAYSIA

Industri saham amanah di Malaysia bermula dengan sederhananya sekitar tahun 1959 apabila syarikat pengurusan saham amanah Malaysia yang pertama bernama Malayan Unit Trust Limited ditubuhkan dalam bulan Ogos 1959 oleh sekumpulan pelabur Australia. Pada tahun 1963 seluruh modal syer *Malayan Unit Trust Limited* dipindahkan kepada sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia iaitu *South-East Asia Development Corporation Limited* (SEADCL), sebuah syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan perbankan pelaburan dan pembangunan ekonomi dan industri di Timur Selatan Asia dan negara-negara lain. *South-Asia Development Corporation* hari ini dikenali sebagai *Amanah Capital Partners Berhad* yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. ⁶

Terdapat tiga amanah dipasaran sebelum tahun 1970, iaitu Malayan Unit Trust, Asia Unit Trust (1 Jun 1966) dan Amanah Saham MARA (24 Jun 1967). Pada awalnya penerimaan dan penglibatan pelabur agak lambat. Ini disebabkan oleh kurangnya promosi, publisiti dan pelajaran consumer, sedikitnya amanah saham di pasaran serta tiadanya badan pengawal yang teratur sebelum tahun 1975. Para pelabur terdiri daripada institusi-institusi dan para individu yang berpendidikan tinggi. ⁷

MARA Unit Trust Berhad, kini dikenali sebagai *ASM MARA Unit Trust Management Berhad* dan *Asia Unit Trust Berhad* merupakan dua pemain utama dalam industri ini dalam tempoh 1960 an hingga 1970 an. *Asia Unit Trust Berhad* melancarkan empat dana dalam tempoh ini, yang ulungnya ialah *Malaysian Investment Fund* pada 12 Disember 1966. Pelancaran saham amanah syarikat itu yang pertama, Kumpulan Modal Bumiputera Yang Pertama,

⁶Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, (Kuala Lumpur : Permodalan Nasional Berhad, 2001), 46.

⁷Azlan Khalili, *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*, 29.

kemudian dinamai semula Dana Al-Aiman, pada 4 April 1968, merupakan puncak resolusi yang diluluskan di Kongres Ekonomi Bumiputera dalam 1965.⁸

Apabila kerajaan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) yang berteraskan kepada matlamat membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara, ianya secara tidak langsung turut membangunkan industri ini dengan lebih baik lagi. Sekitar tahun 1977 hingga 1981 terdapat lima buah syarikat pengurusan saham amanah ditubuhkan iaitu MIC Unit Trust Berhad (1977), Pelaburan Johor Berhad (1977), Kuala Lumpur Mutual Fund Berhad (1981) dan Pahang Unit Trust Berhad (1981). Pelancaran Amanah Saham Nasional (ASN) dan kejayaan yang telah ditunjukkan dipersekitarannya telah mendorong lebih banyak syarikat yang bergiat dalam industri saham amanah ekuiti ini. Pertubuhan industri ini semakin meningkat diantara tahun 1987 hingga Oktober 1994 terdapat 13 buah lagi industri ini dibangunkan.⁹

Pada 22 Ogos 1991, terdapat 11 syarikat unit amanah yang menjalankan 35 unit pelaburan di Malaysia (tidak termasuk harta-harta amanah yang disenaraikan). Jumlah pelaburan-pelaburan amanah berkenaan, tidak termasuk pelaburan daripada ASN dan Arab-Malaysian Gilts, adalah dianggarkan kira-kira \$350 juta.¹⁰ Industri ini terus berkembang hinggalah sekarang dan sedikit demi sedikit penambahbaikan dilakukan bagi memastikan industri ini terus berkembang dengan baik. Penambahbaikan ini turut melibatkan usaha untuk mengislamisasikan industri ini bagi memastikan industri ini berkembang selari dengan kehendak syarak.

⁸ Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 47.

⁹ Siti Zaleha Ferozi Din, *Saham Amanah Ekuiti*, 7.

¹⁰ Azlan Khalili, *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*, 31.

2.3 SEJARAH AMANAH SAHAM ISLAM

Kegemilangan sesebuah institusi adalah bergantung kepada tahap pengurusanannya begitu juga dalam institusi pelaburan. Hal ini disebabkan, prestasi dana memang bergantung pada pengurus pelaburan yang menguruskan pelaburan dana tersebut.¹¹ Objektif utama Amanah Saham Islam (ASI) adalah untuk melabur dalam sekuriti halal yang mengikuti prinsip-prinsip Syariah.

Menurut Mohd Azlan Yahya : “pengurus-pengurus dana menganggarkan pasaran pelaburan Islam bernilai melebihi US\$100 bilion dan permintaan terhadap pelaburan Islam berkembang pada kadar 12-15% setahun.”(Keigher dan Bauer, 2000). Ini menyebabkan ledakan dalam perkembangan dana Syariah mulai tahun 1996 di seluruh dunia.¹² Hal ini menunjukkan pelaburan berteraskan Islam semakin mendapat tempat di seluruh pelosok dunia termasuk Malaysia. Menurut Dr Fakhrudin Sulaiman¹³ dalam kajiannya menyebut di Malaysia, pelaburan dana Unit Amanah berkonsepkan Islam bermula pada 12 Januari 1993 dengan pelancaran Tabung Ittikal Arab Malaysia yang diuruskan oleh Arab-Malaysian Unit Trust Berhad (Abdul Aziz Jemain : 2001). Hal ini menyebabkan semakin banyak institusi pelaburan membuka ruang pelaburan berteraskan Islam. Unit Amanah Islam yang pertama ditubuhkan di Malaysia ialah Dana Al-Aiman di bawah pengurusan ASM Unit Trust Management iaitu sebuah anak syarikat milik Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada tahun 1968.¹⁴ Pelancaran dana ini telah membuka ruang kepada para pelabur khususnya bumiputera untuk terlibat dalam pelaburan. Namun, masyarakat masih kurang

¹¹Sunthara Segar, *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*, (Selangor : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd, 2007), 69.

¹²Mohd Azlan Yahya, “Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Unit Amanah Islam,”(Thesis, Unversiti Utara Malaysia, 2005), 28.

¹³Fakhrudin Sulaiman, Fadillah Mansor , “Operasi Dana Saham Amanah Secara Islam : Kajian Kes di Public Mutual Bhd,” *Jurnal Syariah*, Bil. 1, (2009),69.

¹⁴Mohd Azlan Yahya ,“Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Unit Amanah Islam, 51.

mengetahui kepentingan untuk melabur tambahan pula mereka kurang didedahkan dengan penjelasan berkaitan kepentingan pelaburan untuk masa hadapan. Hal ini menyebabkan pencapaian awal ASI kurang mendapat sambutan daripada para pelabur. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosikan ASI dengan menaja penubuhan beberapa ASI seperti Unit Amanah Darul Iman pada tahun 1994 dan Unit Amanah Kedah pada tahun 1995.¹⁵ Usaha yang dijalankan oleh kerajaan telah meningkatkan jumlah pelabur untuk terlibat dalam pelaburan ASI. Lebih banyak lagi saham amanah Syariah dilancarkan kemudiannya dan menjelang 31 Disember 2000 terdapat 13 saham amanah Syariah dengan unit yang diluluskan dan unit dalam edaran berjumlah 4,652 milion dan 2,934.69 milion masing-masingnya, dan diuruskan oleh 13 syarikat pengurusan saham amanah.¹⁶

2.4 PERBEZAAN SAHAM AMANAH DAN UNIT AMANAH

Jadual 2.4. Perbezaan Saham Amanah dan Unit Amanah

Kategori	Saham Amanah	Unit Amanah
Definisi	Mengumpul dana daripada pelabur individu dan/atau institusi yang mempunyai matlamat pelaburan yang sama	Skim Pelaburan terkumpul yang menggabungkan dana pelabur yang mempunyai matlamat yang sama
Pihak yang terlibat	Perjanjian tiga pihak : <ul style="list-style-type: none"> - Pelabur saham amanah atau pemegang unit - Pemegang amanah - Pengurus saham amanah 	Melibatkan tiga pertalian : <ul style="list-style-type: none"> - Pemegang unit - Pemegang amanah - Syarikat Pengurusan dana

Sumber : Buku-buku Unit Amanah, 2007-2013.

¹⁵Mohd Azlan Yahya, "Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Unit Amanah Islam," 52.

¹⁶Permodalan Nasional Berhad, *Industri Saham Amanah Malaysia*, 49.

Jadual 2.4. sambungan.

Kategori	Saham Amanah	Unit Amanah
Surat Ikatan Amanah	Dana mempunyai Surat Ikatan Amanah	Mempunyai Surat Ikatan Amanah
Pengurus Dana	Diuruskan oleh pengurus dana profesional	Diuruskan oleh pengurus profesional
Pemegang Amanah	Aset-aset diletak di bawah jagaan pemegang amanah	Aset-aset diletak di bawah jagaan pemegang amanah

Sumber : Buku-buku Unit Amanah, 2007-2013

Berdasarkan perbezaan yang dinyatakan di atas, penulis menyimpulkan saham amanah dan unit amanah menjalankan konsep pelaburan yang sama, namun terdapat sedikit perbezaan iaitu aspek pengurus dana. Bagi saham amanah, dana diuruskan oleh pengurus saham amanah manakala unit amanah pula diuruskan oleh syarikat pengurus dana. Oleh yang demikian, saham amanah diuruskan oleh entiti yang sama dalam syarikat tersebut manakala unit amanah pula berkemungkinan diuruskan oleh entiti yang lain.

2.5 DEFINISI UNIT AMANAH

Unit Amanah merupakan institusi pelaburan yang ditubuhkan khusus untuk mengumpulkan dana daripada pelabur-pelabur yang bermodal kecil tetapi berminat melabur dalam pasaran sekuriti¹⁷. Pelaburan Unit Amanah juga turut dikenali sebagai *unit trust* (UT) merupakan suatu bentuk pelaburan yang memberi ruang dan peluang kepada pelabur-pelabur kecil untuk melabur dalam jumlah yang kecil serta risiko yang dihadapi juga rendah. Tabung

¹⁷Ismail Ibrahim, *Saham dan Pasaran Saham*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988), 88.

amanah ialah pasaran saham amanah yang boleh dijual beli oleh orang awam melalui pengurus-pengurus tabung tertentu.¹⁸ Menurut Mark Mobius ;

“ *mutual funds, also knowns as unit trusts, provide investors with professional portfolio management, diversification, cost saving and wide arry of choice*” (Mark Mobius (2007) : *Mutual Fumds an introduction to the core concept*)¹⁹.

Menurut Rokiah Hassan dalam bukunya *Fundamentals of investment analysis and management*:

“*A Unit Trust is an investment scheme that pools money from individual and institutional investors and the fund is then managed by a group of professional managers who invest the money in a portfolio of securities such as shares, bonds, money market instrument or others securities allowed under the guidelines of Securities Commission (SC).*”²⁰ (Rokiah Hassan : 2010).

Hal ini menunjukkan setiap perkara yang melibatkan unit amanah adalah berdasarkan garis panduan yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) termasuk penentuan tingkat harga jualan dan belian saham.

Melabur dalam unit amanah merupakan salah satu langkah awal untuk terlibat dalam institusi pelaburan. Pemilihan untuk melabur dalam unit amanah merupakan langkah yang terbaik bagi menjamin masa depan. Hal ini disebabkan, kos saraan hidup seseorang individu semakin hari semakin meningkat, namun nilai wang yang dimiliki semakin kecil kerana berdepan dengan inflasi. Namun, masalah ini tidak dapat dielakkan bahkan

¹⁸Roslan Haji Ali, *Pelaburan, Penilaian dan Penerapan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pengajian Tinggi, 1922), 23.

¹⁹M. Mark, *Mutual Funds : An Introduction To The Core Concepts*, (Singapore : John and Sons (Asia), 2007), 17.

²⁰Rokiah Hassan (2010), *Fundementels of investment analysis and management*, Shah Alam, Selangor : University Publication Centre (UPENA), UiTM, 119.

kemungkinan akan menjadi lebih teruk. Oleh itu, salah satu langkah bagi berdepan masalah nilai kewangan yang semakin mengecil adalah melalui pelaburan. Namun begitu, melabur juga turut mempunyai risiko tersendiri akan tetapi, risiko tersebut kurang jika dibandingkan risiko yang harus dihadapi sekiranya pelaburan masa depan tidak dilakukan. Risiko yang dihadapi oleh para pelabur yang terlibat dalam unit amanah ini tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan pelaburan saham. Ini disebabkan, sesebuah unit amanah terdiri daripada pelaburan 40 syarikat, sekiranya 40 syarikat itu muflis serentak bukannya muflis satu persatu maka barulah unit amanah tidak akan hangus.²¹ Melihat kepada kenyataan tersebut menunjukkan bahawa sesebuah unit amanah kemungkinan mustahil untuk mengalami kerugian secara serentak kerana pemegang-pemegang amanah tersebut bertanggungjawab ke atas setiap pelaburan yang dibuat.

2.6 FAEDAH MELABUR DALAM UNIT AMANAH²² :

2.6.1 Modal pelaburan tidak tinggi :

Modal yang diperlukan untuk melabur dalam Unit Amanah tidaklah banyak seperti yang diperlukan untuk melabur dalam pasaran saham. Ini ialah kerana Unit Amanah membenarkan pelaburan dalam unit yang kecil misalnya \$100.00 untuk 100 unit. Sebagai contoh pelaburan minimum. Unit Amanah Nasional ialah sebanyak \$10.00 sahaja.

2.6.2 Pengurusan Profesional

Dengan hanya sejumlah modal yang kecil, pelabur-pelabur telah dapat melabur dalam portfolio yang diuruskan oleh professional. Ini membebaskan pelabur daripada beban membuat penyelidikan ke atas saham yang boleh menguntungkan.

²¹Sunthara Segar, *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*, 113.

²²Ismail Ibrahim, *Saham dan Pasaran Saham*, 89.

2.6.3 Pelbagaian

Unit Amanah sebenarnya menawarkan faedah kesan pelbagaian. Pelbagaian boleh mengurangkan risiko yang ditanggung dalam pelaburan. Ini tidak dapat dilakukan jika pelabur melabur terus dalam pasaran saham dengan modal yang sedikit.

2.6.4 Kecairan

Walaupun pelaburan dalam Unit Amanah merupakan pelaburan jangka panjang, tetapi ia adalah cair. Ini bermakna bahawa pelaburan boleh dijual semula untuk mendapatkan wang. Pihak pengurusan berkewajipan untuk mengikut harga pengurusan yang ditetapkan pada tiap-tiap hari.

2.6.5 Pulangan

Seperti juga pelaburan dalam sekuriti yang dibeli di pasaran, pelaburan dalam Unit Amanah juga boleh menghasilkan pulangan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal

2.6.6 Kemudahan melabur wang KWSP²³

Sebahagian daripada wang simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) anda boleh dilaburkan dalam unit amanah. Walau bagaimanapun, apabila anda memilih untuk melabur dalam unit amanah menggunakan wang KWSP, anda mengundang risiko kerugian. Tetapi jika pilihan anda bijak, ia boleh menghasilkan pulangan yang lumayan.

²³Razali Razman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah*, (Selangor, True Wealth Sdn Bhd, 2010), 15.

2.7 KELEMAHAN MELABUR DALAM UNIT AMANAH²⁴ :

2.7.1 Tiada Kawalan

Anda hanya boleh membuat keputusan untuk memilih dana. Anda tidak berkuasa untuk menentukan perkara lain berkenaan pengurusan dana. Anda juga tidak berhak campur tangan dalam hal ehwal operasi, walaupun anda melabur dalam jumlah yang besar. Sekiranya anda merasakan yang harga sesuatu saham dalam portfolio dana sudah naik terlalu tinggi, anda tidak boleh mengarahkan pengurus dana menjualnya. Keputusan jual beli ialah di luar kawalan anda.

2.7.2 Kos agak mahal

Kos untuk membeli unit amanah agak tinggi secara perbandingan, iaitu dengan kos permulaan sehingga 6.5 peratus dan juga yuran tahunan sehingga dua peratus. Ini bermakna anda tidak boleh menjual beli dana dengan sewenang-wenangnya. Disebabkan caj jualan yang tinggi semasa membeli unit amanah, anda perlu memberikan masa bagi dana anda untuk menghasilkan pulangan. Ini berbeza dengan saham yang menelan kos transaksi paling maksimum iaitu 0.7 peratus untuk membeli dan 0.7 peratus untuk menjual (maksimum 1.4 peratus). Malahan, kosnya lebih murah jika urusan niaga dibuat menerusi internet. Rata-rata unit amanah ialah sejenis instrumen pelaburan jangka panjang.

2.7.3 Sukar membuat pilihan.

Adalah lebih sukar untuk menentukan unit amanah yang baik berbanding saham yang baik. Kita boleh menyelidik saham sesebuah syarikat melalui pelbagai cara tetapi kekuatan unit amanah bergantung semata-mata kepada keupayaan pengurus dana dan kaedah peruntukan asetnya. Sukar untuk menentukan sama ada pengurus dana anda bagus ataupun tidak. Malah

²⁴Razali Razman, Panduan Pelaburan Unit Amanah, 16-17.

kajian akademik menunjukkan dengan jelas bahawa dana 10 tahun lepas yang hebat tidak semestinya dana terbaik dalam tempoh 10 tahun akan datang. Prestasi masa lalu tidak menjamin prestasi pada masa depan. Sebagai pelabur, anda perlu memilih dana yang berpotensi mencatatkan prestasi terbaik pada masa depan.

2.8 GARIS PANDUAN MELABUR DALAM UNIT AMANAH.

Garis panduan ini merupakan aspek yang menjadi perhatian para pelabur. Hal ini disebabkan pilihan yang perlu dibuat oleh para pelabur kaedah yang perlu digunakan untuk melabur. Berikut adalah garis panduan tersebut :-

- 2.8.1 Pelaburan terus
- 2.8.2 Pelaburan melalui ejen atau penasihat kewangan
- 2.8.3 Skim pelaburan khas
- 2.8.4 Perkhidmatan potongan akaun automatik
- 2.8.5 Perkhidmatan potongan gaji
- 2.8.6 Gabungan akaun unit amanah dan simpanan tetap (FD)

2.9 JENIS-JENIS DANA UNIT AMANAH

Terdapat pelbagai jenis dana Unit Amanah, namun setiap dana tersebut mempunyai tingkat risiko dan pulangan yang berlainan.

- 2.9.1 Dana Pendapatan
- 2.9.2 Dana Pertumbuhan
- 2.9.3 Dana Pertumbuhan agresif
- 2.9.4 Dana seimbang

2.9.5 Dana Indeks

2.9.6 Dana Bon

2.9.7 Dana Berteraskan Islam

2.10 PEMEGANG AMANAH

Pemegang amanah dikategorikan sebagai badan utama dalam sesebuah institusi saham amanah. Hal ini disebabkan, mereka yang bertanggungjawab memastikan perkembangan sesuatu tingkat pelaburan.

Pemegang amanah adalah pihak yang menyelia dan mengawal operasi dan pengurusan dana saham amanah dan berkewajipan *fiduciary* kepada pemegang-pemegang unit²⁵. Pemegang amanah juga dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan segala harta dan tanggungan dana²⁶.

Unit amanah direka bentuk bagi melindungi kepentingan pelabur-pelaburnya tidak seperti pelaburan saham biasa ataupun komoditi²⁷. Kuncinya terletak pada pemegang amanah yang memisahkan aset dana (wang pelabur) daripada syarikat pengurusan²⁸. Jika dana tersebut itu menghadapi masalah wang pelabur tetap selamat²⁹.

Pemegang amanah bertanggungjawab dan berkewajipan ke atas perkara-perkara berikut :-

2.10.1 Menjaga hak dan kepentingan pemegang-pemegang unit.

2.10.2 Memegang kesemua pendapatan yang diperolehi daripada harta dana amanah.

²⁵Siti Zaleha Feroze Din, *Saham Amanah Ekuiti*, 16.

²⁶*Ibid.*

²⁷Sunthara, *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*, 3.

²⁸*Ibid.*

²⁹*Ibid.*

- 2.10.3 Membahagikan pendapatan selaras dengan peruntukan-peruntukan suratikatan amanah.
- 2.10.4 Bertindak sebagai pemegang amanah sehingga dana saham amanah ditamatkan atau sehingga ia bersara atau diberhentikan daripada tugasnya dalam cara yang dibenarkan mengikut suratikatan amanah.
- 2.10.5 Mematuhi mana-mana garis panduan dan keperluan-keperluan pihak berkuasa yang berkenaan, yang dikeluarkan dari masa ke semasa dan mengikut ketetapan suratikatan amanah.
- 2.10.6. Menyambung segala usaha yang patut dan berwaspada dalam menjalankan tugas dan kewajipan mereka mengawasi dan menyelia hak dan kepentingan pemegang-pemegang unit
- 2.10.7 Memastikan segala urusan dan portfolio pelaburan dan perlupusan yang dijalankan oleh pengurus dana diberitahu kepadanya tidak lewat pada hari yang berikutnya
- 2.10.8 Menyimpan atau menyebabkan pengurus-pengurus menyimpan buku-buku akaun yang sempurna berkaitan dengan dana.
- 2.10.9 Memastikan akaun-akaun yang disediakan diaudit oleh juru audit pada setiap penghujung tempoh perakaunan
- 2.10.10 Memungut, menerima dan mendapatkan segala hasil yang terperoleh hasil dari aktiviti yang dijalankan seperti terimaan dividen, keuntungan modal dan penjualan pelaburan dan faedah dari deposit jangka pendek
- 2.10.11 Melaporkan kepada SC jika ia mendapati syarikat pengurusan yang tidak bertindak bagi kepentingan pemegang-pemegang unit
- 2.10.12 Membayar kepada kumpulan wang dana segala bayaran komisen kepada broker, bayaran setem, duti-duti, cukai-cukai dan lain-lain bayaran ke atas pengurusan dana dan pentadbiran suratikatan amanah termasuk bayaran kepada

juruaudit dan apa-apa bayaran yang dikenakan ke atas syarikat pengurusan dalam menyediakan akaun-akaun dan menghantar cek-cek pembahagian pendapatan

- 2.10.13 Memastikan setiap pemegang berdaftar dikirirkan penyata akaun yang telah di audit dua kali setahun
- 2.10.14 Memastikan pengurus-pengurus dana memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan jika ada perubahan-perubahan polisi pelaburan dan lain-lain perubahan.

2.11 CIRI-CIRI UNIT AMANAH ISLAM ³⁰:

- 2.11.1 Dana-dana Islam mesti mematuhi aktiviti ekonomi yang patuh Syariah dan melabur hanya dalam syarikat-syarikat yang memenuhi kehendak Syariah
- 2.11.2 Dana-dana Islam tidak boleh melabur dalam bank-bank konvensional yang menawarkan produk dengan kadar faedah tetap tetapi boleh melabur dalam sekuriti Islam dan institusi kewangan Islam
- 2.11.3 Dana-dana Islam juga mesti menghindari daripada membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat yang terlibat dalam produk-produk yang dilarang oleh undang-undang Islam seperti arak, tembakau, daging khinzir, perjudian dan pornografi.
- 2.11.4 Dana Islam hanya boleh bergiat dalam pengumpulan melalui penggunaan instrumen kewangan Islam dan tidak boleh mendapatkan atau menyediakan pinjaman konvensional mahupun melabur dalam produk-produk berfaedah konvensional, termasuk sekuriti hutang konvensional.

³⁰Public Mutual, dicapai 5 November 2012, http://www.publicmutual.com.my/Resources/Featured_Articles.aspx, 5 November 2012.

2.12 PENASIHAT SYARIAH

Majlis Penasihat Syariah (MPS) telah ditubuhkan pada 16 Mei 1996 bagi menggantikan Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII). MPS berfungsi memberi nasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti dalam semua perkara berhubung dengan pembangunan pasaran modal Islam yang komprehensif. MPS berperanan penting bagi memastikan perjalanan pasaran modal Islam sentiasa mematuhi syariat.

Dalam konteks dana Amanah Islam sumbangan besar MPS adalah dalam menyediakan panduan pelaburan dan senarai sekuriti patuh Syariah. MPS juga turut memberi sumbangan dalam membangunkan produk REIT Islam atau Amanah Pelaburan Hartanah Islam.³¹ Panduan yang disediakan oleh MPS penting bagi memastikan sekuriti yang terlibat dalam pelaburan menepati garis panduan yang telah ditetapkan serta tidak berlaku percampuran (*gharar*) antara yang halal dan haram.

2.12.1 Peranan Penasihat Syariah ialah³²

- 2.12.1.1 Memastikan bahawa dana amanah saham berdasarkan Syariah (“Dana”) diurus dan ditadbirkan menurut prinsip Syariah.
- 2.12.1.2 Menyediakan nasihat, kepakaran dan bimbingan untuk Dana dalam semua perkara dari perspektif prinsip Syariah, termasuk surat ikatan dan prospektus Dana, struktur dan proses pelaburannya dan operasi serta hal ehwal pentadbiran yang lain.
- 2.12.1.3 Merujuk kepada Suruhanjaya Sekuriti yang mungkin merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah (“SAC”) apabila terdapat sebarang kekaburan atau ketidakpastian

³¹Md Nurdin Ngadimon, “Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, Bil. 2, (2009), 138.

³²Laman Web Public Mutual.

berhubung sebarang pelaburan, instrumen, sistem, prosedur dan atau proses yang berkaitan dengan dana.

2.12.1.4 Meneliti laporan kepatuhan dana yang disediakan oleh pegawai pematuhan pengurus, laporan urus niaga yang disediakan oleh atau diluluskan oleh pemegang amanah dan laporan lain yang dianggap perlu untuk memastikan bahawa pelaburan dana sejajar dengan prinsip Syariah.

2.12.1.5 Menyediakan laporan untuk disertakan dalam laporan intriem dan tahunan dana yang mengesahkan sama ada dana telah diurus dan ditadbirkan mengikut prinsip Syariah

2.12.1.6 Memastikan bahawa dana mematuhi, sebarang garis panduan, peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Penasihat Syariah, yang berhubung perkara berkenaan Syariah

2.12.1.7 Menyemak dan memberi khidmat nasihat berhubung bahan promosi dana

2.12.1.8 Membantu dan menghadiri mesyuarat “ad-hoc” yang disediakan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan/ atau pihak berkuasa lain yang relevan

2.13 PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM

Pengurusan dana Unit Amanah Islam ini tertumpu kepada tiga aspek penting iaitu pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Ketiga-tiga aspek ini mempunyai kaitan antara satu sama lain. Hal ini disebabkan seseorang pengurus dana yang cekap mampu membuat pembahagian aset dengan baik mengikut keadaan dan situasi semasa pasaran kewangan. Tambahan pula, pemilihan saham juga perlu diteliti sebelum sesuatu dana dimasukkan bagi memastikan dana tersebut dapat berkembang dengan baik.

2.13.1. Pengurus Dana

Mengendalikan segala urusan berkaitan dana unit amanah, termasuklah pendaftaran dana, pentadbiran dana, laporan suku dan separuh tahunan, laporan tahunan dan yang terpenting sekali menguruskan pelaburan dana. Penyerahan tugas menguruskan dana kepada mana-mana syarikat pengurusan dana adalah lebih selamat berbanding menyerahkannya kepada individu. Ini kerana jika pengurus dana meletakkan jawatan, sekurang-kurangnya masih ada pihak lain dalam syarikat tersebut yang boleh mengambil alih tugas pengurusan. Ini menjamin kesinambungan dan memastikan pengurusan yang professional dan telus.³³

Prestasi dana bergantung pada pengurus pelaburan yang menguruskan pelaburan dana itu. Ia berkait rapat dengan tahap kompeten pengurus dana dan kebijaksanaannya dalam mengatur serta melaksanakan strategi pelaburan dana. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pengurus pelaburan dana tidak semestinya entiti yang sama dengan syarikat pengurusan amanah saham. Walaupun ada syarikat pengurusan yang menjalankan sendiri aktiviti pengurusan pelaburan dana, ada juga syarikat pengurusan amanah saham yang mempertanggungjawabkan pengurusan pelaburan dana kepada syarikat lain.³⁴ Huraian lanjut berkenaan tugas pengurus dana akan diulas secara terperinci dalam bab empat (4).

Manakala bagi mengenalpasti perjalanan Syariah sesuatu dana dalam institusi diserahkan kepada Penasihat Syariah. Penasihat Syariah bertanggungjawab mengkaji persoalan Syariah dalam dana dan memastikan dana dilaburkan dalam saham yang selari dengan kehendak syara'. Peranan Penasihat Syariah dinyatakan dalam bahagian 2.13 (halaman 37-38) dalam bab ini.

³³Razali Razman, *Panduan Pelaburan Unit Amanah*, 5.

³⁴Sunthara Segar, *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*, 69.

2.13.2. Pembahagian Aset

Pengagihan aset merujuk pada pengagihan saham-saham pelaburan dalam sesuatu dana. Menentukan peratusan keseluruhan aset dana itu dilaburkan dalam ekuiti dan wajaran yang perlu dilaburkan dalam instrumen pasaran wang. Pembahagian aset ini penting dalam menentukan prestasi sesuatu dana kerana pembahagian aset yang baik membolehkan dana berkembang dengan baik selaras dengan perkembangan pasaran kewangan. Sebaliknya, pengagihan aset yang tidak baik dapat menyebabkan prestasi yang buruk pada dana itu. Sebagai contoh, apabila harga saham naik, peratusannya perlu diubah dan apabila harga turun peratusannya juga perlu diubah. Sekiranya menjangkakan pasaran saham sudah berada pada peringkat yang tinggi dan menurun, pengurus perlu memastikan kebanyakan aset dana adalah dalam bentuk aset cair dan hanya sedikit yang dilaburkan dalam saham. Oleh itu, apabila pasaran saham menurun, kesan kejatuhan harga saham tidak menjejaskan nilai dana dengan teruk kerana dana itu mempunyai kadar kecairan yang tinggi. Manakala apabila saham berada pada paras yang rendah dan meningkat, pengurus perlu membeli saham dengan banyak dan mengurangkan tahap kecairan dana. Dengan ini, apabila pasaran saham meningkat, nilai dana itu juga meningkat selaras dengan peningkatan harga saham yang terdapat dalam dana itu.³⁵

2.13.3. Pemilihan saham

Terdapat dua strategi asas yang boleh digunakan untuk melabur di pasaran saham. Strategi –strategi ini adalah dalam bentuk agresif ataupun dalam bentuk koservatif. Dengan strategi agresif, pelaburan tertumpu kepada saham-saham berbentuk spekulatif, pertumbuhan ataupun saham-saham situasi. Saham yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dianggap sebagai saham-saham situasi. Manakala saham berbentuk spekulatif pula

³⁵Sunthara Segar, *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*, 69-70.

selalunya memberikan pulangan yang tinggi. Dalam memilih saham-saham yang mempunyai pertumbuhan tinggi kita perlu mengkaji prospek industri yang saham tersebut berada. Strategi yang berbentuk agresif juga memerlukan kita memilih saham-saham yang pada masa itu berada dalam keadaan kerugian ataupun mendapat keuntungan yang sedikit, tetapi dijangka akan berubah ataupun menunjukkan prestasi yang baik pada masa akan datang.

Saham situasi merupakan saham bagi syarikat yang baru sahaja memperolehi paten bagi suatu peluang perniagaan baru ataupun syarikat-syarikat yang baru memperolehi teknologi terkini dalam pengeluaran produk mereka. Dengan strategi konservatif tumpuan pelaburan selalunya kepada saham-saham yang dikenali sebagai saham “cip biru” atau “blue chip”. Maksud cip biru adalah saham-saham bagi syarikat-syarikat yang dianggap teguh dan berwibawa. Dengan perkataan lain, syarikat-syarikat yang mempunyai prestasi yang baik sama ada dalam keadaan ekonomi lembab mahupun baik, mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan mempunyai rekod pembayaran dividen yang stabil. Syarikat-syarikat ini biasanya mempunyai kadar pembayaran dividen yang tinggi dan selalunya diklasifikasikan sebagai saham-saham amanah.

Terdapat kaedah lain bagi menentukan kekuatan sesebuah syarikat iaitu dengan mengukur prestasi dana syarikat dan prestasi dana syarikat berbanding penanda aras yang dipilih. Perbandingan ini tidak memberikan ketepatan yang jitu tetapi sekurang-kurangnya dapat mengetahui syarikat yang mempunyai tahap pengurusan yang mantap. Selain itu, kekuatan syarikat boleh ditentukan dengan membandingkan semua dananya dengan prestasi penanda aras masing-masing.

MPS telah menggunakan beberapa kriteria tertentu iaitu kajian ditumpukan kepada aktiviti sesebuah syarikat yang sekuritanya tersenarai di Bursa Malaysia. Oleh yang demikian,

tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan, syarikat yang menjalankan aktiviti selaras dengan prinsip Syariah akan diklasifikasikan sebagai sekuriti yang diluluskan. Sebaliknya, sesebuah syarikat diklasifikasikan sebagai sekuriti yang tidak diluluskan sekiranya syarikat menjalankan aktiviti teras yang tidak diluluskan Syariah seperti yang berikut perkhidmatan kewangan yang berteraskan *riba* (faedah), perjudian, pengeluaran atau penjualan barangan yang tidak halal atau barangan yang berkaitan, insuran konvensional, aktiviti hiburan yang tidak selaras dengan Syariah, pengeluaran atau penjualan barangan yang berasaskan tembakau atau barangan yang berkaitan, pembrokeran atau jual beli sekuriti yang tidak diluluskan Syariah dan aktiviti lain yang didapati tidak selaras dengan Syariah.

Bagi syarikat yang menjalankan aktiviti bercampur di antara aktiviti yang selaras dan tidak selaras dengan Syariah, MPS mempertimbangkan dua kriteria tambahan iaitu pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik dan aktiviti teras syarikat mempunyai kepentingan dan *maslahah* (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara manakala unsur yang tidak selaras dengan Syariah adalah amat kecil dan melibatkan dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang diperakui oleh Islam.

BAB 3

PENGENALAN KEPADA KAJIAN KES MAAKL MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL DAN JENIS-JENIS DANA YANG DITAWARKAN

3.1 PENGENALAN

Kajian ini memberi pemfokusan kepada pengenalan bagi kedua-dua institusi pelaburan yang terlibat sebagai kajian kes iaitu MAAKL Mutual dan Public Mutual. Kedua-dua institusi ini menawarkan perkhidmatan pelaburan berasaskan Islam dan konvensional. Sebelum perbincangan lanjut di teruskan, penulis akan menjelaskan beberapa kriteria pemilihan MAAKL Mutual dan Public Mutual sebagai kajian kes.

Jadual 3.1 : Kriteria pemilihan Public Mutual dan MAAKL Mutual sebagai kajian kes

Public Mutual	MAAKL Mutual
Public Mutual memulakan operasinya pada 2 Julai 1980 dan merupakan antara perintis terawal dalam industri ini dan telah menguruskan dana amanah saham Malaysia selama lebih dua dekad.	MAAKL Mutual telah beroperasi pada 16 Oktober 2000. Merupakan institusi yang masih baru dalam pelaburan unit amanah.
Pemenang terbesar dalam <i>The Edge-Lipper Malaysia Fund Awards</i> 2012 untuk Sembilan tahun berturut-turut sebanyak lapan (8) anugerah Memenangi <i>Morningstar Fund Awards</i> (Malaysia) 2012 kategori <i>Best Islamic MYR Bond Fund</i> untuk <i>PB Dana Islamic Bond</i>	Pemenang kategori <i>Best Mixed Asset MYR Bal-Malaysia Islamic Fund</i> , bagi tempoh 3 tahun – MAAKL Al-Umran Pemenang kategori <i>Best Islamic Syariah Equity Fund</i> – MAAKL Al-Fauzan Pemenang Kategori <i>Best Islamic Balance Fund</i> – MAAKL Al-Umran

Sumber : Laman web dan Master Prospektus Public Mutual dan MAAKL Mutual, 2013

Jadual 3.1. sambungan.

Public Mutual	MAAKL Mutual
<p>ZI Shariah Advisory Services sdn bhd merupakan Penasihat Syariah kepada 33 dana. Public Mutual mengkhususkan pegawai yang bertanggungjawab dengan persoalan Syariah berkaitan dana Islam.</p>	<p>Menjadikan IBFIM sebagai Penasihat Syariah yang mempunyai kekuatan seramai 57 orang kakitangan dan menjadi penasihat kepada 57 jenis dana.</p> <p>IBFIM menetapkan perjumpaan bersama pengurus dana setiap dua kali setahun.</p>
<p>Mempunyai seramai lapan orang Lembaga Pengarah dan bilangan kakitangan seramai kira-kira 760 orang.</p>	<p>Mempunyai kekuatan lima orang individu yang bertindak sebagai kunci syarikat dengan lebih 88 tahun pengalaman dalam unit amanah, pengurusan dana, insuran dan perkhidmatan industri kewangan lain.</p>
<p>Merupakan pengurus dana berlesen dan pengurus amanah saham swasta terbesar dari segi NAB</p>	
<p>Rangkaian Jualan : Public Mutual mempunyai rangkaian yang luas yang terletak di ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama untuk memberi perkhidmatan kepada pemegang unit dan pasarannya</p>	

Sumber : Laman web dan Master Prospektus Public Mutual dan MAAKL Mutual, 2013

Berdasarkan kriteria-kriteria yang terdapat dalam kedua-dua institusi yang terlibat, menunjukkan kedua-dua institusi ini mempunyai kelebihan dalam proses mengendalikan institusi masing-masing.

Public Mutual merupakan perintis terawal bagi institusi pelaburan amanah di Malaysia, oleh itu institusi ini telah membuka luas rangkaianannya keseluruh ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Hal ini bertujuan memudahkan pelanggan-pelanggan mendapatkan perkhidmatan pelaburan diseluruh Malaysia.

Tambahan pula Public Mutual mempunyai kekuatan kakitangan seramai 760 orang yang bertanggungjawab dalam jabatan-jabatan yang telah ditugaskan. Institusi ini merupakan pengurus dana berlesen dan pengurus amanah saham swasta terbesar dari segi NABnya.

Kejayaan yang diperolehi Public Mutual dalam mengendalikan dana Islamnya terbukti apabila syarikat ini memenangi *Morningstar Fund Awards* (Malaysia) 2012 kategori *Best Islamic MYR Bond Fund* untuk *PB Dana Islamic Bond*. Serta pemenang terbesar dalam *The Edge-Lipper Malaysia Fund Awards* 2012 untuk sembilan tahun berturut-turut sebanyak lapan (8) anugerah.¹

Anugerah-anugerah yang diperolehi dan pengalaman yang lama dalam mengendalikan institusi pelaburan amanah menunjukkan kemungkinan syarikat ini mempunyai pelbagai pengalaman dalam menguruskan dana-dananya.

Walaupun MAAKL Mutual merupakan institusi yang masih baru, namun syarikat ini memperolehi beberapa anugerah iaitu pemenang kategori *Best Mixed Asset MYR Bal-Malaysia Islamic Fund*, bagi tempoh 3 tahun bagi dana MAAKL Al-Umran, Pemenang kategori *Best Islamic Syariah Equity Fund* bagi dana MAAKL Al-Fauzan dan pemenang kategori *Best Islamic Balance Fund* bagi dana MAAKL Al-Umran. Anugerah-anugerah yang diterima menunjukkan dana yang berada di bawah seliaan MAAKL Mutual mempunyai potensi yang baik².

Tambahan pula syarikat ini mempunyai lima orang individu yang berpengalaman lebih 88 tahun dalam unit amanah, pengurusan dana, insuran dan perkhidmatan industri kewangan

¹Laman web MAAKL Mutual, <https://www.maaklmutual.com.my/Pages/AUs/CP/coorprofile.aspx>, 5 November 2012.

²*Ibid.*

lain. Manakala IBFIM ditugaskan sebagai Penasihat Syariah mempunyai kekuatan seramai 57 orang kakitangan dan menjadi penasihat kepada 57 jenis dana.

Berdasarkan kriteria-kriteria yang dinyatakan menunjukkan kedua-dua institusi ini mempunyai kelebihan tersendiri. Public Mutual telah berpengalaman lama dalam mengendalikan urusan pelaburan saham amanah aspek ini penting dalam mengekalkan keyakinan para pelabur untuk terus melabur di Public Mutual. Namun, kemunculan MAAKL Mutual yang masih baru dalam industri pelaburan unit amanah ini tidak bermaksud syarikat ini tidak mendapat kepercayaan masyarakat. Bahkan anugerah-anugerah yang diterima menunjukkan syarikat ini berpotensi untuk menjadi syarikat pelaburan amanah yang dipercayai.

3.2 MAAKL Mutual

3.2.1 Latarbelakang MAAKL Mutual³

MAAKL Mutual telah beroperasi pada 16b Oktober 2000 di bawah *Compenies Act* 1965. Pembahagian perkongsian modal MAAKL Mutual adalah RM10,001,800 dibahagikan kepada 9,000,000 saham biasa dengan RM 1 seunit dan 1,001,800 saham keutamaan dengan RM 1 seunit.

Pada Disember 2003, MAAKL Mutual telah berjaya menjadikan *MBf Corporation Unit Trust Management Berhad (MBfUT)* sebagai pengurus kepada *MAAKL Balance Fund, MAAKL Value Fund, MAAKL Equity Index Fund and MAAKL Syariah Index Fund*. Menjelang 31 Mac 2004, nama syarikat telah ditukar kepada MAAKL Mutual Bhd sebagai tanda kerjasama yang dijalin antara Khyr Liberty Sdn Bhd.

³Laman Web MAAKL Mutual.

MAAKL Mutual diterajui oleh 5 orang individu yang bertindak sebagai kunci syarikat dengan lebih 88 tahun pengalaman dalam unit amanah, pengurusan dana, insuran dan perkhidmatan industri kewangan lain. MAAKL Mutual mempunyai posisi yang kuat untuk membina suatu empayer unit amanah yang paling professional dalam Negara.

Pemangku MAAKL Mutual Y.M. Tunku Dato' Ya'acob Bin Tunku Tan Sri Abdullah mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri insurans. Tunku Ya'acob juga merupakan Presiden *Federation of Investment Managers Malaysia dan Financial Planning Association of Malaysia (FPAM)*.

Mr. Wong bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di MAAKL Mutual dan Pengarah Eksekutif Tidak-Bebas pada 17 May 2004. Beliau telah berkecimpung selama 22 tahun dalam industri unit amanah. Sebelum berkhidmat di MAAKL Mutual Mr. Wong merupakan Pengurus Besar Kanan di Public Mutual (yang juga dikenali sebagai KL Mutual). Beliau juga merupakan Presiden *Financial Planning Assiciation of Malaysia (FPAM)*.

Encik Patrick Nage merupakan Ketua Pegawai Operasi dan bertanggungjawab ke atas pengoperasian syarikat dan urusan pengagihan. Beliau juga merupakan Pengurus Besar bagi jualan dan latihan di Public Mutual. Mr. Nge mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam industri unit amanah.

Encik Muhamad Umar Swift merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Pengurusan Kumpulan di MAA Group Berhad, merupakan Pengarah Tidak Bebas di MAAKL Mutual semenjak Ogos 2006. Beliau mempunyai lebih 17 tahun pengalaman dalam arena perbankan dan perkhidmatan kewangan.

Encik Edmond Cheah, merupakan Ketua Pegawai Eksekutif di Public Mutual, juga merupakan Pengarah Bebas di MAAKL Mutual dan Ahli Jawatankuasa Bebas dalam Jawatankuasa Pelaburan. Encik Cheah berkecimpung dalam industri unit amanah lebih 27 tahun. Beliau juga merupakan presiden bagi FPAM dan ahli di FIMM. Gabungan pengalaman selama lebih 88 tahun dalam pengurusan, Tunku Ya'acob, Encik Wong Boon Choy, Encik Patrick Nge, Encik Muhamad Umar Swift dan Encik Edmond Cheah, MAAKL Mutual akan berjaya mencapai syarikat unit amanah yang paling dipercayai di Malaysia.⁴

3.2.2 Visi dan Misi MAAKL Mutual⁵

Visi :

Menjadi Syarikat Unit Amanah Yang Paling Dipercayai Di Malaysia

(To Be The Most Trusted unit trust company in Malaysia)

Misi :

Menjadi Syarikat Unit Amanat Terbaik Di Malaysia Menjelang 2015

(To be the best unit trust company in Malaysia by 2015)

⁴Laman Web MAAKL Mutual.

⁵*Ibid.*

3.2.3 Tujuh Prinsip Etika MAAKL Mutual

MAAKL Mutual mengamalkan tujuh prinsip sebagai etika dalam bekerja. Firma ini bermatlamat untuk berjaya dalam tempoh masa yang panjang dan dipandu dengan nilai etika yang baik berdasarkan tujuh prinsip etika ini dikenali sebagai CFC IPOD. Antara tujuh prinsip etika tersebut :

3.2.3.1 *Competence*

3.2.3.2 *Fairness*

3.2.3.3 *Confidentiality*

3.2.3.4 *Integrity*

3.2.3.5 *Professionalism*

3.2.3.6 *Objectivity*

3.2.3.7 *Diligence*⁶

3.2.4 Produk MAAKL Mutual⁷

3.2.4.1. Unit Amanah

3.2.4.2. Perlindungan Istimewa (*Special Insurans*)

3.2.4.3. Amanah Saham asing pertama di Malaysia

⁶ Laman Web MAAKL Mutual.

⁷ *Ibid.*

3.2.5 Penasihat Syariah⁸

Penasihat Syariah yang dilantik bertujuan memantau perjalanan Syariah di MAAKL Mutual bagi memastikan setiap sekuriti yang terlibat dalam pelaburan ini bertepatan dengan prinsip Syariah.

Berdasarkan kepada garis panduan yang diberikan oleh SC, peranan IBFIM sebagai Penasihat Syariah antaranya :

3.2.5.1 Memastikan bahawa dana amanah saham berdasarkan Syariah (“Dana”) diurus dan ditadbirkan menurut prinsip Syariah

3.2.5.2 Menyediakan nasihat, kepakaran dan bimbingan untuk dana dalam semua perkara dari perspektif prinsip Syariah, termasuk surat ikatan dan prospektus dana, struktur dan proses pelaburannya, dan operasi serta hal ehwal pentadbiran yang lain.

3.2.5.3 Merujuk kepada SS yang mungkin merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah (“SAC”) apabila terdapat sebarang kekaburan atau ketidakpastian berhubung sebarang pelaburan, instrumen, sistem, prosedur dan / atau proses yang berkaitan dengan dana.

3.2.5.4 Meneliti laporan kepatuhan dana yang disediakan oleh pegawai pematuhan pengurus, laporan urus niaga yang disediakan oleh atau diluluskan oleh pemegang amanah dan laporan lain yang dianggap perlu untuk memastikan bahawa pelaburan dana sejajar dengan prinsip Syariah.

3.2.5.5 Menyediakan laporan untuk disertakan dalam laporan intriem dan tahunan dana yang mengesahkan sama ada dana telah diurus dan ditadbirkan mengikut prinsip Syariah

⁸Laman Web MAAKL Mutual.

3.2.5.6 Memastikan bahawa dana mematuhi, sebarang garis panduan, peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh SS dan SAC, yang berhubung perkara berkenaan Syariah

3.2.5.7 Menyemak dan memberi khidmat nasihat berhubung bahan promosi dana

3.2.5.8 Membantu dan menghadiri mesyuarat “*ad-hoc*” yang disediakan oleh SS dan/atau pihak berkuasa lain yang relevan ⁹.

3.2.6 Jenis dana yang ditawarkan

Terdapat beberapa jenis dana amanah Islam yang ditawarkan di MAAKL Mutual sama ada dana berbentuk konvensional mahupun dana patuh Syariah. Namun dana patuh Syariah yang ditawarkan di MAAKL Mutual kebanyakannya masih baru dilancarkan tidak seperti dana konvensional yang lain. Rujuk jadual 3.2.¹⁰

Jadual 3.2. Dana-Dana Unit Amanah Islam MAAKL Mutual

	Dana Patuh Syariah	Tarikh Penubuhan
Ekuiti	Dana MAAKL HDBS <i>Syariah Progress</i>	16 Ogos 2010
	Dana MAAKL <i>Shariah Asia – Pasifik</i>	12 April 2007
	Dana MAAKL - <i>Cm Shariah Flexi</i>	16 Ogos 2007
	Dana MAAKL Al-Umran	9 Jun 2005
	Dana MAAKL Al-Fauzan	9 Jun 2005
	Dana MAAKL <i>Syariah Index</i>	26 Disember 2002
	Dana MAAKL Al-Faid	12 Jun 2003
Bon	MAAKL As-Saad	12 Jun 2003
Pasaran Wang	MAAKL Al-Ma'mun	28 Disember 2006

Sumber : Laman web MAAKL Mutual, 2013

⁹ Laman Web Public Mutual.

¹⁰Ibid.

3.2.7 Maklumat terperinci dana Syariah MAAKL Mutual¹¹

Jadual 3.3 : Dana MAAKL - HW Syariah Progress Fund (MSPF)

Kategori Dana	Ekuiti (Dana Islam)
Jenis Dana	Ekuiti Islam
Pengurus Dana Lantikan	Mr David Ng Kong Cheong
Objektif Dana	Dana ini bertujuan untuk menyediakan kepada pemegang saham pertumbuhan modal jangka panjang yang stabil dalam portfolio pelbagai pada tahap risiko yang kecil hingga sederhana dengan melabur dalam modal ekuiti patuh Syariah dan instrumen ekuiti yang berkaitan.
Profil pelabur	Dana ini direka untuk pelabur yang mencari peningkatan modal dan bersedia untuk menerima risiko sederhana dan berisiko tinggi. Dana ini sesuai untuk pelabur yang mencari pelaburan yang mematuhi keperluan Syariah, tidak mempunyai aliran pendapatan yang tetap dan ideal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang antara 3 dan 5 tahun.

Sumber : Master Prospektus MAAKL Mutual,2013

3.2.7.1 Strategi Pelaburan

Dasar Pelaburan	Melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi saham mewah dan saham pertumbuhan patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Sekuriti dan pasaran saham serantau terpilih untuk memenuhi objektif pelaburannya. Kandungan ekuiti minimumnya ialah 80% daripada NAB dana. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam

Sumber : Master Prospektus Public Mutual, 2013.

3.3.7.5 Strategi Pelaburan

PBIAEF diuruskan secara aktif untuk mencapai matlamat jangka panjang iaitu pertumbuhan modal dengan mengekalkan tahap pendedahan yang tinggi kepada Ekuiti Patuh Syariah sebanyak 80% pada setiap masa. Pelaburan Ekuiti Patuh Syariah dana memberi tumpuan terutamanya kepada portfolio terpelbagai merangkumi syarikat berkaitan indeks, saham mewah dan syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan yang patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Sekuriti. Pada amnya, syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan perolehan yang berpatutan tinggi dalam jangka sederhana hingga panjang dipilih. Dalam mengenal pasti syarikat sedemikian, dana bergantung pada penyelidikan asas dimana keteguhan kedudukan kewangan, prospek industri, kualiti pengurusan dan

rekod prestasi lepas syarikat dipertimbangkan. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangannya amat bergantung pada peluang pasaran.

Sehingga 98% daripada NAB dana boleh dilaburkan dalam pasaran asing terpilih termasuk Korea Selatan, Chin, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Australia, New Zealand, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Pasaran lain yang dibenarkan. Dana boleh melabur sehingga 20% daripada NABnya dalam pasaran Australia dan New Zealand. Kelulusan yang perlu daripada pihak berkuasa kawal selia asing akan didapatkan sebelum melabur dalam pasaran yang dibenarkan yang tersebut di atas.

Pelaburan dan juga mungkin termasuk waran dan Opsyen Patuh Syariah yang tersenarai (jika ada) untuk mempertingkatkan pulangnya. Dana juga mungkin mempertimbangkan pelaburan dalam Ekuiti Patuh Syariah yang tidak tersenarai terutamanya dalam syarikat yang dijangka cuba mendapatkan penyenaian di Bursa Sekuriti atau pasaran serantau terpilih dalam jangka masa dua tahun. Dana juga mungkin melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif Patuh Syariah dalam pasaran domestik atau pasaran serantau terpilih. Dana juga mungkin melabur dalam sukuk (seperti sukuk berdaulat dan sukuk korporat) dan instrumen pasaran wang Islam untuk menolong menjanakan pulangan.

Pendedahan ekuiti yang tinggi yang dikekalkan pada setiap masa mungkin menyebabkan dana mengalami kemeruapan ketara semasa pergerakan pasaran yang buruk. Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana juga mungkin melabur dalam kontrak hadapan dan opsyen tersenarai Islam (apabila ada) bagi melindungi nilai daripada kemeruapan pasaran.

Bagi sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti, rujukan dibuat kepada senarai Sekuriti Patuh Syariah yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah SS setiap setengah tahun. Pelaburan dana dalam sekuriti asing akan dipilih menurut saham yang termasuk dalam

Indeks S&P Syariah dan/atau sekuriti yang dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Saham yang termasuk dalam Indeks S&P Syariah dianggap sebagai Sekuriti Patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Untuk sekuriti dikaji semula oleh Penasihat Syariah, Pengurus Dana mula-mula akan mengenalpasti dahulu sekuriti yang memenuhi kriteria pelaburannya di pasaran asing terpilih yang dibenarkan oleh SS. Semua Dokumen yang berkaitan dengan maklumat terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat lain yang berkaitan akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses Penyaringan Saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan juga kualitatif.

Analisis Kuantitatif : Penasihat Syariah akan menentukan sama ada nisbah kewangan (pendapatan faedah, nisbah hutang pinjaman berfaedah dan sebagainya) untuk sekuriti itu memenuhi ambang kewangan dalaman Penasihat Syariah. Sekiranya mana-mana pengiraan gagal memenuhi ambang kewangan itu, Penasihat Syariah tidak akan memberi taraf patuh Syariah untuk sekuriti itu.

Analisis Kualitatif : Melibatkan penelitian sekuriti itu secara keseluruhan. Sekuriti itu mestilah tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan oleh Syariah seperti arak, khinzir dan keluaran berkaitan khinzir, perjudian, tembakau, pornografi, perkhidmatan kewangan konvensional dan sebagainya. Penasihat Syariah akan meneliti aspek tanggapan orang ramai tentang imej syarikat, perniagaan teras yang dianggap penting dan masalah (bermanfaat) kepada umat Islam dan negara, unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat kecil dan melibatkan hal-hal seperti umum balwa (sesuatu yang sudah menjadi umum dan biasa berlaku dan sukar dielakkan), uruf (adat) dan hak masyarakat bukan Islam yang diterima oleh Islam. bagi memastikan keperluan Syariah dipatuhi dengan ketat, senarai Sekuriti Patuh Syariah ini dikemaskini oleh Penasihat Syariah dua kali setahun untuk memasukkan / mengeluarkan sekuriti dari senarai tersebut.

3.3.7.6 Manfaat khusus dana

Dana memberi peluang kepada pelabur untuk mengambil bahagian dalam potensi pertumbuhan jangka panjang portfolio terpelbagai merangkumi saham indeks, saham mewah dan Saham Pertumbuhan Patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Sekuriti dan pasaran saham asing terpilih. Walau bagaimanapun, dana memberi kurang penekanan kepada peruntukan aset dengan memperuntukan sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah dana kepada pasaran ekuiti pada setiap masa. Oleh yang demikian, dana berkemungkinan mendapat manfaat yang besar daripada pasaran ekuiti yang menarik. Dari segi kemerosotan, ia mungkin mempunyai peluang yang sedikit dalam mengelakkan kesan sepenuhnya daripada pasaran menurun. Oleh itu, berpotensi meraih prestasi yang lebih kukuh dalam pasaran menaik daripada dana ekuiti yang berorientasikan simpanan. Sehubungan itu, pulangnya juga mungkin lebih meruap.

3.3.7.7 Pengurusan Risiko Khusus Dana

Pengurusan kecairan, strategi mempelbagaian dan lindung nilai yang digunakan adalah tertumpu kepada usaha untuk menguruskan risiko yang dihadapi dana. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat situasi, seperti apabila kemerosotan teruk dijangka berlaku dalam pasaran ekuiti dan risiko kecairan adalah tinggi maka pendedahan ekuiti dikurangkan ke tahap minimum yang dinyatakan. Berkenaan dengan portfolio sukuk dana, haruslah diambil perhatian bahawa prestasi portfolio mungkin terjejas sekiranya kadar faedah naik mendadak. Nilai sukuk juga mungkin turun naik berdasarkan kualiti kredit penerbit. Oleh yang demikian, pendedahan kepada sukuk dalam portfolio diuruskan untuk meminimumkan risiko tersebut ke tahap yang sepadan dengan potensi pulangan.

3.3.7.8 Penanda aras Prestasi yang dipilih

Penanda aras dana dan peratusan masing-masing adalah seperti berikut :

- 20% Indeks Syariah Hijrah FTSE Bursa Malaysia dan
- 80% Indeks S&P Syariah BMI Asia Kecuali Jepun

Penanda aras yang dipilih bagi PBIAF ialah indeks penanda aras komposit yang merangkumi pelaburan hipotetik dalam Indeks Syariah Hijrah FTSE Bursa Malaysia dan Indeks S&P Syariah BMI Asia Kecuali Jepun dalam nisbah 20:80. Oleh itu, pulangan bagi indeks penanda aras bagi mana-mana sahaja tempoh masa akan terdiri daripada 20% daripada pulangan Indeks Syariah Hijrah FTSE Bursa Malaysia dan 80% daripada Indeks S&P Syariah BMI Asia kecuali Jepun. Saham komponen Indeks Syariah Hijrah FTSE Bursa Malaysia terdiri daripada 30 Saham Utama Patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Sekuriti, manakala saham komponen Indeks S&P Syariah BMI Asia kecuali Jepun terdiri daripada saham utama dari pasaran utama serantau termasuk Korea Selatan, China, Hong Kong, Singapura, Filipina, Thailand dan Indonesia. Oleh yang demikian, indeks penanda aras komposit ini merupakan penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBIAEF kerana dana melabur dalam portfolio saham indeks, saham mewah dan saham pertumbuhan yang mematuhi keperluan Syariah di pasaran domestik dan serantau.

Jadual 3.15 : PB Dana Islamic Asia Strategic Sektor (PBIASSF)

Kategori Dana	Dana ekuiti (Syariah)
Jenis Dana	Pertumbuhan modal
Julat Ekuiti Dana	75% hingga 98%
Profil Pemilihan Saham	Saham indeks, saham mewah dan saham pertumbuhan
Dasar Agihan	Sampingan
Cadangan Tempoh Pelaburan	3 tahun
Pengurus Dana Lantikan	Mat Radzuan bin Abd Razak dan Andrew Seah Saik Weng
Objektif Dana	Untuk mendapatkan kenaikan modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam portfolio sekuriti, terutamanya ekuiti, yang mematuhi keperluan Syariah dari sektor pasaran terpilih di pasaran domestik dan serantau.
Profil pelabur	<ul style="list-style-type: none"> - Pembawaan risiko-ganjaran yang agresif - Pelabur jangka sederhana hingga panjang - Bersedia menghadapi tempoh pasaran tinggi dan rendah yang berlanjutan dalam usaha mendapatkan pertumbuhan modal
Dasar Pelaburan	PBIASSF melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi Ekuiti Patuh Syariah di Pasaran domestik dan serantau bagi memenuhi objektif pelaburannya. Dana akan melabur dalam maksimum 6 sektor tetapi akan mengekalkan pelaburannya dalam minimum 3 sektor pada setiap masa. Dana pada amnya mengekalkan pendedahan ekuiti dalam lingkungan 70% hingga 98% daripada NABnya. Walau bagaimanapun, julat ekuiti dana mungkin lebih rendah bergantung pada taksiran pasaran ekuiti oleh Pengurus Dana. Baki NAB dana akan dilaburkan dala sukuk dan Aset Cair Berasaskan Syariah yang termasuk instrumen pasaran wang Islam.

Sumber : Master Prospektus Public Mutual, 2013.

3.3.7.9 Strategi Pelaburan :

PBIASSF diuruskan secara aktif untuk mencapai matlamat jangka panjang, iaitu pertumbuhan modal dengan mengenalpasti sektor pasaran dalam pasaran domestik dan serantau yang menawarkan pulangan pelaburan yang mempunyai prospek yang cerah. Dana akan melabur dalam maksimum 6 daripada sektor yang mempunyai prospek yang cerah yang ditentukan oleh pengurus dana. Bagi memudahkan peralihan daripada satu sektor kepada sektor yang lain, dan mungkin melabur sementara dalam lebih daripada 6 sektor

apabila ia melaksanakan langkah pengimbangan semula portfolio di atas. Untuk memastikan mempelbagaian yang mencukupi, dana akan mengekalkan pelaburan dalam minimum 3 sektor pada setiap masa.

Pemilihan sektor pasaran yang hendak dilabur oleh dana berdasarkan terutamanya pada prospek pertumbuhan sektor tersebut. Analisis ini termasuk pertimbangan faktor makro utama seperti kitaran perniagaan sektor yang terpilih dan tahap pendapatan dan trend demografi yang mempunyai kesan kepada prospek pertumbuhan pelbagai industri. Setelah sektor tersebut dikenalpasti, pengurus dana akan mengkaji semula saham yang ada dalam pelbagai pasaran serantau untuk sektor terpilih dan membina portfolio pelaburan dana sewajarnya. Saham akan dipilih dengan menaksir potensi pertumbuhan perolehan dan pelbagai nisbah penilaian seperti nisbah harga perolehan (PER), nisbah harga kepada aset ketara bersih (Harga/NTA) dan kadar hasil dividen. Peruntukan sektor bagi PBIASSF akan dipantau secara berterusan dan pendedahan sektor dana akan diimbangkan semula secara dinamik untuk memastikan peruntukan sektor dana diatur kedudukannya untuk mengoptimumkan pulangan dana.

Pelaburan Ekuiti Patuh Syariah dana memberi tumpuan terutamanya kepada portfolio terpelbagai merangkumi syarikat berkaitan indek, saham mewah dan syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan yang patuh Syariah. Pada amnya, syarikat yang mempunyai prospek pertumbuhan perolehan yang berpatutan tinggi dalam jangka sederhana hingga panjang dipilih. Dalam mengenal pasti syarikat sedemikian, dana bergantung pada penyelidikan asas dimana keteguhan kedudukan kewangan, prospek industri, kualiti pengurusan dan rekod prestasi lepas syarikat dipertimbangkan. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangannya amat bergantung pada peluang pasaran.

Minimum 50% daripada NAB dana dan sehingga 98% daripada NAB dana boleh dilaburkan dalam pasaran serantau terpilih yang termasuk Jepun, Korea Selatan, China Taiwan, Hong Kong, India, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand, Australia, New Zealand dan pasaran lain yang dibenarkan. Dana boleh melabur sehingga 20% daripada NABnya dalam pasaran Australia dan New Zealand. Dana juga mungkin melabur dalam nota penyertaan berkaitan ekuiti bagi saham serantau terpilih yang tersenarai di Bursa Saham Luxembourg. Nota penyertaan berkaitan ekuiti adalah instrumen yang direka untuk menjejaki sekuriti bertanda. Pergerakan nota ini adalah serupa dengan saham pendasar yang tersenarai di pasarannya masing-masing. Nota ini diterbitkan oleh syarikat pembrokeran asing antarabangsa untuk pelaburan oleh palabur yang tidak dapat melabur secara langsung dalam saham pendasar asing. Nota ini dibeli dan dijual oleh pelabur dengan cara yang sama seperti dagangan saham. Pelaburan dalam nota penyertaan berkaitan ekuiti melibatkan risiko rakan urus niaga di mana penerbit nota mungkin tidak dapat menunaikan obligasinya. Ia juga mempunyai risiko pasaran kerana nota ini mungkin tidak menjejaki pergerakan saham pendasarnya dengan rapat. Kelulusan yang perlu daripada pihak berkuasa selia asing akan diperolehi sebelum melabur dalam pasaran yang dibenarkan yang tersebut di atas.

Pelaburan dana juga mungkin termasuk Waran Dan Opsyen Syariah yang tersenarai untuk mempertingkatkan pulangnya. Dana juga mungkin mempertimbangkan pelaburan dalam Ekuiti Patuh Syariah yang tidak tersenarai terutamanya dalam syarikat yang dijangka cuba mendapatkan penyertaan di Bursa Sekuriti atau pasaran asing lain yang dibenarkan dalam jangka masa dua tahun. Dana juga mungkin melabur dalam Skim Pelaburan Kolektif Patuh Syariah dalam pasaran domestik dan juga pasaran asing. Dana juga mungkin melabur dalam sukuk (seperti sukuk berdaulat dan sukuk korporat) dan instrumen pasaran wang Islam untuk menolong menjanakan pulangan.

Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana mungkin melabur dalam kontrak hadapan dan opsi Islam untuk melindungi nilai daripada kemerupan pasaran. Kehadiran saham pertumbuhan dalam portfolio ekuitinya, terutamanya boleh menyebabkan dana kemerupan yang ketara semasa pergerakan pasaran yang buruk.

Bagi sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti, rujukan dibuat kepada senarai Sekuriti Patuh Syariah yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah SS setiap setengah tahun. Pelaburan dana dalam sekuriti asing akan dipilih menurut saham yang termasuk dalam Indeks S&P Syariah dan/atau sekuriti yang dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Saham yang termasuk dalam Indeks S&P Syariah dianggap sebagai Sekuriti Patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Untuk sekuriti dikaji semula oleh Penasihat Syariah, Pengurus Dana mula-mula akan mengenalpasti dahulu sekuriti yang memenuhi kriteria pelaburannya di pasaran asing terpilih yang dibenarkan oleh SS. Semua dokumen yang berkaitan dengan maklumat terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat lain yang berkaitan akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses penyaringan saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan juga kualitatif.

Analisis Kuantitatif : Penasihat Syariah akan menentukan sama ada nisbah kewangan (pendapatan faedah, nisbah hutang pinjaman berfaedah dan sebagainya) untuk sekuriti itu memenuhi ambang kewangan dalaman Penasihat Syariah. Sekiranya mana-mana pengiraan gagal memenuhi ambang kewangan itu, Penasihat Syariah tidak akan memberi taraf patuh Syariah untuk sekuriti itu.

Analisis Kualitatif : Melibatkan penelitian sekuriti itu secara keseluruhan. Sekuriti itu mestilah tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan oleh Syariah seperti arak, khinzir dan keluaran berkaitan khinzir, perjudian, tembakau, pornografi,

perkhidmatan kewangan konvensional dan sebagainya. Penasihat Syariah akan meneliti aspek tanggapan orang ramai tentang imej syarikat, perniagaan teras yang dianggap penting dan masalah (bermanfaat) kepada umat Islam dan negara, unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat kecil dan melibatkan hal-hal seperti umum balwa (sesuatu yang sudah menjadi umum dan biasa berlaku dan sukar dielakkan), uruf (adat) dan hak masyarakat bukan Islam yang diterima oleh Islam. bagi memastikan keperluan Syariah dipatuhi dengan ketat, senarai Sekuriti Patuh Syariah ini dikemaskini oleh Penasihat Syariah dua kali setahun untuk memasukkan / mengeluarkan sekuriti dari senarai tersebut.

3.3.7.10 Manfaat khusus dana

Dana memberi peluang pada pelabur untuk mengambil bahagian dalam potensi pertumbuhan jangka panjang portfolio terpelbagai merangkumi saham indeks, saham mewah dan saham pertumbuhan patuh Syariah dalam sektor pasaran yang meraih prestasi yang memberansangkan.

3.3.7.11 Pengurusan Risiko Khusus Dana

Pengurusan kecairan, strategi pempelbagaian dan lindung nilai yang digunakan adalah tertumpu kepada usaha untuk menguruskan risiko yang dihadapi dana. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat situasi, seperti apabila kemerosotan teruk dijangka berlaku dalam pasaran ekuiti dan risiko kecairan adalah tinggi maka pendedahan ekuiti dikurangkan ke tahap minimum yang dinyatakan. Berkenaan dengan portfolio sukuk dana, haruslah diambil perhatian bahawa prestasi portfolio mungkin terjejas sekiranya kadar faedah naik mendadak. Nilai sukuk juga mungkin turun naik berdasarkan kualiti kredit

penerbit. Oleh yang demikian, pendedahan kepada sukuk dalam portfolio diuruskan untuk meminimumkan risiko tersebut ke tahap yang sepadan dengan potensi pulangan.

Pelaburan dana diluar Negara akan dipantau untuk memberi tumpuan kepada pasaran yang mempunyai prospek yang cerah dan paras risiko yang dapat diterima kerana dana mencari potensi pulangan yang sepadan dengan risiko negara, risiko mata wang dan risiko kecairan. Bagi mengurangkan risiko yang timbul daripada faktor-faktor seperti pendedahan mata wang asing dan pergerakan kadar faedah asing, dana mungkin menggunakan strategi lindung nilai untuk menguruskan risiko yang dihadapi oleh dana.

Penyertaan dalam kontrak hadapan dan opsiyen Islam bagi tujuan lindung nilai dan pelaburan dalam waran tersenarai patuh Syariah berpotensi meningkatkan pulangan dana dan juga meningkatkan pemeruapan pulangan dana. Oleh yang demikian, penyertaan dana dalam intrumen ini akan ditaksir secara berterusan dan diuruskan sewajarnya.

3.3.7.12 Penanda aras Prestasi yang dipilih

Penanda aras prestasi dan peratusan masing masing adalah seperti berikut :

- 90% indeks S&P Syariah BMI Asia kecuali Jepun* dan
- 10% kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) 3 bulan

Oleh sebab PBIASSF pada amnya mengekalkan pendedahan ekuiti dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya, maka penanda aras yang dipilih bagi PBIASSF ialah indeks penanda aras komposit yang merangkumi pelaburan hipotetik dalam Indeks S&P Syariah BMI Asia kecuali Jepun dan kadar IIMM 3 bulan dalam nisbah 90:10. Oleh itu, pulangan bagi indeks penanda aras bagi mana-mana sahaja tempoh masa akan terdiri daripada 90% daripada pulangan Indeks S&P Syariah BMI Asia Kecuali Jepun dan 10% daripada faedah kadar IIMM 3 bulan yang diperolehi bagi tempoh masa yang sama. Saham komponen

Indeks S&P Syariah BMI Asia Kecuali Jepun terdiri daripada Saham Utama Patuh Syariah dalam beberapa sektor dari pasaran utama serantau termasuk Malaysia, Korea Selatan, China, Taiwan, Hong Kong, Singapura, Filipina, Thailand dan Indonesia. Kadar IIMM 3 bulan mencerminkan pulangan yang diperoleh daripada instrumen pasaran wang Islam yang dipegang oleh dana. Indeks penanda aras komposit ini, iaitu 90% dalam indeks S&P Syariah BMI Asia Kecuali Jepun dan 10% dalam kadar IIMM 3 bulan merupakan penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBIASSF kerana dana ini adalah dana Ekuiti Patuh Syariah yang pada amnya mempunyai wajaran sebanyak 90% daripada NABnya dalam jangka sederhana hingga panjang.

Jadual 3.16 : PB Dana Islamic Bond

Kategori Dana	Dana bon (Syariah)
Jenis Dana	Pendapatan
Julat Ekuiti Dana	75% hingga 98%
Profil Pemilihan Saham	Sukuk
Dasar Agihan	Pendapatan tahunan
Cadangan Tempoh Pelaburan	3 Tahun
Pengurus Dana Lantikan	Zaharudin Bin Ghazali dan Haniza binti Yang Razali
Objektif Dana	Untuk menyediakan pendapatan* tahunan kepada pelabur melalui pelaburan dalam sekuriti hutang Islam.
Profil pelabur	<ul style="list-style-type: none"> - Pembawaan risiko-ganjaran yang konservatif - Pelabur jangka sederhana - Inginkan kestabilan pendapatan tahunan dengan keselamatan pelaburan pokok

Sumber : Master Prospektus Public Mutal, 2013.

3.3.7.13 Strategi Pelaburan

PBIBF bertujuan untuk memenuhi objektifnya, iaitu menghasilkan aliran pendapatan tahunan yang stabil dan berulang dengan melabur dalam portfolio sukuk seperti sukuk berdaulat dan sukuk korporat dengan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang

Islam. Dana diuruskan secara aktif dan akan melabur dalam sukuk yang mampu meraih kadar hasil yang lebih tinggi daripada instrumen pasaran wang Islam. Oleh yang demikian, dana akan terdedah kepada risiko pergerakan kadar faedah yang tidak menggalakkan dan penurunan penarafan kredit. Sebaliknya, sekiranya kadar faedah turun atau penarafan kredit suku bertambah baik, maka dana akan mendapatkan manfaat akibat daripada kenaikan harga yang berlaku. Namun begitu, pendedahan dana kepada potensi risiko dan pulangan perlu diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangannya amat bergantung pada peluang pasaran. Untuk mencapai peningkatan pemelbagaian, dana mungkin melabur dalam sukuk asing. Pasaran asing yang dana mungkin melabur ialah Singapura, Jepun, Hong Kong, Australia, United Kingdom dan pasaran lain yang dibenarkan. Kelulusan yang perlu daripada pihak berkuasa kawal selia asing akan diperolehi sebelum melabur dalam pasaran yang dibenarkan yang tersebut di atas. Pelaburan dana dalam sukuk domestik akan dipilih daripada senarai suku yang sudah sedia ada dalam laman web suruhanjaya Sekuriti. Pelaburan dana dalam sukuk asing akan dipilih setelah berunding dengan Penasihat Syariah. Bagi mana-mana sukuk asing dikategorikan sebagai patuh Syariah, Pengurus dana akan mengenalpasti dahulu sukuk asing dalam pasaran asing terpilih. Untuk memastikan pematuhan ketat kepada keperluan Syariah, Penasihat Syariah akan mengkaji semula memorandum maklumat untuk prospektus sukuk asing untuk mendapatkan butir-butir mengenai kelulusan Syariah dan fatwa yang mengesahkan sukuk tersebut. Penasihat Syariah akan mengkaji semula struktur, kontrak, aset dan terma-terma terbitan sukuk asing bagi memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

3.3.7.14 Manfaat khusus dana

Dana memberikan pelabur akses kepada pasaran sukuk yang biasanya tidak dapat diakses oleh pelabur biasa kerana ia adalah pasaran untuk institusi di mana blok standard urus niaga berjumlah RM5 juta. Dana melabur daripada portfolio sukuk yang pelbagai yang terdiri daripada sukuk yang mempunyai profil yang berbeza dalam kematangan, penarafan kredit dan sektor untuk menghasilkan pulangan yang pada amnya lebih tinggi daripada deposit pasaran wang Islam. Dana juga dapat memberikan pelabur lebih kecairan daripada deposit pasaran wang Islam kerana unit dalam dana boleh ditebus pada mana-mana Hari Urus Niaga berbanding dengan penebusan awal deposit pasaran wang Islam sebelum tarikh matangnya dimana pendeposit mungkin didenda melalui kerugian keuntungan terkumpul.

3.3.7.15 Pengurusan Risiko Khusus Dana

Pada dasarnya, proses pengurusan risiko dalam PBIBF tertumpu kepada menguruskan kesan perubahan dalam arah aliran kadar faedah am dan profil risiko kredit setiap penerbit hutang. Pengurus dana akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan potensi risiko di atas diuruskan dengan menerima pakai pelbagai strategi pelaburan seperti mengubah peruntukan aset dan sebagainya untuk menyesuaikan ciri risiko dan pulangan dana. Walau bagaimanapun, sekiranya Pengurus Dana silap menilai keadaan pasaran atau menggunakan strategi pelaburan yang tidak sesuai, prestasi dana mungkin menerima kesan buruk. Pelaburan dana di luar negara akan dipantau untuk memberi tumpuan kepada pasaran yang mempunyai prospek yang cerah dan paras risiko yang dapat diterima kerana dana mencari potensi pulangan yang sepadan dengan risiko negara, risiko mata wang dan risiko kecairan.

3.3.7.16 Penanda aras Prestasi yang dipilih

Penanda aras bagi PBIBF adalah berdasarkan purata kadar Akaun Pelaburan Am 12 bulan (GIA 12 bulan) berlawanan dengan indeks bon korporat yang lebih konvensional. Rasionalnya ialah dana pada dasarnya diuruskan dengan cara yang agak konservatif dengan matlamat utama untuk mengatasi prestasi pulangan akaun pelaburan. Tambahan pula, profil am pemegang unit dana adalah sedemikian rupa di mana pulangannya daripada dana selalunya dibandingkan dengan pulangan daripada akaun pelaburan. Oleh itu, bagi tujuan dana ini, maka dirasakan wajar untuk menggunakan indeks pengumpulan sebagai penanda aras dana berdasarkan GIA 12 bulan bank perdagangan. Indeks pengumpulan diperoleh daripada mengkompaun kadar purata GIA secara harian, dan kadar GIA pula dinyatakan berasaskan setahun dibahagi dengan 365 hari. Pelabur hendaklah maklum bahawa profil risiko PBIBF adalah lebih tinggi daripada Akaun Pelaburan Am, jadi ia berpotensi untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada penanda arasnya.

Jadual 3.17 : PB Dana Sukuk

Kategori Dana	Dana bon (Syariah)
Jenis Dana	Pendapatan
Julat Ekuiti Dana	75% hingga 98%
Profil Pemilihan Saham	Sukuk dan instrumen pasaran wang Islam
Dasar Agihan	Pendapatan tahunan
Cadangan Tempoh Pelaburan	3 tahun
Pengurus Dana Lantikan	Ng Boon Hoa dan Haniza binti Yang Razali
Objektif Dana	Untuk menyediakan pendapatan tahunan melalui palburan dalam sukuk instrumen pasaran wang Islam.
Profil pelabur	<ul style="list-style-type: none">- Pembawaan risiko-ganjaran yang konservatif- Pelabur jangka sedrhana- Inginkan kestabilan pendapatan tahunan dengan keselamatan pelaburan pokok

Sumber : Master Prospektus Public Mutal, 2013.

Jadual 3.17 ; sambungan

Kategori Dana	Dana bon (Syariah)
Dasar Pelaburan	PBSKF diuruskan secara aktif dan melabur dalam portfolio terpelbagai merangkumi sukuk dan instrumen pasaran wang Islam untuk memenuhi objektifnya, iaitu menyediakan pendapatan tahunan kepada pemegang unit. Pelaburan sukuknya merangkumi sukuk berdaulat dan sukuk korporat (tersenarai dan tidak tersenarai). Dana pada umumnya mengekalkan pendedahan sukuk dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.

Sumber : Master Prospektus Public Mutal, 2013.

3.3.7.17 Strategi pelaburan :

PBSKF bertujuan untuk memenuhi objektifnya, iaitu menyediakan pendapatan tahunan dengan melabur sekurang-kurangnya 75% daripada NABnya dalam portfolio sukuk berdaulat dan sukuk korporat (tersenarai dan tidak tersenarai) dengan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.

Untuk mencapai peningkatan pemelbagaian, dana mungkin melabur sehingga 30% daripada NABnya dalam sukuk asing. Pasaran asing yang dana mungkin melabur ialah Singapura, Jepun, Hong Kong, Australia, United Kingdom, Indonesia, Amerika Syarikat, Korea Selatan dan pasaran lain yang dibenarkan. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangannya amat bergantung pada peluang pasaran. Kelulusan yang perlu daripada pihak berkuasa kawal selia asing akan diperoleh sebelum melabur dalam pasaran yang dibenarkan yang tersebut di atas.

Pelaburan dana dalam sukuk domestik akan dipilih daripada senarai suku yang sudah sedia ada dalam laman web suruhanjaya Sekuriti. Pelaburan dana dalam sukuk asing akan dipilih setelah berunding dengan Penasihat Syariah. Bagi mana-mana sukuk asing dikategorikan sebagai patuh Syariah, Pengurus dana akan mengenalpasti dahulu sukuk asing dalam pasaran asing terpilih. Untuk memastikan pematuhan ketat kepada keperluan Syariah,

Penasihat Syariah akan mengkaji semula memorandum maklumat untuk prospektus sukuk asing untuk mendapatkan butir-butir mengenai kelulusan Syariah dan fatwa yang mengesahkan sukuk tersebut. Penasihat Syariah akan mengkaji semula struktur, kontrak, aset dan terma-terma terbitan sukuk asing bagi memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

3.3.7.18 Manfaat khusus dana

Dana memberikan pelabur akses kepada pasaran sukuk yang biasanya tidak dapat diakses oleh pelabur biasa kerana ia adalah pasaran untuk institusi di mana blok standard urus niaga berjumlah RM5 juta. Dana melabur daripada portfolio sukuk yang terpelbagai yang terdiri daripada sukuk yang mempunyai profil yang berbeza dalam kematangan, penarafan kredit dan sektor untuk menghasilkan pulangan yang pada amnya lebih tinggi daripada deposit pasaran wang Islam. Dana juga dapat memberikan pelabur lebih kecairan daripada deposit pasaran wang Islam kerana unit dalam dana boleh ditebus pada mana-mana Hari Urus Niaga berbanding dengan penebusan awal deposit pasaran wang Islam sebelum tarikh matangnya dimana pendeposit mungkin didenda melalui kerugian keuntungan terkumpul.

3.3.7.19 Pengurusan Risiko Khusus Dana

Walau apa pun strategi pelaburan dana, semua pelaburan akan selalu mempunyai unsur risiko. Pada dasarnya, proses pengurusan risiko dalam PBSKF tertumpu kepada menguruskan kesan perubahan dalam arah aliran kadar faedah am dan profil risiko kredit setiap penerbit sukuk.

Pengurus dana akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan potensi risiko di atas diuruskan dengan menerima pakai pelbagai strategi pelaburan seperti mengubah

peruntukan aset dan sebagainya untuk menyesuaikan ciri risiko dan pulangan dana. Walau bagaimanapun, sekiranya Pengurus Dana silap menilai keadaan pasaran atau menggunakan strategi pelaburan yang tidak sesuai, prestasi dana mungkin menerima kesan buruk.

Pelaburan dana di luar negara akan dipantau untuk memberi tumpuan kepada pasaran yang mempunyai prospek yang cerah dan paras risiko yang dapat diterima kerana dana mencari potensi pulangan yang sepadan dengan risiko negara, risiko mata wang dan risiko kecairan. Bagi mengurangkan risiko yang timbul daripada faktor-faktor seperti pendedahan mata wang asing dan pergerakan kadar faedah asing, dana mungkin menggunakan strategi lindung nilai untuk menguruskan risiko yang dihadapi oleh dana.

3.3.7.20 Penanda aras Prestasi yang dipilih

Penanda aras bagi PBSKF adalah berdasarkan purata kadar Akaun Pelaburan Am 12 bulan (GIA 12 bulan) berlawanan dengan indeks bon korporat yang lebih konvensional. Rasionalnya ialah dana pada dasarnya diuruskan dengan cara yang agak konservatif dengan matlamat utama untuk mengatasi prestasi pulangan akaun pelaburan. Tambahan pula, profil am pemegang unit dana adalah sedemikian rupa di mana pulangannya daripada dana selalunya dibandingkan dengan pulangan daripada akaun pelaburan. Oleh itu, bagi tujuan dana ini, maka dirasakan wajar untuk menggunakan indeks pengumpulan sebagai penanda aras dana berdasarkan GIA 12 bulan bank perdagangan. Indeks pengumpulan diperoleh daripada mengkompaun kadar purata GIA secara harian, dan kadar GIA pula dinyatakan berasaskan setahun dibahagi dengan 365 hari. Pelabur hendaklah maklum bahawa profil risiko PBSKF adalah lebih tinggi daripada Akaun Pelaburan Am, jadi ia berpotensi untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada penanda arasnya.

Jadual 3.18 : PB Dana Islamic Cash Management (PBICMF)

Kategori Dana	Dana Pasaran Wang (Syariah)
Jenis Dana	Pendapatan
Julat Ekuiti Dana	Sehingga 100%
Profil Pemilihan Saham	Instrumen pasaran wang Islam
Dasar Agihan	Pendapatan tahunan
Cadangan Tempoh Pelaburan	Jangka Pendek
Pengurus Dana Lantikan	Zaharudin Bin Ghazali dan Azahari bin Ariffin
Objektif Dana	Untuk menyediakan kecairan dan pendapatan* semasa disamping mengekalkan kestabilan modal dengan melabur dalam instrumen yang memenuhi keperluan Syariah.
Profil Pelabur	- Pembawaan risiko-ganjaran konservatif - Pelabur jangka pendek
Dasar Pelaburan	PBICMF adalah dana pasaran wang Islam yang diuruskan secara aktif untuk menyediakan kecairan bagi memenuhi keperluan aliran tunai jangka pendek pemegang unitnya disamping menyediakan tahap pendapatan semasa yang berpatutan. Dana pada umumnya melabur sehingga 100% daripada NABnya dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit berasaskan Syariah. Oleh itu, pelaburan PBICMF sebahagian besarnya terbatas kepada instrumen pasaran wang jangka pendek yang amat cair yang matang dalam tempoh 365 hari atau 1 tahun dan Deposit Berasaskan Syariah.

Sumber : Master Prospektus Public Mutual, 2013.

3.3.7.21 Strategi Pelaburan

Tumpuan pelaburan dana ialah kepada Instrumen Pasaran Wang Islam Jangka Pendek Yang Cair Dan Patuh Syariah yang diterbitkan oleh institusi kewangan berlesen. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangannya amat bergantung pada peluang pasaran.

3.3.7.22 Manfaat khusus dana

PBICMF menyediakan pilihan yang selamat bagi pelabur yang mempunyai toleransi yang rendah kepada risiko yang mahu meletakkan wang bagi tempoh yang pendek sebelum

melabur dalam atau berpindah balik kepada dana berasaskan Syariah (dana ekuiti, dana seimbang atau sukuk).

3.3.7.23 Pengurusan Risiko Khusus Dana

Dana akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang matang dalam tempoh 365 hari. Instrumen pasaran wang yang dana melabur adalah bukan instrumen yang ditarafkan. Instrumen ini diterbitkan oleh institusi kewangan berlesen dan ditarafkan. Dalam situasi di mana penafaran kredit institusi kewangan diturunkan di bawah dari penarafan yang ditentukan terlebih dahulu, dana akan mengambil langkah untuk mengurangkan pendedahannya terhadap institusi tersebut sewajarnya.

Pada dasarnya, dana telah distrukturkan sehingga ia terbatas kepada instrumen perbankan Islam yang mempunyai tempoh yang pendek untuk matang demi meminimumkan kesan turun naik kadar faedah kepada prestasi dana dalam jangka pendek. Risiko kredit yang dana mungkin hadapi ialah risiko kredit sektor perbankan. Sepadan dengan keperluan kecairan yang tinggi dan risiko kredit yang rendah ini, profil risiko keseluruhan dana adalah rendah.

3.3.7.24 Penanda aras Prestasi yang dipilih

Penanda aras bagi PBICMF adalah berdasarkan kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) 1 bulan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia yang disiarkan dalam bahagian perniagaan akhbar harian. Pulangan bagi mana-mana sahaja tempoh bagi penanda aras ini diperolehi dengan mengkompaunkan keuntungan harian yang diperolehi bagi deposit IIMM dari satu hari ke hari berikutnya untuk setiap hari menjangkau seluruh tempoh.

IIMM dianggap sebagai asas yang sesuai untuk mengukur prestasi dana kerana kadarnya pada amnya lebih hampir kepada kadar yang dapat dicapai oleh dana berbanding dengan kadar akaun pelaburan yang disebut oleh institusi kewangan berlesen yang selalunya boleh didapati hanya bagi deposit yang berjumlah kurang daripada RM1 juta. Tempoh 1 bulan adalah sesuai untuk menanda aras kerana dana mungkin mengekalkan sebahagian besar pelaburannya dalam instrumen yang matang dalam tempoh terdekat untuk keperluan kecairan secara berasaskan purata wajaran dana keseluruhannya mempunyai profil kematangan kira-kira 1 bulan. Setiap dana yang terlibat mempunyai potensi yang berbeza-beza. Namun aspek yang paling penting adalah memastikan perjalanan Syariah yang diamalkan dalam pelaburan sesuatu dana dan dalam masa yang sama turut mengambil kira potensi dana untuk berkembang dalam jangka masa panjang.

BAB 4

PENGURUSAN DANA UNIT AMANAH ISLAM DI MAAKL MUTUAL DAN PUBLIC MUTUAL

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan, penulis membuat kesimpulan bahawa analisis kajian terhadap pengurusan dana unit amanah Islam ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori pengurus dana, pemilihan saham dan pembahagian aset. Penulis turut meneliti pengurusan Islam yang dilaksanakan dalam setiap kategori tersebut bagi mengenalpasti perjalanan Syariah dalam kedua-dua institusi.

Setelah sesi temu bual dijalankan, penulis mengumpulkan semua sumber maklumat daripada catatan temu bual, nota lapangan dan rakaman audio. Semua bahan-bahan yang telah dikumpulkan dipindahkan kepada fail komputer untuk dianalisis. Maklumat temu bual dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori, sub kategori dan kesimpulan.

Jadual 4.1 : Hasil Temubual

B h g.	Sub kategori	Soalan	Jawapan Responden	
A	Pemilihan saham	Bagaimanakah Pemilihan portfolio ditentukan untuk melabur dana patuh Syariah?	Public Mutual	Penasihat Syariah tidak terlibat dalam menentukan kategori dana dan di mana dana tersebut akan dilaburkan namun masih boleh bertindak sebagai penasihat bagi dana-dana yang akan dilaburkan supaya selari dengan tuntutan syara'
			MAAKL Mutual	

Sumber : Temu bual, 3 Mac 2014 dan 28 Februari 2014.

Jadual 4.1 : sambungan ;

B h g.	Sub kategori	Soalan	Jawapan Responden	
		Apakah kontrak yang digunakan oleh syarikat untuk memastikan dana patuh Syariah?	Public Mutual	<p>Kontrak jual beli, musyarakah dan wakalah.</p> <p>Kontrak yang terlibat dalam unit amanah tersebut adalah berdasarkan kontrak musyarakah yang mana terdapat ramai pelabur dalam satu unit amanah</p> <p>Kontrak jual beli terlibat apabila pihak pengurus dana membeli dan menjual saham</p> <p>Kontrak wakalah berlaku antara pelabur dan pengurus dana, apabila pengurus bertindak selaku wakil bagi pihak syarikat untuk melaburkan dana yang diberikan oleh pelabur</p>
			MAAKL Mutual	<p>Kontrak yang terlibat dalam pengurusan dana unit amanah Islam ini adalah kontrak musyarakah dan kontrak jual beli</p> <p>Dana ditubuhkan mengikut kontrak musyarakah.</p>
		Apakah yang dilakukan oleh pengurus dana sekiranya dana tersebut tidak patuh Syariah?	Public Mutual	Pengurus dana perlu menjual jika harga pasaran lebih daripada harga yang dibeli dan pengurus dana boleh mengambil harga yang dirasakan sesuai mengikut penilaian pengurus dana
			MAAKL Mutual	Pengurus dana akan mengemukakan senarai syarikat yang terpilih kepada Penasihat Syariah untuk mendapatkan pengesahan atau pemilihan sama ada syarikat tersebut Patuh Syariah atau sebaliknya.

Sumber : Temu bual, 3 Mac 2014 dan 28 Februari 2014.

Jadual 4.1 ; sambungan

B h g.	Sub kategori	Soalan	Jawapan Responden	
		<p>Bagaimanakah cara yang digunakan oleh syarikat untuk mengenalpasti sesuatu tempat yang dilaburkan tersebut patuh Syariah?</p>	Public Mutual	<p>Penasihat Syariah hanya bertindak menetapkan garis panduan pengurus dana untuk melabur dalam sekuriti patuh Syariah</p> <p>Penasihat Syariah tidak terlibat dalam menentukan kategori dana dan di mana dana tersebut akan dilaburkan. Walau bagaimanapun, Penasihat Syariah masih boleh bertindak sebagai penasihat bagi dana-dana yang akan dilaburkan supaya selari dengan tuntutan syara'.</p>
			MAAKL Mutual	<p>Pengurus dana akan mengadakan pertemuan bersama Penasihat Syariah sekurang-kurangnya sekali sebulan. Pengurus dana akan mengemukakan senarai syarikat yang terpilih kepada Penasihat Syariah untuk mendapatkan pengesahan atau pemilihan sama ada syarikat tersebut Patuh Syariah atau sebaliknya.</p>
		<p>Apakah kriteria yang ditekankan bagi memastikan saham yang dipilih selari dengan kehendak Syarak dalam masa yang sama pulangan dan kestabilan dana terjamin?</p>	Public Mutual	<p>Perniagaan syarikat yang akan dipilih mestilah tidak terlibat dengan aktiviti yang diharamkan disisi syarak mengikut penanda aras yang telah ditetapkan</p>
			MAAKL Mutual	

Sumber : Temu bual, 3 Mac 2014 dan 28 Februari 2014.

Jadual 4.1 : sambungan ;

B h g.	Sub kategori	Soalan	Jawapan Responden	
B	Pengurus Dana	Adakah aspek Syariah terganggu sekiranya pengurus dana diserahkan kepada pengurus dana yang diterajui oleh bukan muslim?	Public Mutual	Pengurus dana bagi dana unit amanah Islam tidak dikhususkan hanya kepada pengurus dana muslim sahaja Keutamaan harus diberikan kepada pengurus dana yang muslim
			MAAKL Mutual	Pengurus dana unit amanah Islam juga tidak hanya dikhususkan kepada pengurus muslim sahaja
		Adakah terdapat kriteria khusus bagi pemilihan pengurus dana Islam dan konvensional?	Public Mutual	Pengurus dana bagi dana unit amanah Islam perlu memahami perjalanan Syariah Penasihat Syariah hanya bertindak selaku penasihat agar pengurus dana yang dilantik diberi keutamaan kepada pengurus dana muslim
			MAAKL Mutual	Pengurus dana bukan muslim juga boleh menguruskan dana tersebut dengan syarat memiliki pengetahuan berkenaan kewangan Islam dan mempunyai sekurang-kurangnya sijil dalam bidang tersebut IBFIM telah menyediakan skim latihan kepada pengurus dana yang ingin mendapatkan latihan bagi pengurusan berasaskan Syariah tidak kira bagi pengurus dana muslim atau bukan muslim

Sumber : Temu bual, 3 Mac 2014 dan 28 Februari 2014.

Jadual 4.1 : sambungan ;

B h g.	Sub kategori	Soalan	Jawapan Responden	
C	Pembahagian Aset	Jumlah aset yang ditetapkan untuk pastikan dana patuh Syariah	Public Mutual	Public Mutual menetapkan nilai NAB yang akan dilaburkan sekurang-kurangnya nilai minimum 2% hingga nilai maksimum 100% dalam instrumen patuh wang Islam
			MAAKL Mutual	MAAKL Mutual menetapkan nilai NAB yang akan dilaburkan sekurang-kurangnya nilai minimum 2% hingga nilai maksimum 100% dalam instrumen patuh wang Islam

Sumber : Temu bual, 3 Mac 2014 dan 28 Februari 2014.

Analisis kajian ini merujuk kepada tiga sumber utama iaitu berdasarkan teori yang dikemukakan dalam bahan bercetak, laman sesawang institusi yang terlibat dan pengesahan maklumat melalui temu bual yang dijalankan.

4.1 ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PENGURUS DANA

Berdasarkan kepada teori yang dikemukakan dalam bab satu, pengurus dana bagi sesebuah institusi tidak semestinya daripada entiti yang sama dengan syarikat pengurusan amanah saham. Terdapat juga sesetengah syarikat pengurusan unit amanah yang menyerahkan pengurusan pelaburan dana kepada syarikat lain. Manakala berdasarkan aspek perjalanan Syariah pula, tanggungjawab diberikan kepada Penasihat Syariah yang telah dilantik.

Analisis pengurusan dana bagi kategori pengurus dana ini ditentukan dengan melihat perbezaan aspek pengurus dana yang terdapat dalam kedua-dua institusi ini. Antara aspek yang menjadi penekanan dalam analisa ini antaranya kriteria pemilihan seseorang pengurus

dana Syariah, latihan atau penambahbaikan yang diberikan kepada pengurus dana bagi meningkatkan kemahiran pengurusan dana dan aspek pembahagian tugas atau portfolio seseorang pengurus dana.

Merujuk kepada master prospektus, pengurusan dana di Public Mutual, pengurus dana bagi syarikat ini tidak melibatkan entiti lain untuk menguruskan dana sebagaimana MAAKL Mutual, walau bagaimanapun, entiti yang bertanggungjawab menguruskan dana ini adalah Jabatan Pelaburan. Organisasi Jabatan Pelaburan ini telah dibahagikan mengikut tugas masing-masing dan bertanggungjawab ke atas kategori dana yang telah dibahagikan. Jawatankuasa ini bermesyuarat dua kali sebulan dan memantau pencapaian objektif pelaburan jangka panjang dana.

Peranan Jawatankuasa Jabatan Pelaburan di Public Mutual secara terperinci adalah seperti berikut :

- Mengkaji semula prestasi dan portfolio dana
- Mengkaji semula prestasi pasaran dan prospeknya masing-masing
- Mengkaji semula dan meluluskan strategi portfolio yang disyorkan oleh Jabatan Pelaburan
- Mengkaji semula strategi portfolio asing dana
- Mengkaji semula laporan mengenai jualan dan belian mingguan pelaburan

Di Public Mutual, setiap pengurus dana mempunyai bidang tugas masing-masing bagi memastikan prestasi dana yang berada di bawah seliaan yang telah ditetapkan.

4.1.1 Pengurusan Dana dan Proses Pelaburan¹:

4.1.1.1 Ketua Pegawai Eksekutif

¹ Master Prospektus, 2013.

- (a) Bertanggungjawab terhadap hala tuju keseluruhan dan peruntukan aset dana amanah saham di bawah Public Mutual
- (b) Mengkaji semula dan memantau prestasi dana
- (c) Menilai dan meluluskan keputusan pelaburan strategik dan dasar-dasar yang disyorkan oleh Pengurus Besar Kanan Pelaburan
- (d) Mengawasi pengurusan harian dana

4.1.1.2 Pengurus Besar Kanan-Pelaburan.

- (a) Bertanggungjawab terhadap pengurusan portfolio harian dana amanah saham di bawah Public Mutual.
- (b) Mengesyorkan keputusan pelaburan strategik dan dasar-dasar kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk kelulusan
- (c) Bertanggungjawab memastikan pelaburan dana mematuhi garis panduan pelaburan mereka
- (d) Mengawasi dan menyelia pentadbiran Jabatan Pelaburan
- (e) Mengemukakan pandangan mengenai ekonomi dan pasaran saham pada seminar pelaburan untuk pasukan agensi dan pemegang unit

4.1.1.3 Pengurus Besar-Pelaburan,

- (a) Membantu Pengurus Besar Kanan- Pelaburan dalam menyelia fungsi pengurusan portfolio utama Jabatan Pelaburan
- (b) Bertanggungjawab memberikan maklum balas mengenai tinjauan fundamental pasaran ekuiti dan pendapatan tetap
- (c) Membantu Pengurus Besar Kanan- Pelaburan dalam mengawasi dan menyelia pentadbiran Jabatan Pelaburan

- (d) Mengawasi sistem pengurusan maklumat Jabatan Pelaburan

4.1.1.4 Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Ekuiti.

- (a) Membantu Pengurus Besar Kanan- Pelaburan dalam menyelia fungsi pengurusan portfolio utama Jabatan Pelaburan
- (b) Bertanggungjawab memberikan maklum balas mengenai tinjauan fundamental pasaran ekuiti
- (c) Membentangkan laporan kemaskini dan prospek pasaran pada seminar pelaburan untuk pasukan agensi dan pemegang unit

4.1.1.5 Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap.

- (a) Menyelia fungsi pengurusan utama portfolio pendapatan tetap dana
- (b) Bertanggungjawab memberikan maklum balas mengenai tinjauan fundamental pasaran pendapatan tetap domestik
- (c) Menyelia penyediaan laporan pelaburan pendapatan tetap kepada pemegang unit
- (d) Membentangkan laporan kemas kini dan prospek mengenai pasaran bon pada seminar pelaburan pasukan agensi dan pemegang unit

4.1.1.6 Pengurus Kanan Portfolio dan Pengurus Portfolio- Pelaburan, Bahagian Ekuiti

- (a) Terlibat dalam fungsi utama pengurusan portfolio harian
- (b) Menganalisis dan menyediakan laporan mengenai prestasi dana untuk diedarkan kepada pemegang unit dan perunding amanah saham
- (c) Memberikan maklum balas penyelidikan dan perisikan pasaran mengenai pasaran dan saham

4.1.1.7 Pengurus Kanan Porfolio dan Pengurus Portfolio- Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap

- (a) Membantu dalam pengurusan harian portfolio pendapatan tetap dana
- (b) Menguruskan penempatan harian dan pengeluaran dana dengan institusi kewangan yang diluluskan
- (c) Memberikan maklum balas mengenai aktiviti dagangan dalam pasaran wang bagi memudahkan pengurusan portfolio bon.

4.1.1.8 Pengurus Kanan, Pengurus, Timbalan Pengurus, Penolong Pengurus, Eksekutif Kanan dan Eksekutif

- (a) Menjalankan analisis kewangan ke atas syarikat tersenarai dan memantau prestasi ekonomi bagi memudahkan pengimbangan semula portfolio dan keputusan pelaburan lain.
- (b) Memantau perkembangan korporat dan menjalankan penilaian yang mendalam ke atas syarikat menerusi lawatan ke tapak dan mesyuarat dengan pihak pengurusan
- (c) Membantu dalam menyediakan laporan pelaburan untuk pasukan pelaburan dan untuk disebarkan kepada pemegang amanah saham dan perunding amanah saham.

Berdasarkan pembahagian tugas tersebut menunjukkan bahawa Public Mutual memberikan tugas berkaitan pengurusan dana mengikut kesesuaian portfolio masing-masing. Agihan tugas ini memudahkan lagi urusan pengurusan dana dan membolehkan dana diuruskan dengan lebih sistematik dan teratur.

Manakala bagi aspek pengurusan Syariah secara keseluruhannya berada di bawah seliaan ZI Shariah Advisory Services Sdn. Bhd sebuah entiti yang bertanggungjawab memastikan perjalanan Syariah yang terlibat terutama bagi dana-dana unit amanah Islam. Pengurus dana akan mengadakan perbincangan bersama Penasihat Syariah sekali dalam sebulan bagi

membincangkan isu-isu Syariah dan bagi membuat semakan perjalanan Syariah dalam dana-dana yang terlibat.

Menurut Penasihat Syariah Public Mutual² seseorang pengurus dana bagi dana unit amanah Islam tidak dikhususkan hanya kepada pengurus dana muslim sahaja, bahkan pengurus dana bukan muslim juga boleh menguruskan dana unit amanah Islam. Namun menurut beliau, keutamaan harus diberikan kepada pengurus dana yang muslim dan aspek yang lebih penting adalah seseorang pengurus dana bagi dana unit amanah Islam perlu memahami perjalanan Syariah bagi dana yang diuruskan tidak kira pengurus dana tersebut muslim atau sebaliknya. Beliau juga berpendapat, walaupun Penasihat Syariah tidak terlibat dalam membuat pemilihan bagi pengurus dana yang akan menguruskan dana unit amanah Islam, namun Penasihat Syariah bertindak selaku penasihat agar pengurus dana yang dilantik diberi keutamaan kepada pengurus dana muslim.

Namun terdapat sedikit perbezaan dari aspek pengurusan dana di MAAKL Mutual iaitu melibatkan entiti lain sebagai pengurus dana bagi menguruskan dana-dana yang dilaburkan. Pengurus dana yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana-dana ini mempunyai rekod yang baik dan berpengalaman lebih 10 tahun dalam industri pengurusan dana saham amanah. Berdasarkan prospektus, fungsi utama Pengurus Dana adalah untuk menguruskan pelaburan dana aktif selaras dengan objektif pelaburan Dana. Pengurus Dana akan mengambil kira peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan Surat Ikatan dan akan melaporkan mengenai status pelaburan dana dan strategi pelaburan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan Dana sekurang-kurangnya sekali sebulan. MAAKL Mutual memiliki sebanyak empat (4) syarikat

² Akram Laldin (Profesor Madya Dr., Pengarah Eksekutif, International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)), dalam temubual dengan penulis, 3 Mac 2014.

pengurus dana yang berlainan dan syarikat-syarikat pengurus dana ini menguruskan dana yang berbeza-beza³. Maklumat terperinci Pengurus Dana tersebut adalah seperti⁴:

4.1.2 Meridian Asset Management Sdn Bhd (“Meridian”) :

Mendapat kelulusan menjadi syarikat pengurus dana yang diluluskan oleh SC. Meridian mempunyai pengalaman lebih 17 tahun dalam industri pengurusan dana. Pelantikan Meridian sebagai Pengurus Dana berasal dari kuasa perwakilan yang diberikan oleh Pengurus dalam Surat Ikatan. Pengurus yang menjadi wakil berkuasa untuk menyerahkan pelaburan dana kepada Pengurus Kumpulan Wang mengikut kuasa antara Pengurus dan Pengurus Dana, dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Selaras dengan mandat, Pengurus Dana akan dibayar berdasarkan kepada yuran pengurusan pelaburannya oleh pengurus daripada yuran pengurusan tahunan pengurus.

Mempunyai tiga (3) orang pengurus yang dipertanggungjawabkan iaitu Encik Nicholas Ng Tiong Yee, Tunku Dato’ Ya’acob bin Tunku Tan Sri Abdullah (Pengarah), Encik Alfred Lo (Pengarah).

Manakala Encik Nicholas Ng Tiong Yee merupakan pengurus dana yang telah ditetapkan bagi dana MGF, MPF, MVF, MBLF, MEIF, MRSF, MPCF, MDF, MBF MMMF, MAF, MSIF, MAFZ, MAU, MAS, MAM, MAPR, MSAP DAN MGCF.

4.1.3 CIMB-Principal Asset Management Berhad (“CIMB-Principal”) :

Memulakan operasi sebagai sebuah syarikat amanah pada bulan November 1995. Mempunyai pengalaman lebih 16 tahun dalam industri unit amanah. Pada 31 Mei 201, CIMB telah menguruskan 22 dana unit amanah Islam.

³ Master Prospektus 2013.

⁴ *Ibid.*

Encik Tan Gid Loke telah berkhidmat di Pengurusan Aset CIMB semenjak 2006. Beliau telah memiliki pengalaman selama 10 tahun sebagai penganalisis jualan sebelum beralih ke pengurusan aset pada tahun 2006. Merupakan graduan dalam bidang kejuruteraan dari Monash Universiti, Australia pada 1988.

Manakala Mr Tan Gid Loke merupakan pengurus dana bagi MCF dan MCS.

4.1.4 Hwang Investment Management Berhad (“HwangIM”) :

Dilantik sebagai pengurus dana MHF dan MSPF. HwangIM telah diperbadankan di Malaysia pada 2 Mei 1997 di bawah Akta Syarikat, 1965 dan mula beroperasi di bawah nama Unit Hwang-DBS Amanah (HDBSUT) Berhad pada tahun 2001. Mempunyai lebih 36 tahun dalam industri sekuriti.

4.1.5 Manulife Asset Management Services Berhad

Diperbadankan di Malaysia pada 30 September 2008 dan mempunyai 3 tahun pengalaman dalam pengurusan dana. Para profesional pelaburan Manulife Asset Management Services Berhad ini merupakan sebahagian daripada rangkaian pelaburan profesional global Manulife Asset Management dengan kira-kira seramai 300 pengurus dana, penganalisis dan peniaga yang bersama-sama menyediakan penyelesaian pengurusan aset secara menyeluruh. Manulife Asset Management Services Berhad mempunyai kakitangan seramai 20 orang manakala seramai 7 orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan.

Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual⁵, juga berpendapat bahawa pengurus dana unit amanah Islam tidak hanya dikhususkan kepada pengurus muslim sahaja. Beliau berpendapat pengurus dana bukan muslim juga boleh menguruskan dana tersebut dengan syarat memiliki pengetahuan berkenaan kewangan Islam dan mempunyai sekurang-kurangnya sijil dalam bidang tersebut. Menurut beliau, pihak IBFIM telah menyediakan skim latihan kepada pengurus dana yang ingin mendapatkan latihan bagi pengurusan berasaskan Syariah tidak kira bagi pengurus dana muslim atau bukan muslim.

Setiap entiti yang bertindak sebagai pengurus dana dalam kedua-dua institusi ini telah menetapkan secara khusus pengurus dana yang akan memantau perjalanan dan perkembangan setiap dana dari semasa ke semasa.

Manakala pemantau dari aspek perjalanan Syariah pula, menurut Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual, suatu Jabatan Syariah telah ditugaskan bagi membuat pemantauan perjalanan Syariah dalam syarikat-syarikat yang berada di bawah seliaan IBFIM dan terdapat lima (5) orang Pegawai Syariah yang telah ditugaskan untuk membuat pemantauan ini. Manakala setiap seorang Pegawai Syariah memegang sekurang-kurangnya sebuah syarikat untuk berada di bawah pemantauan IBFIM.

Namun melihat kepada sisi pandang Syariah pula, Pengurus-Pengurus Dana Syariah ini kebanyakannya dikendalikan oleh pengurus dana bukan Islam. Sebagaimana huraian yang telah dikemukakan di atas, aspek pemilihan pengurus dana bagi dana amanah Syariah ini tidak mengkhususkan pengendalian dana ini hanya kepada orang Islam sahaja.

⁵ Mohd Bakir Mansor (Dato', Penaung Penasihat Syariah, Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2014.

Merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual⁶, beliau berpandangan bahawa tidak timbul sebarang keraguan sekiranya dana amanah Islam diuruskan oleh orang bukan Islam kerana pelaksanaan pengurusan dana Islam tidak terletak kepada individu yang menguruskan akan tetapi operasi Syariah bagi dana Islam yang menunjukkan dana tersebut patuh Syariah atau sebaliknya.

Pendapat ini diperkukuhkan lagi oleh Penasihat Syariah Public Mutual⁷, beliau juga berpendapat sesuatu perjalanan dana amanah Islam diiktiraf patuh Syariah bukan berdasarkan individu yang menguruskan dana, akan tetapi berdasarkan kepada operasi Syariah yang digunakan oleh sesuatu dana amanah Islam itu sendiri. Namun, menurut beliau lagi adalah lebih baik sekiranya dana amanah Islam diuruskan atau berada di bawah kendalian seorang pengurus dana muslim hal ini disebabkan bagi memastikan dana yang diuruskan lebih terpelihara dan tidak timbul sebarang keraguan dalam kalangan pelabur-pelabur.

4.2 ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PEMILIHAN SAHAM

Analisis bagi kategori pemilihan saham ini memberi pemfokusan terhadap aspek Syariah berikutan dana-dana unit amanah yang terlibat merupakan dana unit amanah saham Islam. Bagi menganalisis aspek pemilihan saham, dana yang terlibat terbahagi kepada tiga kategori iaitu dana ekuiti, dana bon/sukuk dan dana pasaran wang.

Manakala bagi aspek pemilihan saham dana-dana unit amanah Islam, kedua-dua institusi ini menerangkan secara terperinci aspek-aspek yang perlu ditekankan sebelum sesuatu dana dimasukkan ke dalam saham tersebut. Aspek-aspek yang menjadi penekanan antaranya

⁶ Mohd Bakir Mansor, *op.cit.*

⁷ Akram Laldin, *op.cit.*

perjalanan perniagaan syarikat yang akan dipilih mestilah tidak terlibat dengan aktiviti yang diharamkan di sisi syarak mengikut penanda aras yang telah ditetapkan.

Berdasarkan prospektus, bagi pengurusan dana ekuiti di Public Mutual, Pengurus akan melabur dalam Sekuriti Patuh Syariah asing yang diluluskan /disahkan oleh Penasihat Syariah. Pelaburan dana mungkin juga menyertai tawaran Awam Awal (IPO) syarikat-syarikat yang cuba mendapatkan penyertaan di Bursa Sekuriti atau pasaran asing lain yang dibenarkan yang dikategorikan sebagai Patuh Syariah. Disamping itu, pengurus dana mungkin mendapat nasihat daripada Penasihat Syariah bagi memastikan Syariah taraf IPO. Dana mungkin melabur dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam untuk menjana pulangan. Bagi sekuriti yang tersenarai di Bursa Sekuriti, rujukan dibuat kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah SS setiap setengah tahun. Pelaburan dana dalam sekuriti asing akan dipilih menurut sekuriti yang dikategorikan sebagai Patuh Syariah.

Maklumat ini diperkukuhkan lagi dengan merujuk kepada pandangan Penasihat Syariah Public Mutual⁸, Penasihat Syariah hanya bertindak menetapkan garis panduan pengurus dana untuk melabur dalam sekuriti patuh Syariah. Namun, Penasihat Syariah tidak terlibat dalam menentukan kategori dana dan di mana dana tersebut akan dilaburkan. Walau bagaimanapun, Penasihat Syariah masih boleh bertindak sebagai penasihat bagi dana-dana yang akan dilaburkan supaya selari dengan tuntutan syara'.

Untuk sekuriti dikaji semula oleh Penasihat Syariah, bagi peringkat permulaan Pengurus Dana akan mengenalpasti dahulu sekuriti yang memenuhi kriteria pelaburannya di pasaran asing terpilih yang dibenarkan oleh SS. Semua Dokumen yang berkaitan dengan maklumat

⁸ Akram Laldin, *op.cit.*

terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat lain yang berkaitan akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses Penyaringan Saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan juga kualitatif.

Manakala bagi dana yang tidak patuh Syariah pula, menurut Penasihat Syariah Public Mutual⁹, sekiranya dana tersebut dikategorikan tidak patuh Syariah, pengurus dana perlu menjual jika harga pasaran lebih daripada harga yang dibeli dan pengurus dana boleh mengambil harga yang dirasakan sesuai mengikut penilaian pengurus dana.

Merujuk kepada jadual 4.1.2, kedua-dua institusi ini telah menggunakan dua peringkat saringan yang sama iaitu analisis kuantitatif dan analisis kualitatif bagi menganalisis syarikat yang akan dipilih bertujuan memastikan perjalanan perniagaan syarikat agar selari dengan penanda aras yang ditetapkan sebelum status Syariah diberikan kepada syarikat tersebut.

Analisis Kuantitatif :

Penasihat Syariah akan menentukan sama ada nisbah kewangan (pendapatan faedah, nisbah hutang pinjaman berfaedah dan sebagainya) untuk sekuriti itu memenuhi ambang kewangan dalaman Penasihat Syariah. Sekiranya mana-mana pengiraan gagal memenuhi ambang kewangan itu, Penasihat Syariah tidak akan memberi taraf patuh Syariah untuk sekuriti itu.

Analisis Kualitatif :

Melibatkan penelitian sekuriti itu secara keseluruhan. Sekuriti itu mestilah tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan yang tidak dibenarkan oleh Syariah seperti arak, khinzir dan

⁹Akram Laldin, *op.cit.*

keluaran berkaitan khinzir, perjudian, tembakau, pornografi, perkhidmatan kewangan konvensional dan sebagainya. Penasihat Syariah akan meneliti aspek tanggapan orang ramai tentang imej syarikat, perniagaan teras yang dianggap penting dan masalah (bermanfaat) kepada umat Islam dan negara, unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat kecil dan melibatkan hal-hal seperti umum balwa (sesuatu yang sudah menjadi umum dan biasa berlaku dan sukar dielakkan), uruf (adat) dan hak masyarakat bukan Islam yang diterima oleh Islam. Bagi memastikan keperluan Syariah dipatuhi dengan ketat, senarai Sekuriti Patuh Syariah ini dikemaskini oleh Penasihat Syariah dua kali setahun untuk memasukkan / mengeluarkan sekuriti dari senarai tersebut.

Manakala Dana Ekuiti bagi MAAKL Mutlak, menetapkan pelaburan di Malaysia dalam sekuriti tempatan adalah berdasarkan senarai Sekuriti Patuh Syariah yang dikeluarkan oleh SACSC dua kali setahun pada hari Jumaat setiap akhir bulan Mei dan November yang disiarkan di laman web Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Walau bagaimanapun Tawaran Awam Awal (IPO) bagi syarikat yang belum ditentukan status Syariah oleh SACSC, digunakan oleh IBFIM berikutan analisis dalam menentukan status Syariah. Kriteria ini diterima pakai oleh IBFIM sebagai langkah sementara sehingga SACSC mengeluarkan status Syariah bagi IPO syarikat tersebut.

Menurut Penasihat Syariah MAAKL Mutlak¹⁰, Pengurus dana akan mengadakan pertemuan bersama Penasihat Syariah sekurang-kurangnya sekali sebulan. Pengurus dana akan mengemukakan senarai syarikat yang terpilih kepada Penasihat Syariah untuk mendapatkan pengesahan atau pemilihan sama ada syarikat tersebut Patuh Syariah atau sebaliknya.

¹⁰ Mohd Bakir Mansor, *op.cit.*

MAAKL Mutual turut menggunakan kaedah analisis yang sama bagi memastikan syarikat menjalankan aktiviti patuh Syariah sebagaimana yang telah digariskan oleh MPS.

Analisis Kuantitatif :

IBFIM tidak meluluskan syarikat yang menjalankan aktiviti utama seperti perkhidmatan kewangan konvensional, perjudian, pengurusan atau jualan bagi barangan yang tidak halal, pengurusan atau jualan bahan berasaskan tembakau, bahan-bahan lucah, persenjataan, aktiviti pengiklanan yang tidak berlandaskan Syariah dan lain-lain aktiviti yang tidak mendapat kelulusan Syariah.

IBFIM menentukan perkara di bawah bagi memastikan mereka tidak melebihi tanda aras yang telah ditetapkan antaranya, Faedah pendapatan yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan dan faedah pendapatan atas keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 5%, Sumbangan pendapatan terhadap aktiviti bercampur yang melibatkan unsur Syariah adalah dilarang seperti perniagaan berasaskan faedah, bank konvensional, insuran, perjudian, minuman keras dan daging babi ke atas jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 5%, Sumbangan pendapatan daripada aktiviti bercampur yang melibatkan tembakau dan perniagaan yang berkaitan dengan tembakau ke atas jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 10%, Pendapatan sewaan bercampur dengan aktiviti yang tidak patuh Syariah berbanding jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 20% dan Pendapatan daripada aktiviti bercampur yang melibatkan perniagaan seperti hotel dan pusat peranginan, perniagaan saham dan broker saham melebihi jumlah pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak melebihi 25%. Sekiranya mana-mana syarat yang telah dinyatakan di atas gagal dipatuhi, IBFIM tidak akan memberikan status Syariah kepada syarikat berkenaan.

Analisis kualitatif :

Syarikat yang menepati syarat di atas akan disaring dengan kaedah kualitatif sebelum diklasifikasikan sebagai patuh Syariah. Dalam analisis ini IBFIM akan meninjau aspek-aspek umum tentang pandangan masyarakat terhadap perniagaan tersebut, perniagaan utama syarikat dianggap penting dan memberikan kemudahan (masalah) kepada umat Islam dan negara, unsur-unsur yang tidak dibenarkan adalah sangat sedikit dan melibatkan perkara seperti “umum balwa” (perkara terlarang yang sukar untuk dielakkan), uruf(adat) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang boleh diterima menurut Syariah.

Manakala bagi Dana Bon atau Sukuk di Public Mutual, Pelaburan dana dalam sukuk domestik akan dipilih daripada senarai sukuk yang sudah sedia ada dalam laman web Suruhajaya Sekuriti. Pelaburan dana akan dipilih setelah berunding dengan Penasihat Syariah. Bagi mana-mana suku asing dikategorikan sebagai patuh Syariah, Pengurus Dana akan mengenalpasti dahulu sukuk asing dalam pasaran asing terpilih. Untuk memastikan pematuhan ketat kepada keperluan Syariah, Penasihat Syariah akan mengkaji semula memorandum maklumat atau prospektus sukuk asing untuk mendapatkan butir-butir mengenai kelulusan Syariah dan fatwa yang mengesahkan sukuk tersebut. Penasihat Syariah akan mengkaji semula struktur, kontrak, aset dan terma-terma terbitan sukuk asing bagi memastikan ia mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Bagi Dana Bon atau Sukuk di MAAKL Mutual pula, Senarai Sukuk Patuh Syariah adalah berpandukan senarai yang disediakan di laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Sukuk Asing :

IBFIM akan mengkaji memorandum maklumat atau prospektus sukuk, struktur, tahap penggunaan, kontrak Syariah dan sebagainya.

Seterusnya bagi Dana Pasaran Wang Islam di Public Mutual, tumpuan pelaburan dana ialah kepada Instrumen Pasaran Wang Islam Jangka Pendek Yang Cair Dan Patuh Syariah yang diterbitkan oleh institusi kewangan berlesen. Walaupun dana diuruskan secara aktif, kekerapan strategi dagangan amat bergantung pada peluang pasaran.

Manakala Dana Pasaran Wang Islam di MAAKL Mutual, Senarai instrumen patuh Syariah adalah berpandukan senarai yang disediakan di laman sesawang Bank Negara Malaysia (BNM).

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas Penasihat Syariat bagi kedua-dua insituti ini, penulis mendapati bahawa terdapat beberapa kontrak yang terlibat dalam pengurusan dana unit amanah Islam ini. Antara kontrak yang terlibat seperti kontrarak wakalah, kontrak jual beli dan kontrak musyarakah.

Menurut Penasihat Syariah MAAKL Mutual¹¹, kontrak yang terlibat dalam pengurusan dana unit amanah Islam ini adalah kontrak musyarakah dan kontrak jual beli. Menurut beliau, dana ditubuhkan mengikut kontrak musyarakah. Penasihat Syariah Public Mutual juga berpendapat kontrak yang terlibat dalam unit amanah tersebut adalah berdasarkan kontrak musyarakah yang mana terdapat ramai pelabur dalam satu unit amanah.

Manakala kontrak jual beli pula menurut Penasihat Syariah Public Mutual¹² berlaku apabila pihak pengurus dana membeli dan menjual saham. Menurut beliau, kontrak wakalah berlaku antara pelabur dan pengurus dana, apabila pengurus bertindak selaku wakil bagi pihak syarikat untuk melaburkan dana yang diberikan oleh pelabur.

¹¹ Mohd Bakir Mansor, *op.cit.*

¹² Akram Laldin, *op.cit.*

4.3 ANALISIS PENGURUSAN DANA KATEGORI PEMBAHAGIAN ASET

Analisis pembahagian aset merujuk kepada peratusan NAB yang ditetapkan oleh kedua-dua institusi ini kedalam instrumen pelaburan berasaskan Islam. Merujuk kepada jadual 4.1.3, dana ekuiti di Public Mutual menetapkan sekurang-kurangnya 15% hingga 20% daripada NABnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Manakala bagi dana bon/ sukuk pula Public Mutual menetapkan 75% hingga 98% dilaburkan dalam sukuk dan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.

Seterusnya bagi dana pasaran wang Islam di Public Mutual menetapkan 100% daripada NABnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit berasaskan Syariah. Bagi dana ekuiti, Public Mutual menetapkan setiap nilai baki NAB dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam tetapi, MAAKL Mutual pula sedikit berbeza iaitu institusi ini telah menetapkan bagi setiap dana ekuiti dan dana bon sekurang-kurangnya 2% nilai NABnya dilaburkan dalam Aset Cair Berasaskan Syariah.

Manakala bagi dana pasaran wang Islam nilai NABnya sama seperti Public Mutual iaitu melaburkan sehingga maksimum 100% dari nilai NABnya dalam instrumen pasaran wang Islam. Oleh yang demikian, dana-dana unit amanah Islam bagi kedua-dua institusi ini telah menetapkan jumlah yang tertentu yang mesti dilaburkan dalam instrumen berasaskan Syariah bagi memastikan dana tersebut selari dengan prinsip Syariah yang telah ditetapkan.

4.3.1 Pembahagian aset Public Mutual mengikut kategori dana :

PBIEF : kandungan ekuiti minimumnya ialah 80% daripada NAB dana. Baki NAB dana dilaburkan dalam Sukuk Dan Aset Cair Berasaskan Syariah yang termasuk instrumen pasaran wang Islam.

PBIEF : Kandungan ekuiti minimumnya ialah 80% daripada NAB dana. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam.

PBIASSF : Mengekalkan pendedahan ekuiti dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam Sukuk Dan Aset Cair Berasaskan Syariah yang termasuk instrumen pasaran wang Islam

4.3.2 Pembahagian aset mengikut kategori dana di MAAKL Mutual :

MAF : Melabur sekurang-kurangnya 98% daripada NAB dalam pasaran ekuiti. Manakala meletakkan lebih pelaburan untuk dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Dana ini mengekalkan sekurang-kurangnya 2% daripada NAB dalam bentuk Aset Cair Berasaskan Syariah.

MSIF : Dana dilaburkan dalam lingkungan 98% dari NABnya dalam Pelaburan Ekuiti Berasaskan Syariah. Dana mensasarkan untuk melaburkan sepenuhnya dalam saham pelbagai sehingga 95% hingga 97%. Dana akan mengekalkan sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya dalam Aset Cair Berasaskan Syariah.

MAFZ : Dana melabur sekurang-kurangnya 70% daripada nilai NABnya dalam Pelaburan Ekuiti Berasaskan Syariah. Dana akan dilaburkan sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya dalam Aset Cair Berasaskan Syariah.

MAU : Ekuiti Berasaskan Syariah : 40% hingga 60% daripada nilai NABnya. Sukuk : 40% hingga 60% dari nilai NABnya. Aset Cair Berasaskan Syariah : sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya.

MCS : Ekuiti Berasaskan Syariah dan Pelaburan ekuiti yang berkaitan : 0 hingga 98% dari nilai NABnya. Sukuk Dan Pelaburan Pasaran Wang Islam : 2 hingga 100% daripada nilai NABnya. Aset Cair Berasaskan Syariah : sekurang-kurangnya 2% daripada nilai NABnya.

MSAP : Dana melabur sehingga nilai maksimum 98% daripada nilai NABnya dalam Ekuiti Asia-Pasifik Berasaskan Syariah dan saham ekuiti yang berkaitan. 70% dilaburkan dalam Ekuiti Berasaskan Syariah dan saham ekuiti yang berkaitan kurang daripada 70% tetapi tidak kurang daripada 50%. Dana dilaburkan sekurang-kurangnya 2% dalam Aset Cair Berasaskan Syariah. Dana dilaburkan dalam pasaran wang asing sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah NABnya yang dikawalselia oleh pengurus atau badan yang berautoriti yang ditetapkan oleh BNM.

Dana Bon atau sukuk Public Mutal :

PBIBF : Mengekalkan pendedahan sukuk dalam lingkungan 75% hingga 98% daripada NABnya. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam Instrumen Pasaran Wang Islam

PBSKF : 75% daripada NABnya dalam portfolio sukuk dengan bakinya dilaburkan dalam Instrumen Pasaran Wang Islam. 30% daripada NABnya dilaburkan dalam sukuk asing.

Kesimpulannya, pengurusan dana unit amanah Islam memerlukan tiga aspek penting ini iaitu pengurusan dana, sesebuah institusi unit amanah memerlukan pengurus dana yang mampu menguruskan dana dengan baik dan aspek yang paling penting adalah pengurusan terhadap sesuatu dana tersebut bergantung kepada pengurus dana yang telah dipertanggungjawabkan. Sebuah syarikat yang berjaya mampu membahagikan dan menjalankan tugas dengan baik. Manakala dalam aspek penekanan Syariah pula, kedua-dua dana telah menetapkan pegawai yang bertanggungjawab dalam persoalan Syariah

berkaitan dana. Bagi Penasihat Syariah yang ditugaskan di Public Mutual adalah ZI Shariah Advisory Services Sdn. Bhd manakala di MAAKL Mutual pula adalah Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM). Kedua-dua badan Penasihat Syariah ini bertanggungjawab memastikan perjalanan dana sentiasa patuh Syariah mengikut penanda aras yang telah ditetapkan oleh MPS.

Manakala pemilihan saham yang betul perlu dititikberatkan agar dana yang dilaburkan dapat berkembang dengan baik. Namun, aspek Syariah juga perlu diteliti agar dana yang dilaburkan menepati piawaian Syariah yang ditetapkan oleh MPS.

Seterusnya aspek pembahagian aset juga penting dalam menentukan perkembangan dana yang dilaburkan. Namun jumlah aset yang dilaburkan perlulah diteliti sebaiknya agar dana yang dilaburkan menepati kehendak Syarak. Walau bagaimanapun, kestabilan dana juga mesti dititikberatkan agar dana sentiasa berkembang dalam masa yang sama patuh Syariah.

Berdasarkan analisis- analisis yang dikemukakan penulis mendapati bahawa sesuatu pengurusan dana unit amanah Islam bukan sahaja bergantung kepada kebijaksanaan pengurus dana menguruskan dana tersebut. Namun, pengurusan dari aspek Syariah juga perlu ditekankan agar dana tersebut bukan sahaja hebat dari sudut pertumbuhan bahkan dana tersebut juga patuh Syariah.

Kajian ini juga turut memberikan penjelasan berkenaan dana yang diuruskan oleh pengurus dana bukan muslim. Berdasarkan kajian yang dijalankan dan pengesahan yang diperakui oleh Penasihat Syariah yang dipertanggungjawabkan, menunjukkan sesuatu dana patuh Syariah tidak bergantung kepada individu yang menguruskan dana. Aspek yang lebih penting adalah dana tersebut diuruskan mengikut garis panduan Syariah dan mengikut penanda aras yang ditetapkan oleh MPS.

BAB 5

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis- analisis kajian yang dijalankan, penulis mendapati kedua-dua institusi mempunyai dana-dana unit amanah yang ditawarkan kepada para pelabur. Setiap dana-dana tersebut mempunyai portfolio yang berbeza dan diuruskan oleh pengurus dana yang telah ditugaskan mengikut portfolio dana masing-masing. Dana patuh Syariah kedua-dua institusi dibahagikan mengikut risiko-risiko tertentu dan dilaburkan dalam portfolio patuh Syariah sahaja mengikut garis panduan yang diberikan oleh MPS. Terdapat pelbagai kategori dana yang ditawarkan oleh kedua-dua institusi ini seperti dana ekuiti, dana bon, dana dan pasaran wang. Manakala setiap kategori dana mempunyai beberapa jenis dana yang berlainan maklumat, pengurus dana dan risiko. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati kedua-dua syarikat menawarkan pelbagai dana patuh Syariah kepada para pelabur dan penulis telah mengulas secara terperinci maklumat-maklumat dana yang ditawarkan oleh kedua-dua syarikat.

Berdasarkan objektif kedua dalam kajian ini penulis mendapati, pengurusan dana Public Mutual dikendalikan oleh Jabatan Pelaburan. Setiap organisasi dalam Jabatan pelaburan bertanggungjawab ke atas dana-dana yang telah dibahagikan. Setiap Jawatankuasa mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza mengikut portfolio dana yang diuruskan serta setiap dana-dana tersebut diuruskan oleh pengurus dana yang berlainan. Manakala syarikat MAAKL Mutual pula telah melantik entiti yang lain bagi menguruskan dana-dana syarikat.

Terdapat empat syarikat pengurus dana yang terlibat iaitu Meridian Asset Management Sdn Bhd, CIMB-Principal Asset Management Berhad, Hwang Investment Management Berhad dan Manulife Asset Management Services Berhad. Setiap daripada syarikat-syarikat ini mempunyai portfolio dana masing-masing dan setiap dana-dana tersebut mempunyai organisasi pengurus dana yang telah ditetapkan mengikut kategori dana.

Manakala bagi aspek pemilihan saham pula, kedua-dua syarikat menekankan kepada beberapa aspek sebelum sesuatu dana dimasukkan dalam dana tersebut. Antara aspek yang menjadi penekanan adalah aspek perjalanan syarikat mestiah patuh Syariah, syarikat tidak terlibat dengan aktiviti haram disisi syarak dan aspek pertumbuhan dana. Setiap Pengurus dana akan melabur dalam Sekuriti Patuh Syariah yang diluluskan oleh Penasihat Syariah. Kedua-dua pengurus dana syarikat merujuk kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah SS setiap setengah tahun. Oleh yang demikian, kedua-dua syarikat memberikan penekanan aspek pemilihan saham bagi memastikan dana dilaburkan selari dengan kehendak syarak dan berkembang dengan baik.

Bagi aspek pembahagian aset pula, kedua-dua syarikat menekankan aspek pembahagian aset ini kepada dua bahagian iaitu pertama peratusan pelaburan bagi instrumen pasaran wang Islam dan kedua aspek pertumbuhan dana. Pertumbuhan dana ditekankan bagi memastikan dana dapat berkembang dengan baik tanpa mengabaikan aspek Syariah yang telah ditetapkan ke atas dana-dana tersebut. Bagi dana ekuiti, Syarikat Public Mutual menetapkan 15% hingga 20% daripada NABnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam. Manakala bagi dana bon/ sukuk pula Public Mutual menetapkan 75% hingga 98% dilaburkan dalam sukuk dan bakinya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan bagi dana pasaran wang Islam di Public Mutual menetapkan 100% daripada NABnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit berasaskan Syariah. Manakala

bagi dana ekuiti dan bon Syarikat MAAKL Mutual pula sekurang-kurangnya 2% nilai NABnya dilaburkan dalam Aset Cair Berasaskan Syariah. Manakala bagi dana pasaran wang nilai NABnya sama seperti Public Mutual iaitu melaburkan sehingga maksimum 100% dari nilai NABnya dalam instrumen pasaran wang Islam.

Pengurusan Syariah dalam ketiga-tiga aspek pengurusan kajian disimpulkan seperti berikut:

(a) Pengurus Dana :

Perjalanan pengurusan Syariah bagi kedua-dua institusi dipertanggungjawabkan kepada Penasihat Syariah yang telah dilantik. Hasil temu bual bersama kedua-dua penasihat Syariah syarikat mendapati, setiap dana-dana patuh Syariah tidak dikhususkan hanya kepada pengurus dana Muslim sahaja, bahkan pengurus dana bukan muslim turut terpilih. Namun, pengurus dana muslim lebih diutamakan untuk menguruskan dana-dana patuh Syariah bagi memastikan dana yang diuruskan lebih terpelihara dan tidak timbul sebarang keraguan.¹

Tambahan pula, sesuatu perjalanan dana unit amanah diiktiraf patuh Syariah tidak berdasarkan pihak yang menguruskan akan tetapi berdasarkan operasi Syariah yang digunakan dalam menguruskan dana-dana tersebut.² Pengurus dana bukan muslim berpeluang untuk menguruskan dana-dana patuh Syariah dengan syarat mereka memiliki pengetahuan dalam bidang pengurusan Syariah dan sekurang-kurangnya memiliki sijil dalam bidang tersebut.³ IBFIM selaku badan penasihat Syariah MAAKL Mutual telah

¹Akram Laldin (Profesor Madya Dr., Pengarah Eksekutif, International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)), dalam temubual dengan penulis, 3 Mac 2014.

²*Ibid.*

³Mohd Bakir Mansor (Dato', Penaung Penasihat Syariah, Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2014.

mempertanggungjawabkan Jabatan Syariah bagi membuat pemantauan perjalanan Syariah dalam syarikat-syarikat dibawah seliaan IBFIM.

(b) Pemilihan Saham :

Berdasarkan aspek pemilihan saham pula, kedua-dua syarikat amat menekankan dana-dana dilaburkan dalam saham-saham patuh Syariah sahaja. Pengurus dana Public Mutual akan mendapatkan nasihat daripada Penasihat Syariah saham-saham yang tersenarai sebagai saham patuh Syariah. Dana turut dilaburkan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam untuk menjamin pertumbuhan dana. Penasihat Syariah Public Mutual tidak terlibat dalam menentukan kategori dana dan bagaimana portfolio dana diagihkan. Namun, Penasihat Syariah boleh bertindak sebagai penasihat bagi dana-dana yang akan dilaburkan agar selari dengan kehendak syarak.

Manakala bagi MAAKL Mutual sebelum sesuatu dana dilaburkan, penentuan terhadap kepatuhan Syariah sesuatu pelaburan adalah berdasarkan senarai Sekuriti Patuh Syariah yang dikeluarkan oleh SACSC yang disiarkan di laman web Suruhanjaya Sekuriti.

Manakala sekiranya dana tersebut dikategorikan tidak patuh Syariah, pengurus dana perlu menjual jika harga pasaran lebih daripada harga yang dibeli dan pengurus dana boleh mengambil harga yang dirasakan sesuai mengikut penilaian pengurus dana.

(c) Pembahagian Aset :

Berdasarkan analisis kajian yang diperolehi, kedua-dua institusi menguruskan portfolio dana Syariah dengan baik dengan menetapkan beberapa peratusan daripada NAB untuk dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah dan turut menekankan aspek pertumbuhan dana dalam setiap portfolio pelaburan.

Public Mutual dan MAAKL Mutual menetapkan nilai NAB yang akan dilaburkan sekurang-kurangnya nilai minimum 2% hingga nilai maksimum 100% dalam instrumen patuh wang Islam. Oleh yang demikian, dua aspek yang diberikan penekanan dalam aspek pembahagian aset iaitu memastikan dana dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam dan memastikan kestabilan dan pertumbuhan dana patuh Syariah.

5.2 IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan penelitian penulis, kajian ini memberikan implikasi yang baik kepada Negara disebabkan aspek pengurusan sesuatu sistem kewangan adalah penting. Kajian ini memberikan beberapa pendedahan kepada masyarakat khususnya para pelabur berkenaan aspek pengurusan dana patuh Syariah di MAAKL Mutual dan Public Mutual. Selain itu kajian ini mampu membuktikan bahawa dana patuh Syariah mampu berkembang setanding dana-dana amanah saham yang lain serta menambahkan keyakinan para pelabur untuk terlibat dalam pelaburan unit amanah saham Islam.

5.3 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan penulis merumuskan bahawa masih terdapat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pengurusan dana dalam unit amanah Islam. Oleh yang demikian kajian lanjut perlu dilakukan bagi memastikan agar industri terus berkembang. Hal ini disebabkan, institusi unit amanah ini mempunyai potensi yang besar untuk terus melonjak naik selaras institusi-institusi lain yang terdapat di Malaysia.

Kajian berkenaan dana amanah Islam perlu terus dipertingkatkan agar institusi ini terus berkembang bertujuan mengalakkan masyarakat memahami seterusnya melibatkan diri dalam dunia pelaburan Islam. Serta yang lebih penting memastikan ekonomi umat Islam

terus berkembang dan menjadikan industri pelaburan menjadi pilihan utama masyarakat seluruh dunia samada Islam mahupun bukan Islam. Penulis menyarankan agar kajian yang lebih mendalam dilakukan terutama berkaitan operasi Syariah yang berjalan dalam institusi pelaburan Islam. Kajian berkenaan perbandingan ijihad-ijihad yang digunakan oleh badan-badan Penasihat Syariah dan Majlis-Majlis Fatwa dalam menetapkan sesuatu hukum adalah penting bagi memastikan ijihad yang dikeluarkan bertepatan dengan Syara'.

Selain itu, kajian berkenaan impak unit amanah Islam terhadap pertumbuhan ekonomi negara juga menarik sekiranya dikaji dan menjadikan dana unit amanah konvensional sebagai perbandingannya. Kajian perbandingan seperti ini penting untuk dikaji kerana berkemungkinan unit amanah Islam juga mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya Malaysia atau sebaliknya.

BIBLIOGRAFI

Akram Laldin (Profesor Madya Dr., Pengarah Eksekutif, International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA)), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2014.

Amalurramzan Ab Manan, “Penglibatan Pelabur Muslim dalam amanah Saham Islam : Kajian di ASM Mara Unit Trust Management Berhad.” Latihan Ilmiah, Jabatan Shariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2002.

Azlan Khalili. *Yang Perlu Anda Tahu Saham dan Pelaburan*. Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1993.

Chan Chooi Lee. “Pengurusan Unit Amanah : Kajian Kes ke atas OSK-UOB Unit Trust Management Berhad.” Kertas Projek, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, 1998.

Fadillah Mansor, M. Ishaq Bhatti, “Islamic Mutual Funds Performance For Emerging Market, During Bullish And Bearish: The Case Of Malaysia.” Makalah, *2nd International Conference On Business And Economic Research*, t.t, 2011.

FadillahMansor, M. Ishaq Bhatti,“Risk and Return Analysis On Performance Of The Islamic Mutual Funds: Evidence From Malaysia,” *Global Economy and Finance Journal* 4, (March 2011) : 19 -31.

Fikriyah Abdullah et al., "Investigation Of Performance Of Malaysian Islamic Unit Trust Funds Comparison With Conventional Unittrust Funds," *Managerial Finance*33, (2007) : 142-153.

Fakhruddin Sulaiman, Fadillah Mansor, "Operasi Dana Saham Amanah Secara Islam : Kajian Kes di Public Mutual BHD," *Jurnal Syariah* 1, 2009 : 17.

Hasnida Ab Manaf. "Saham Amanah Islam di Malaysia : Kajian Terhadap ASM Mara Unit Trust Management Berhad." Latihan Ilmiah, Jabatan Shariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2005.

Ismail Ibrahim. *Pelaburan dalam Pasaran Sekuriti, Hadapan dan Opsyen*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994.

_____. *Saham dan Pasaran Saham*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988.

Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005),entri "pengurusan."

Laman Web MAAKL Mutual, <https://www.maaklmutual.com.my/Pages/AUs/CP/coorprofile.aspx>, 5 November 2012.

Laman Web Public Mutual, <http://www.publicmutual.com.my/OurProducts/FundProspectus.aspx>, 5 November 2012.

Leow Huey Chuen, Dr Leong Kai Hin. "Unit Amanah di Malaysia : Kajian Kesan Pembentukan Portfolio Dan Faktor-Faktor Lain Ke Atas Tingkat Pulangan Serta Ukuran-Ukuran Pencapaian Yang Lain." Kertas Projek, Jabatan Ekonomi Analisa, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya,1998.

- M. Mark. *Mutual Funds : An Introduction To The Core Concepts*. Singapore : John and Sons (Asia), 2007.
- Mahani Mohamed. “Pelaburan : Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara.” Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya, 1999.
- Marziyana Mohamad Malom. “Pelaburan Dana Amanah Islam Kajian di Hong Leong Group Unit Trust Berhad.” Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Master Prospektus MAAKL Mutual, 2013.
- Master Prospektus Public Mutual, 2013
- Md Nurdin Ngadimon, “Peranan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dalam Pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, Bil. 2, 2009.
- Mohamad Yamin Ismail. “Amanah saham Islam : Teori dan Pelaksanaannya di Malaysia.” Thesis, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Azlan Yahya. “Kepentingan Nilai-Nilai Islam Syarikat Terhadap Keputusan Pelaburan Oleh Amanah Saham Islam.” Thesis, Universiti Utara Malaysia, 2005.
- Mohd Azuan Yaakob. “Prestasi Pelaburan Amanah Islam : Tinjauan Terhadap Dua Dana Amanah Saham Terpilih.” Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Mohd Bakir Mansor (Dato', Penaung Penasihat Syariah, Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)), dalam temu bual dengan penulis, 28 Februari 2014.

Mohd Yahya Mohd Hussin, Joni Tamkin Borhan, "Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam di Malaysia," *Jurnal Syariah* 17, no. 3 (2009) : 431-456.

Mohd Salleh Majid. *Saham*. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, Kementerian Pengajian Tinggi, 1993.

Norma Md. Saad et al., "A Comparative Analysis Of The Performance Of Conventional And Islamic Unit Trust Companies In Malaysia," *International Journal of Managerial Finance* 6, (2010) :24-47.

Permodalan Nasional Berhad. *Industri Saham Amanah Malaysia*. Kuala Lumpur : Permodalan Nasional Berhad, 2001.

Public Mutual, <http://www.publicmutual.com.my/Resources/FeaturedArticles.aspx>, 5 November 2012.

Razali Razman. *Panduan Pelaburan Unit Amanah*. Selangor : TrueWealth Sdn Bhd, 2010.

Rokiah Hassan. *Fundamentals Of Investment Analysis And Management*. Selangor : University Publication Centre (UPENA), 2010.

Roslan Haji Ali. *Pelaburan Penilaian dan Penerapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pengajian Tinggi, 1992.

Rosliza Mohamed Yusoff. "Amanah Saham Wanita : Kajian Dari Perspektif Pengurusan Dana." Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.

Rozihanim Shekh Zain. "The Performance Of Malaysian Unit Trust : Government Sponsored Funds Versus Private Funds (1993-2001)." Thesis, University Utara Malaysia, 2003.

Sin Mun Wah. "Sejauh Manakah Pelaburan Dalam Unit Amanah (unit Trust) selamat? : Kajian Kes Malaysian." Kertas Projek, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1996.

Siti Zaleha Ferozi Din. *Saham Amanah Ekuiti*. Selangor : Unitra Research Enterprice, 1995.

Sunthara Segar. *Rahsia Melabur Dalam Unit Amanah*. Selangor : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd, 2007.

APENDIKS

Struktur organisasi MAAKL Mutual

Lembaga Pengarah

Pengarah Bebas :

Major General Datuk Lai Chung Wah (Rtd)

Mr Nicholas John Lough @ Sharif Lough Abdullah

Tan Sri Ahmad bin Mohd Don

Pengarah Bukan Bebas :

Tunku Dato' Ya'acob bin Tunku Tan Sri Abdullah

Mr Muhamad Umar Swift

Mr Yeo Took Keat

Mr Edmond Cheah Swee Leng

Mr Wong Boon Choy

Pengurus Dana :

- a) Meridian Asset Management Sdn Bhd ("Meridian")
- b) CIMB-Principal Asset Management Berhad ("CIMB-Principal")
- c) HwangDBS Investment Management Berhad ("HwangDBS IM")

Pemegang amanah

- a) HSBC (Malaysia) Trustee Berhad
- b) Maybank Trustees Berhad
- c) OSK Trustees Berhad

Profil kumpulan Shariah :

Islamic Banking Finance Institute Malaysia (IBFIM)

Penaung Penasihat Syariah :

Dato' Mohd Bakir Bin Haji Mansor

Penasihat Syariah :

Mohd Nasir Ismail

Pegawai Shariah :

Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani

Struktur organisasi Public Mutual Berhad

Public Mutual mempunyai bilangan kakitangan seramai kira-kira 760 orang pada 2 April 2012 untuk menguruskan dan mentadbir skim amanah sahamnya.

Pengurus

Public Mutual

Ahli Lembaga Pengarah

Pengarah Bukan Bebas

Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow

Tan Sri Datuk Seri Utama Thong Yaw Hong

Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek

Dato' Sri Lee Kong Lam

Pengarah Bebas

Dato' (Dr.) Haji Mohamaded Ishak Bin Haji Mohamad Ariff

Dato' Haji Abdul Aziz Bin Dato' Dr. Omar

En. Quah Poh Keat

Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Eksekutif

Cik Yeoh Kom Hong

Penolong Pengurus Besar- Audit Dalaman dan Pematuhan

En. Abdul Samad B. Jaafar

Pengurusan Dana dan Proses Pelaburan :

Pengurus Besar Kanan-Pelaburan.

Pengurus Besar-Pelaburan,

Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Ekuiti.

Penolong Pengurus Besar-Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap.

Pengurus Kanan Portfolio dan Pengurus Portfolio- Pelaburan, Bahagian Pendapatan Tetap

Pengurus Kanan, Pengurus, Timbalan Pengurus, Penolong Pengurus, Eksekutif Kanan dan Eksekutif yang memberikan bantuan tambahan dalam memantau pembolehubah dan perkembangan makroekonomi dan analisis kewangan pelbagai syarikat tersenarai.

Pemegang Amanah :

a) Amanah Raya Trustees Berhad (ART)

b) Maybank Trustees Berhad (MTB)

Profil kumpulan Syariah :

ZI Syariah Advisory Services Sdn. Bhd.

Penasihat Syariah :

Prof Madya Dr. Mohamad Akram Laldin

Penasihat Syariah :

Profesor Dr Ashraf Bin Md Hashim

Penasihat Syariah :

Profesor Madya Dr Shafaai Bin Musa

Lampiran A

Soalan Temu Bual

Operasi Syariah

Soalan ini bertujuan mengkaji operasi Syariah yang berlaku dalam pengurusan dana-dana unit amanah Islam.

Pemilihan Saham

- 1- Bagaimanakah Pemilihan portfolio ditentukan untuk melabur dana patuh Syariah?
- 2- Apakah kontrak yang digunakan oleh syarikat untuk memastikan dana patuh Syariah?
- 3- Apakah yang dilakukan oleh pengurus dana sekiranya dana tersebut tidak patuh Syariah?
- 4- Bagaimanakah cara yang digunakan oleh syarikat untuk mengenalpasti sesuatu tempat yang dilaburkan tersebut patuh Syariah?
- 5- Apakah kriteria yang ditekankan bagi memastikan saham yang dipilih selari dengan kehendak Syarak dalam masa yang sama pulangan dan kestabilan dana terjamin?

Pengurus dana :

- 6- Adakah aspek Syariah terganggu sekiranya pengurus dana diserahkan kepada pengurus dana yang diterajui oleh bukan muslim ?
- 7- Adakah terdapat kriteria khusus bagi pemilihan pengurus dana Islam dan konvensional?

Pembahagian Aset :

- 8- Jumlah aset yang ditetapkan untuk pastikan dana patuh Syariah

Lampiran B



Sesi fotografi bersama Penasihat Syariah Public Mutual Sdn Bhd.

Prof Madya Dr. Akram Bin Laldin

Lampiran C



Sesi fotografi bersama Penaung Penasihat Syariah MAAKL Mutual

Dato' Mohd Bakir Bin Haji Mansor